

153

152

JILID II

HARI RABU

BIL. 3

25 NOVEMBER 1987



LAPORAN PERSIDANGAN

OFFICIAL REPORT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG

YANG KETUJUH

SEVENTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG

PENGGAL YANG KEDUA

SECOND SESSION

MESYUARAT YANG KEDUA

SECOND MEETING

ISSN 0304-1697



LAPORAN PERSIDANGAN

OFFICIAL REPORT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KETUJUH

SEVENTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG

PENGGAL YANG KEDUA
SECOND SESSION

MESYUARAT YANG KEDUA
SECOND MEETING.

KANDUNGAN

PERBAHASAN DI ATAS ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1988 (SAMB.)	
USUL UNTUK MEMINDAHKAN SEJUMLAH \$13,600.00 DARIPADA KUMPULANWANG PEMBANGUNAN NEGERI TAHUN 1987 KEPADA AKAUN HASIL NEGERI YANG DISATUKAN	
USUL UNTUK MELANTIK YB DR. SAK CHENG LUM KE JUMAAH UNIVERSITI MALAYA	
PEMILIHAN SENATOR	

MUKASURAT

3
62
63
64

LAPORAN PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI,
PULAU PINANG YANG KETUJUH,
MESYUARAT YANG KEDUA BAGI PENGGAL YANG KEDUA

HARI RABU, 25 NOVEMBER 1987

HADIR:

Yang Berhormat Tuan Speaker (Encik Ooi Ean Kwong)

Yang Amat Berhormat Ketua Menteri (Dr. Lim Chong Eu)

Yang Berhormat Penasihat Undang-undang Negeri (Datuk Mohd. Saari bin Yusuff,
D.S.P.N., D.J.N.)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas,
D.M.P.N., D.J.N.)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Pinang (Datuk Khoo Kay Por, D.M.P.N.,
J.M.N., J.P.)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar,
P.P.T.)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji
Omar, P.J.K., P.J.M.)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Tengah (Encik Liang Thau Sang, P.J.M., J.P.)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim bin Saad)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Ara Rendang (Encik Zakaria bin Bakar)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Mak Mandin (Dr. Sak Cheng Lum)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad, P.P.N.,
P.J.K., P.J.M., J.P.)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli,
P.J.K.)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Acheh (Puan Hajjah Ragayah binti Ariff,
K.M.N., A.M.N., P.P.N., D.J.N., P.J.K.)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Penanti (Encik Yahaya bin Jamaluddin)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Batu Uban (Puan Kee Phaik Cheen)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Encik Yahaya bin Abdul Hamid)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Boey Weng Keat)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Penaga (Encik Abdul Razak bin Ismail)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Bakap (Dr. Lim Boon Sho, A.M.N., P.J.)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Tanjong Bungah (Encik Khoo Boo Yeang, P.J.K.)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Encik Abd. Roni bin H. Hasan)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Machang Bubok (Encik Goik Hock Lai)

TIDAK HADIR:

Yang Berhormat Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Lim Kit Siang)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Karpal Singh)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Gooi Hock Seng)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Perai (Encik Shanmugam s/o Nadason)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Jawi (Encik Chin Kooi Thoon)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Batu Lanchang (Encik Tan Loo Jit)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Kebun Bunga (Encik Peter Huang)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng)

TURUT HADIR:

Setiausaha, Dewan Undangan (Encik Wong Hin Fatt, P.J.K., P.J.M.)

Dewan bersidang semula pada jam 9.43 pagi.

DOA.

Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan disambung semula dan sekarang Dewan dibuka untuk perbahasan.

Ahli Kawasan Batu Uban (Puan Kee Phaik Cheen):

Tuan Speaker, saya menyokong penuh usul bahawa Dewan ini meluluskan perbelanjaan \$38,782,220.00 yang tertunjuk di dalam Anggaran Pembangunan tahun 1988 dan mentapkan bahawa jumlah wang tersebut hendaklah dipergunakan bagi tujuan-tujuan yang tercatat di dalam Anggaran Pembangunan tahun 1988 itu. Kenyataan bahawa perbelanjaan pembangunan dicadangkan akan diperolehi dari punca negeri, pinjaman Kerajaan Persekutuan dan pemberian Kerajaan Persekutuan menunjukkan bahawa kita bukan sahaja mempunyai perhubungan rapat dengan Kerajaan Pusat tetapi juga bahawa Negeri Pulau Pinang di bawah pimpinan Y.A.B. Ketua Menteri telah mampu menguruskan perbelanjaan dengan bersungguh-sungguh.

Anggaran Pembangunan tahun 1988 telah dibahagikan dengan adilnya untuk meliputi segala bidang pertumbuhan ekonomi bagi sebuah negeri yang kekurangan sumber-sumber semulajadi. Pencapaian pembangunan Negeri Pulau Pinang banyak bergantung kepada kerjasama rapat yang berterusan di antara Kerajaan dengan rakyat dalam pungutan cukai tanah dan bayaran kepada Kerajaan. Di samping itu rakyat kita harus juga memberi sokongan penuh mereka terhadap projek-projek pembangunan Kerajaan dan meninggikan produktiviti mereka dan mencari pendapatan baru demi pertumbuhan lanjut ekonomi dalam negeri. Saya merasa gembira bahawa Anggaran Pembangunan tahun depan menyumbangkan \$2,038,670.00 kepada Jabatan Pertanian dengan tujuan untuk me-

ninggikan produktiviti dan meningkatkan kehidupan petani, para nelayan dan penternak-penternak kita dalam sektor pertanian.

Pulau Pinang berpotensi menjadi pula satu pusat *aquaculture* kerana kita mempunyai tanah-tanah terbiar yang rendah yang boleh dijadikan tempat penternakan udang harimau dan ikan. Selain daripada itu kita juga boleh menjadikan semula Pulau Pinang sebagai pelabuhan bagi bot-bot perikanan laut dalam yang berusaha di rantau Lautan Hindi. Dengan cara ini para nelayan kita akan dapat melibatkan diri mereka dalam pelaburan perikanan laut dalam yang menguntungkan ini, kelak. Walaupun terdapat tanda-tanda pemulihan ekonomi seperti ternampak dalam peningkatan pesanan eksport terutamanya bagi industri-industri elektronik dan tekstil, Negeri pulau Pinang masih perlu menarik lebih banyak pelaburan asing dan tempatan di dalam sektor-sektor yang lain dalam ekonominya supaya menggiatkan lagi pertumbuhan ekonomi.

Satu sektor penting ekonomi kita ialah industri perikanan. Sebelum tahun 1976, Pulau Pinang dijadikan sebagai pelabuhan persingahan yang penting bagi bot-bot perikanan laut dalam khususnya bot-bot dari Negeri Taiwan. Selepas tahun 1976, Singapura telah menggantikan Pulau Pinang sebagai pelabuhan bagi bot-bot ini. Hari ini, terdapat banyak faktor yang mewujudkan satu masa yang baik bagi Pulau Pinang mendapat semula kedudukan dahulunya.

Faktor-faktor ini ialah pertama, kedudukan *geographical* Pulau Pinang yang baik. Bot-bot perikanan laut dalam berusaha di Lautan Hindi dan rantau berhampiran yang menggunakan Selat Melaka sebagai laluan besar lebih suka melabur di Pulau Pinang yang letaknya 500 batu dekat daripada Singapura. Ini adalah penting terutamanya bila bot mereka memerlukan bekalan minyak, pembaikan dan peralatan yang serta merta.

Faktor kedua ialah penubuhan *Penang Shipping Corporation* dan syarikat-syarikat perkapalan swasta. Di Pulau Jerjak kita telah mempunyai sebuah syarikat perkapalan kepunyaan Kerajaan dan di sepanjang tepi laut juga terdapat syarikat-syarikat perkapalan swasta yang berpotensi membekal perkhidmatan-perkhidmatan membaiki mengecat semula, membaharui dan menyelenggara bot.

Faktor ketiga, kemudahan-kemudahan bilik dingin dan pendinginan yang boleh diperolehi. Setakat ini kemudahan-kemudahan ini dibekalkan oleh syarikat-syarikat swasta dan mampu memenuhi keperluan-keperluan yang ada sekarang. Rancangan-rancangan untuk membina lebih banyak dan memajukan kemudahan-kemudahan penting yang diperlukan oleh syarikat-syarikat perikanan laut dalam, mungkin perlu dipercepatkan supaya pendinginbekuan dan pembungkusan hasil tangkapan mereka untuk pasaran antarabangsa boleh dilakukan di Pulau Pinang. Ini akan menjimatkan syarikat-syarikat perikanan laut dalam dari kos pengangkutan yang lebih tinggi sekiranya hasil tangkapan mereka boleh dibungkus dan diedarkan ke pasaran mereka dari Pulau Pinang dan ini adalah lebih menguntungkan dari melakukannya di pengkalan negeri mereka.

Faktor keempat, keperluan menggalakkan industri *tuna canning* di Pulau Pinang. Di Pulau Pinang, terdapat 3 buah kilang *tuna canning* swasta yang mengalami kemerosotan yang jelas bila Singapura menggantikan Pulau Pinang sebagai pelabuhan bagi bot penangkapan ikan laut dalam. Kebanyakan bot-bot perikanan laut dalam mengkhususkan penangkapan tuna. Rakyat Taiwan mempunyai pasaran bagi tuna yang ditinkan dan mereka telah menyuarakan hasrat bagi Pulau Pinang mengendalikan pengetinan dan pembungkusan sebab kita telahpun mempunyai kepakaran dan mampu membuatnya pada kos yang lebih rendah daripada dilakukannya di Taiwan. Dengan ini kita dapat menikmati sebahagian perdagangan tuna dalam me-

nyediakan perkhidmatan atau melalui pembelian secara langsung kalau kita dapat mencari pasaran. Adalah menarik untuk mengetahui bahawa seekor ikan tuna bermata besar dan panjangnya 6 kaki boleh dijual dengan harga pasaran sekarang sebanyak \$10,000.00.

Faktor kelima, gudang-gudang sedia ada yang dengan senangnya boleh diubahsuai menjadi membersihkan dan membungkus tangkapan laut dalam untuk dieksport dalam *container*. Bot-bot perikanan laut dalam tidak perlu kembali ke pengkalan di tempat asalnya untuk memunggah tangkapan mereka sekiranya Pulau Pinang dapat menyediakan perkhidmatan membungkus ikan-ikan, didinginbekukan untuk dieksport dalam *container*. SAFMA di Sabah telah berjaya dalam bidang ini di mana udang-udang harimau dihantar dalam keadaan terdinginbeku dengan udara. Kita tentu berkemampuan menyelidi cara untuk memperolehi pengetahuan teknikal dalam pendinginan secara besar-besaran.

Faktor keenam, reputasi Pulau Pinang sebagai satu pusat pelancongan antarabangsa. Makanan, penginapan hotel, tempat-tempat pelancongan dan perkhidmatan lancong yang terdapat di Pulau Pinang pasti akan dapat memenuhi keperluan-keperluan para nelayan laut dalam. Adalah satu hakikat bahawa kebanyakan bot-bot perikanan laut dalam yang berusaha di rantau Lautan Hindi adalah rakyat dari Negeri Taiwan. Mereka bertutur Hokkien yang merupakan satu dialek yang umum digunakan di sini dan tabiat makan mereka juga sama.

Faktor ketujuh, peranan PDC di Zon Perdagangan Bebas kita. Pelabur-pelabur dari Negara Taiwan telah menunjukkan kecenderongan terhadap perusahaan menghasilkan pukat perikanan di Zon Perdagangan Bebas di mana 80% boleh dieksport dan 20% untuk pasaran tempatan. Ini akan memastikan pembekalan pukat yang mencukupi untuk bot-bot perikanan laut dalam yang singgah di pelabuhan Pulau Pinang.

Selain dari membuat pukat, penubuhan kilang-kilang membuat makanan untuk *aquaculture* juga akan menggalakkan industri *aquaculture* di negeri ini yang kini mengimport makanan *aquaculture* dari luar negeri.

Memandangkan faktor-faktor tersebut, saya ingin menyeru Kerajaan Negeri Pulau Pinang supaya menimbang dengan serius untuk menjadikan Pulau Pinang muncul semula sebagai sebuah pelabuhan persinggahan utama bagi perikanan laut dalam di Asia Tenggara. Industri perikanan laut dalam akan memberi kesan yang berlipatganda kerana ia akan mewujudkan peluang pekerjaan, memulihkan industri-industri kita yang mengusahakan pembuatan pukat, *tuna canning* pembungkusan, pembaikan dan servis bot dan sebagainya serta meningkatkan perdagangan pelancongan kita. Sekarang adalah satu masa yang baik kerana bot-bot perikanan laut dalam yang berusaha di Lautan Hindi pergi sejauh ke Negeri Mezzambique dan selain dari Singapura kerana mereka tidak ada pelabuhan persinggahan yang lain. Syarikat-syarikat perikanan laut dalam sedang mencari sebuah pelabuhan yang lebih baik daripada Singapura dan rakyat Taiwan terutamanya telah menunjukkan minat mereka terhadap Pulau Pinan. Tuan Speaker, selain daripada itu saya mengalu-alukan peruntukan Kerajaan Negeri sejumlah \$715,600.00 projek pencegahan banjir memandangkan banjir merupakan satu masalah yang dihadapi oleh kebanyakan kawasan-kawasan pilihanraya. Jumlah yang diperuntukkan akan dapat membolehkan langkah-langkah serta-merta diambil. Program kawalan banjir untuk jangka panjang akan memerlukan bantuan daripada Kerajaan Persekutuan yang telah menjanjikan Pulau Pinang pemberian sebanyak \$4½ juta, bila peruntukan boleh diperolehi.

Di kawasan pilihanraya Batu Uban terdapat 3 batang sungai yang besar iaitu Sungai Glugor, Sungai Dua Besar dan Sungai Relau. Sungai Gelugor menampung air dari kawasan Bukit Gambir manakala Sungai Dua Besar menerima air dari Bukit Sungai

Dua. Sungai Relau menampung air yang turun dari Bukit Relau dan kawasan Sungai Ara. Kawasan pilihanraya Batu Uban adalah satu kawasan pesat dimajukan sebagaimana yang boleh dilihat dengan bilangan sekim-sekim perumahan yang banyak sedang dilaksanakan sama ada oleh pihak Kerajaan mahupun oleh pihak swasta. Lebuhraya Jalan Tun Sardon dan Jalan Sungai Nibong juga telah siap dibina. Kawasan-kawasan yang teruk dilanda banjir ialah sekim-sekim perumahan di bahagian hilir seperti Changkat Minden, Jalan Molek, Taman Pantai Jerjak Fasa Pertama, Sungai Dua, kebun-kebun sayur di Relau dan persimpangan Jalan Tengah/Jalan Sungai Nibong. Banjir di kawasan-kawasan ini diakibatkan oleh faktor-faktor berikut:-

Faktor pertama, kawasan-kawasan ini berada di paras tanah yang rendah dan ini menyebabkan air dari kawasan berhampiran yang lebih tinggi mengalir ke kawasan-kawasan rendah ini dan membanjirinya.

Faktor kedua, longgokan kelodak di muara sungai dan padu selut dalam parit-parit serta pembetong-pembetong. Kelodak ini dibawa oleh sungai-sungai juga parit-parit. Arus juga menahan kelodak dari dihapuskan.

Faktor ketiga, kekurangan sistem pengaliran untuk menampung seluruh tadahan. Parit-parit terlalu sempit dan cetek untuk menampung saluran air. Banyak berkelodak dan ini mengurangkan laju aliran air dan muatan pengeluaran sistem pengaliran. Tambahan pula, jalan-jalan ditenggelami air kerana paip-paip *scupper* telah musnah atau tersumbat. Paip-paip *scupper* ini biasanya dirosakkan oleh kenderaan-kenderaan berat yang diletak di atas gili-gili.

Faktor keempat, aras air laut. Aras air laut yang tertinggi ialah aras 5.5 dan aras pengaliran maksima ialah aras 6.00. Oleh itu cuma tinggal aras setengah kaki sahaja bagi parit membawa air hujan. Ini adalah tidak mencukupi bila berlakunya hujan lebat dan air pasang pada waktu yang sama.

Faktor kelima, penyelenggaraan yang buruk dan ketiadaan pintu-pintu air, *sluice gates or flap valves*, di muara-muara sungai terutamanya di muara Sungai Dua Bear.

Usaha-usaha mengurangkan masalah banjir adalah tugas pihak-pihak berikut:-

Pertama, Jabatan Parit dan Taliair yang bertanggungjawab atas sungai-sungai dan parit-parit khususnya dalam membersihkan longgokan kelodak dan padu selut.

Kedua, Jabatan Kerja Raya yang bertanggungjawab bagi penyelenggaraan parit, parit *scupper*, parit tanah, gili-gili dan jalan di luar kawasan bandar.

Ketiga, Majlis Perbandaran Pulau Pinang yang bertanggungjawab atas perancangan bandar dan pembersihan parit-parit dan terusan-terusan yang dibina.

Oleh yang demikian, saya merayu Kerajaan Negeri supaya mengambil langkah-langkah bagi mengatasi banjir:

Langkah pertama, ialah mengembang dan memajukan sistem pengaliran yang sedia ada di kawasan-kawasan tersebut.

Langkah kedua, memperbaiki semua paip *scupper* dan parit yang rosak.

Langkah ketiga, sentiasa membersihkan parit-parit, muara-muara dan sungai-sungai.

Langkah keempat memasang *flap valves* di muara Sungai Dua Besar.

Langkah kelima, mengambil kawalan keras dalam kelulusan pelan-pelan bangunan dengan menitikberatkan sistem pengaliran yang sempurna.

Langkah keenam, mengadakan kawalan keras dalam kelulusan pelan-pelan bangunan dengan menitikberatkan sistem pengaliran yang sempurna.

Langkah keenam, mengadakan kawalan lebih ketat terhadap pengendali-pengendali lombong pasir dan kuari yang bertanggungjawab atas pencemaran sungai-sungai khususnya di kawasan Relau.

Langkah ketujuh, memastikan bahawa pihak yang menjalankan penambahan tanah bagi pembinaan jalan persisiran pantai atau *coastal road* sedar akan keperluan mengadakan tempat-tempat keluar ke laut yang sempurna bagi muara-muara di Batu Uban.

Saya berharap pihak-pihak berkenaan akan melaksanakan langkah-langkah tersebut di kawasan pilihanraya Batu Uban secepat mungkin. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, lima kejadian banjir telah berlaku di Taman Pantai Jerjak Fasa I dari bulan September sehingga bulan Nobember tahun ini. Masalah banjir di kawasan Batu Uban telah dibangkitkan sejak lima tahun yang lalu. Saya harap masalah ini akan dapat diatasi tidak lama lagi.

Sebagai penutup, saya ingin menyatakan bahawa saya menyokong penuh usul bahawa Dewan ini meluluskan perbelanjaan sebanyak \$3,782,220.00 yang tertunjuk di dalam Anggaran Pembangunan Tahun 1988.

Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Machang Bubok (Encik Goik Hock Lai):

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan usul perbelanjaan pembangunan yang dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang pada Dewan ini. Saya dengan ini menyokong sepenuhnya di atas usul tersebut yang menginginkan peruntukan sejumlah wang \$38,782,220.00 bagi tujuan pembangunan pada tahun 1988. Saya berharap peruntukan ini adalah satu peruntukan yang boleh menghasilkan kemajuan yang berfaedah kepada Negeri Pulau Pinang dan rakyatnya yang terdiri daripada berbilang kaum, berbilang keturunan dan berbilang agama.

Tuan Speaker, Anggaran Pembangunan yang telahpun berkurangan berbanding dengan tahun yang lalu sebanyak \$11,574,660.00 adalah satu peruntukan yang baik, satu anggaran perbelanjaan yang telah mencerminkan keyakinan pihak Negeri Pulau Pinang berjimat cermat dalam keadaan kedudukan kewangan dunia masih tidak menentu dan mengelirukan. Kita harus berusaha bersungguh-sungguh bagi mengatasi kesan-kesan ekonomi antarabangsa ke atas ekonomi kita yang akan menjadi serius. Pinjaman sejumlah \$3 juta dari Kerajaan Persekutuan untuk Perumahan Kos Rendah adalah yang bersesuaian bagi memenuhi kehendak rakyat di Negeri Pulau Pinang yang memerlukan sangat tempat-tempat tinggal yang murah. Saya mengalu-alukan hasrat Kerajaan Negeri yang akan membina sebanyak 1,643 unit rumah kos rendah dan 265 unit rumah kos sederhana sambil mengarahkan pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang membina lebih banyak rumah kos rendah jenis *cluster-link*. Saya berharap apabila siap nanti rumah-rumah ini akan diperuntukkan dengan saksama dan adil kepada semua rakyat mengikut komposisi kaum di Negeri Pulau Pinang.

Tuan Speaker, di kawasan Machang Bubok setakat hari ini hanya terdapat dua kawasan perumahan kos rendah berjumlah 102 unit yang satunya di Kampong Baru Alma sudahpun hampir 18 tahun lebih pembangunannya. Saya dapati di kawasan Machang Bubok masih terdapat banyak tanah untuk pembinaan rumah kos rendah dan saya harap sangat pihak Kerajaan Negeri mengenalpasti kawasan tersebut.

Tuan Speaker, di bawah Maksud Pembangunan 101, Butiran 6, sejumlah \$1,500,000.00 telah diperuntukkan bagi pembangunan masyarakat khususnya untuk memberi kemudahan asas dan infrastruktur bagi meningkatkan taraf hidup penduduk-penduduk luar bandar. Saya bagi pihak rakyat di kawasan saya, mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada pihak Jabatan Kemajuan Negeri, Jabatan

Daerah Seberang Perai Tengah, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Parit dan Taliair, Majlis Perbandaran Seberang Perai dan jabatan-jabatan lain yang saya tidak dapat sebutkan yang telah memberi sumbangan terhadap pembangunan masyarakat di kawasan saya. Kita sedar segala rancangan Kerajaan itu di dalam apa juga bentuk pembangunan tidak semestinya memenuhi kehendak-kehendak rakyat. Rakyat akan terus meminta sehinggalah segala yang dihasratkannya telahpun tercapai. Saya suka-lah menyarankan kepada pihak yang bertanggungjawab di atas permintaan pihak Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung, kawasan Kampong Kijang dan Ladang Alma yang memerlukan jalan kilang ubi ditarkan sehingga Jalan Sekolah. Sama juga dengan permintaan pihak Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Perkampungan Permatang Tinggi yang memerlukan pembaikan dewan orang ramai yang telah usang dan dalam keadaan buruk. Perkara ini telahpun dimajukan beberapa kali tetapi saya tidak tahu sejauh manakah tindakan yang diambil dan saya berharap tindakan sewajarnya dapat diberikan.

Tuan Speaker, saya merasakan satu perkara yang harus Pihak Berkuasa Air mengambil peranan khususnya di dalam perbekalan air minum yang bersih dan bermutu kepada semua rakyat di Negeri Pulau Pinang. Saya berterima kasih kepada Pihak Berkuasa Air yang telah mula melaksanakan perbekalan air di kawasan Kampong Kijang dan Ladang Alma tetapi masih terdapat beberapa tempat di kawasan Machang Bubok khasnya di Kampong Kuala Tasek, Kampong Pelandok Jatok, Junjong dan Kampong Manggis, Permatang Tinggi yang masih belum mendapat bekalan air. Sebenarnya projek bekalan air Kampong Kuala Tasek telah dapat dilulus dan telah dilaksanakan pada tahun 1986 tetapi telah ketinggalan di pertengahan sebuah ladang kelapa sawit tanpa memberi apa juga faedah kepada penduduk di Kampong Kuala Tasek. Saya berharap sangatlah Pihak Berkuasa Air supaya memberi perhatian dan juga akan meneruskan perbekalan air

ini, bukan hanya di Kampong Kuala Tasek tetapi ke kampung-kampung yang saya sebut di dalam projek tahun 1988.

Tuan Speaker, saya ingin menyentuh tentang keadaan paip perbekalan air yang terdapat di Perkampongan Baru. Paip perbekalan air yang dipasang lebih 30 tahun dahulu masa darurat telah usang dan beberapa kali berlaku kebocoran. Baru-baru ini sahaja di Perkampongan Baru Machang Bubok terdapat paip bekalan air bocor di beberapa bahagian dalam tempoh 2 hari. Justeru itu, saya mendesak Pihak Berkuasa Air hendaklah menggantikan semula semua paip bekalan air di Perkampongan Baru dengan paip baru supaya perbekalan air tidak berputus-putus dan menyebabkan kesusahan kepada penduduknya.

Tuan Speaker, sejumlah peruntukan yang diperuntukkan bagi Jabatan Kerja Raya iaitu \$8,670,630.00 sebahagian besarnya sebanyak 51.3% iaitu sejumlah \$4,449,070.00 telah diperuntukkan untuk membaiki jambatan-jambatan dan jalan-jalan. Sungguhpun demikian masih terdapat banyak lagi jalan-jalan, khususnya jalan-jalan di sekim perumahan, berada dalam keadaan buruk dan memerlukan mengetar semula. Apakah sebab jalan-jalan di sekim perumahan terjadi begini? Adakah disebabkan kekurangan penyeliaan masa peringkat pembinaan ataupun sikap tidak bertanggungjawab pihak pemaju? Apabila dirujuk kepada pihak Jabatan Kerja Raya jawapan yang diterima adalah kerana jalan-jalan ini masih di bawah penyelenggaraan si pemaju oleh yang demikian pihak pemaju adalah bertanggungjawab. Sungguhpun si pemaju bertanggungjawab tetapi selepas pemberian Sijil Pendudukan, tidak boleh dinafikan bahawa mereka tidak akan membuat demikian. Saya mendesak pihak Jabatan Kerja Raya mengambil perhatian yang lebih serius tentang hal ini dan juga langkah-langkah dan syarat-syarat yang membolehkan pihak Jabatan Kerja Raya mengambil alih penyelenggaraan jalan tersebut sebaik sahaja O.C. dikeluarkan.

Tuan Speaker, di bawah Maksud Pem-

bangunan 103 Butiran 1 sejumlah \$638,600.00 telah diperuntukkan untuk mendalam dan membaiki sungai-sungai. Saya berharap tambahan peruntukan ini adalah satu peruntukan yang boleh membantu dan menyelesaikan masalah-masalah banjir. Manakala hujan turun, banjir hebat melanda di kawasan Kampong Machang Bubok, Kampong Baru Alma, Kampong Manggis, Kampong Bukit Teh dan Kampong Tok Subuh, Permatang Tinggi. Berlakunya banjir di kawasan-kawasan yang tersebut itu adalah disebabkan sungai-sungai yang melintasi kampung-kampung itu telah menjadi cetek akibat pengurangan kerja membersihkan dan mendalam sungai itu. Baru-baru ini penanam-penanam sayur di kawasan tanah sawah terbiar di Kampong Bukit Teh telah mengalami banyak kerugian akibat tanaman sayur mereka itu telah dilanda banjir. Kejadian yang sama juga berlaku di Kampong Tok Subuh, di Permatang Tinggi di mana ladang getah dan ladang kelapa sawit telah ditenggelami air yang melimpahi tebing-tebing sungai. Petani-petani dan peladang-peladang ini telah mengalami kerugian dan beban yang berat. Saya merayu kepada pihak Jabatan Pertanian untuk menyediakan bantuan untuk memulihkan tanaman yang rosak itu.

Maka dalam perkara ini saya juga merayu khususnya kepada pihak Jabatan Parit dan Taliair agar dapat mendalam dan membersihkan serta meneguhkan tebing-tebing Sungai Machang Bubok sepanjang 253 rantai, Sungai Tok Subuh A, sepanjang 113 rantai dan Sungai Tok Subuh B, sepanjang 200 rantai.

Tuan Speaker, sekali lagi saya mohon menyokong.

Terima kasih.

Tuan Speaker:

Yang Berhormat Ahli dari Bayan Lepas.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Boey Weng Keat):

Tuan Speaker, saya bangun untuk

menyokong usul mengenai Anggaran Pembangunan tahun 1988 yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri dalam Dewan yang mulia ini kelmarin dan saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasannya.

Kita semua maklum bahawa pada masa sekarang negara kita sedang menghadapi satu keadaan kewangan yang ketat. Oleh itu Kerajaan Negeri pun sangat berhati-hati bagi merancang projek-projek pembangunannya untuk tahun-tahun hadapan. Ini telah menunjukkan kepada rakyat bahawa rancangan-rancangan pembangunan yang amat diperlukan sahaja yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Selain dari itu hanya projek-projek yang akan membawa faedah besar untuk rakyat di bidang sosio-ekonomi itu, baru akan dapat diluluskan untuk perlaksanaan. Oleh itu, saya ingin bercadang di Dewan yang mulia ini beberapa projek pembangunan yang patut dilaksanakan dengan segera. Projek-projek itu adalah seperti berikut:-

Projek pertama, dari Jalan Batu Gantong disambung terus ke Jalan Boundary ke Kampong Melayu, Kampong Pisang ke Jalan Paya Terubong dan terus ke Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas ataupun ke Balik Pulau.

Projek kedua, dari Jalan Hamilton merintasi jejambat ke Lorong Batu Lanchang dan terus bersambung dengan satu jalan baru di Thean Teik Estate yang dibuat oleh satu pemaju swasta di situ dan keluar dari Jalan Paya Terubong ke Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas ataupun ke Balik Pulau.

Projek ketiga, dari Jalan Mayang Pasir terus bersambung melalui Kampong Pulau ke Jalan Mahsuri di Bandar Bayan Baru. Panjangnya jalan ini tidak melebihi 1,500 kaki.

Projek keempat, termasuk Lebuhraya Kampong Jawa di depan Pejabat PDC sampai ke Kilang Pharmaseal belok ke kanan terus, menyeberangi Sungai Keluang

dan terus ke pembetong yang baru siap dibina beberapa bulan dahulu di Jalan Nipah, Batu Maung.

Saya membuat cadangan ini adalah kerana berikutan dengan terlaksananya Sekim Penyuraian Lalulintas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas sampai ke Padang Polo baru-baru ini memang elok dan baik. Di sini Jabatan Kerja Raya patutlah diberi pujian, akan tetapi Sekim Penyuraian Lalulintas kurang sempurna kalau projek jalan-jalan tersebut tidak dapat dilaksanakan. Lagi pun kita faham kalau kita hendak melalui jalan di bandar Ayer Itam jalan itu merupakan satu *bottle-neck* bagi para pemandu. Kalau projek pertama dan kedua dilaksanakan maka para pemandu pun boleh *bypass* jalan di bandar Ayer Itam, ini akan menyebabkan aliran lalulintas di situ lebih baik dan licin. Begitu juga kalau projek ketiga dan keempat dilaksanakan penduduk-penduduk dari kawasan Permatang Damar Laut, Telok Tempoyak, pekan Batu Maung — Taman Ipin dan di Jalan Nipah Batu Maung itu pun dapat menggunakan jalan tersebut dengan melalui pembetong di Jalan Nipah dan terus menyeberangi Sungai Keluang kemudian belok ke kiri masuk Lebuhraya Kampong Jawa dan melalui Pejabat PDC, belok ke kiri masuk Jalan Tengah dan belok ke kanan terus masuk Jalan Mayang Pasir. Bahagian ini akan sambung dengan Jalan Mahsuri. Setakat ini projek tersebut belum dibuat lagi. Kemudian keluar dari Jalan Mahsuri dan melalui bulatan Bayan Baru ke bandaraya Georgetown.

Kalau projek ketiga dan keempat itu dilaksanakan maka penduduk-penduduk dari kawasan-kawasan tersebut telah dapat mengelakkan daripada melalui jalan pekan Bayan Lepas yang juga merupakan satu *bottle-neck* bagi lalulintas di situ dan penduduk-penduduk dari kawasan Sungai Tiram dan Bukit Gedong. Itu pun mereka akan merasa susah sedikit untuk berulang alik dari tempat kediaman mereka ke bandar Bayan Baru untuk menceburkan diri mereka dalam kegiatan-kegiatan sosio-

ekonomi. Sungguhpun jalan ban yang sedia ada di Jalan Nipah, Batu Maung itu merupakan jalan Telok Tempoyak, Pekan Batu Maung, Taman Ipin dan Jalan Nipah Batu Maung akan tetapi jalan ban itu tidak tahan untuk kenderaan-kenderaan berat seperti lori-lori dan sebagainya. Oleh sebab itu segala urusan niaga di kawasan tersebut pun kurang giat berjalan di situ kerana terhalangnya oleh jalan ban itu yang selalu dalam keadaan buruk. Oleh sebab itulah saya berharap bahawa Kerajaan Negeri akan melaksanakan projek keempat itu untuk kepentingan rakyat di kawasan di situ. Tuan Speaker, di sini saya ingin menyatakan bahawa semua projek jalan yang dicadangkan untuk perlaksanaan itu adalah jalan-jalan yang lebarnya seluas 66 kaki atau 100 kaki.

Selain daripada itu, saya ingin menyentuh tentang beberapa sungai di kawasan Bayan Lepas yang selalu membawakan banjir di kawasan itu. Sungai-sungai itu ialah Sungai Ara, Sungai Nibong, Sungai Relau, Sungai Keluang, Sungai Tiram, Sungai Bayan Lepas dan Sungai Nipah. Kita semua maklum bahawa penduduk-penduduk yang tinggal di kawasan Kampong Pulau itu setiap tahun tidak kurang daripada 2 atau 3 kali dilanda banjir. Kalau kita hendak mengatasi masalah banjir tersebut, Kerajaan patutlah mengkaji dan mencari satu jalan untuk melencongkan sebahagian aliran permukaan dari Sungai Relau ke Sungai Keluang yang kedua-duanya itu tidak berjauhan. Dengan itu kawasan di Kampong Pulau berhadapan dengan Pejabat PDC itu nanti akan jadi kering kerana tidak dilanda banjir lagi.

Tuan Speaker, begitu juga kalau Kerajaan Negeri dapat merangka satu rancangan untuk melencongkan sebahagian aliran permukaan dari kawasan Sungai Tiram ke Sungai Bayan Lepas, maka bila rancangan itu telah siap ianya akan mencegah banjir di kawasan Sungai Tiram dan juga di kawasan Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas itu. Oleh itu sebahagian besar daripada kawasan Sungai Tiram yang masih

belum dibangunkan itu sekarang pun boleh dipertimbangkan untuk pembangunan perumahan dan sebagainya. Selain daripada itu jabatan berkenaan patutlah mengambil tindakan selalu memperdalamkan dan membersihkan Sungai Ara, Sungai Nibong dan Sungai Nipah juga.

Di samping itu saya ingin membangkitkan masalah banjir yang berlaku di luar kawasan Bayan Lepas, juga kawasan itu berada di dalam bandar raya Georgetown iaitu di Jalan P. Ramlee, kawasan Dhoby Ghaut dan Sungai Pinang. Kita semua maklum bila hujan lebat sahaja, kawasan itu tentu akan dilanda banjir. Oleh itu saya berharap bahawa Kerajaan Negeri akan mengambil tindakan sewajarnya untuk mengatasi masalah banjir di situ juga.

Tuan Speaker, kita sedar bahawa kalau keempat-empat projek jalan tersebut dapat dilaksanakan maka satu Sistem Penyuraian Lalulintas di sebelah pulau ini akan jadi lebih sempurna lagi. Kita sedar juga bahawa pulau ini dikelilingi oleh lautan. Oleh itu masalah banjir yang selalu berlaku di negeri ini adalah satu perkara yang biasa. Sungguhpun begitu saya berharap bahawa Kerajaan Negeri akan sentiasa berhubung rapat dengan Kerajaan Persekutuan untuk mendapatkan lebih banyak peruntukan bagi menjalankan projek-projek pembangunan yang akan meningkatkan taraf hidup rakyat di negeri ini.

Saya mohon menyokong usul itu sekali lagi dan terima kasih.

Ahli Kawasan Penaga (Encik Abdul Razak bin Ismail):

Tuan Speaker, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan Anggaran Pembangunan 1988 yang telah pun dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang.

Tuan Speaker, dalam hal Anggaran Pembangunan ini, saya kira kita merasa bangga kerana pihak Kerajaan Negeri bersama-sama dengan kakitangan Kerajaan me-

nerusi jabatan-jabatan telah dapat mengamalkan satu sifat berjimat cermat bukan sahaja di dalam peruntukan yang baru ini tetapi juga di masa-masa yang lampau. Kita boleh ambil contoh pada tahun 1987 sendiri walaupun Anggaran Pembangunan Tahunan 1987 berjumlah \$50,356,880.00 telahpun diluluskan tetapi anggaran kepada \$26,635,180.00 sahaja akan dikira untuk dibelanjakan sehingga akhir tahun ini yang lebih kurang 53% itu. Amalan sebegini rupa adalah satu keyakinan kepada kita betapa persefahamannya dan bekerjasama yang eratnyanya telah ditunjukkan oleh pemimpin-pemimpin kerajaan bersama-sama dengan kakitangan jabatan-jabatan bagi melaksanakan tugas untuk menjamin, tidak ada pemborosan, pembaziran di dalam mengatur dan menyusun program pembangunan semasa di dalam Negeri Pulau Pinang ini lebih-lebih lagi semasa dunia menghadapi kemelesetan ekonomi.

Langkah yang baik ini akan menambahkan pula kepada kumpulan wang pembangunan kita yang boleh kita bawa ke tahun-tahun hadapan dan ini akan meringankan beban membayar hutang pinjaman terutamanya daripada Kerajaan Persekutuan. Pada tahun ini apabila dibentangkan sejumlah wang \$38,782,220.00 bagi pembangunan tahun 1988, saya kira itu adalah satu faktor ataupun satu data yang baik yang harus sama-sama kita menyokong. Kalau kita lihat dari segi pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan sendiri berbanding dengan tahun-tahun yang lepas khususnya pada tahun 1987 sendiri memang banyak kurangnya, hampir 50% ataupun lebih daripada 50% telah dikurangkan iaitu kalau tahun lepas pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan sebanyak \$20 juta lebih, pada kali ini kita hanya nak meminjam sebanyak \$9 juta sahaja. Jadi ini satu lagi tahap yang membanggakan kita bagaimana kita dapat berjimat cermat dan seterusnya kita akan melihat kebahagiaan di masa-masa akan datang.

Tuan Speaker, dalam semua hal selalunya dibangkitkan terutamanya oleh

pihak pembangkang adalah ketidakpuasan mereka khususnya di dalam melaksanakan program-program pembangunan di dalam bentuk infrastruktur dan juga kemudahan-kemudahan asas tetapi bagi saya setelah meninjau dan meneliti apa yang dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri, kita rasa segala-galanya itu adalah bersaluran dan juga bersistem, yang akan membawa kepada pembangunan bukan sahaja dalam detik masa yang singkat tetapi juga akan membawa kepada detik masa yang berterusan. Dalam hal ini saya merasakan dari peruntukan yang diberi dalam perumahan sendiri pada tahun ini yang telahpun kita lihat dari pinjaman sebanyak \$5 juta itu adalah bertujuan, tak lain tak bukan untuk membina rumah-rumah kos rendah. Inilah yang sangat-sangat diharapkan oleh pihak rakyat bagi melihat kebahagiaan hidup mereka itu dijamin bukan sahaja daripada bentuk struktur Kerajaan Negeri itu sendiri tetapi juga pengagihan Kerajaan itu di dalam pembangunan rumah-rumah itu sendiri. Kita yakin kalaulah kita dapat melihat apa bentuk rumah yang dikehendaki oleh rakyat itu sendiri maka sudah tentulah kita dapat membangunkan seberapa banyak lagi rumah-rumah kos rendah yang setara dengan kehendak rakyat dan dengan keyakinan rakyat pula kepada Kerajaan yang sanggup memikul tanggungjawab dalam memberi simpati kepada rakyat untuk membina rumah-rumah setara dengan kehendak rakyat itu sudah tentulah sokongan yang lebih akan diberi oleh rakyat kepada Kerajaan di masa-masa akan datang.

Dalam hal ini saya berterima kasihlah khususnya kepada Yang Berhormat Exco Bahagian Perumahan yang telahpun menyuarkan semasa soalan-soalan yang lepas iaitu sebanyak 75 buah unit rumah kos rendah akan dibina di kawasan Penaga khususnya di Sungai Tembus dan saya berharap sangatlah ini akan memberi manfaat kepada masyarakat setempat di kawasan tersebut. Walau bagaimanapun saya inginalah menyuarkan hasrat bahawa masih ramai lagi penduduk-penduduk di kawasan tersebut yang memerlukan rumah-rumah

kos rendah seperti ini, khususnya bila PERDA mengeluarkan satu tawaran untuk membina 142 unit rumah kos rendah yang paling rendah dan yang paling murah iaitu bernilai lebih kurang \$14,000.00 sebuah di mana lebih daripada 4,000 permohonan datangnya khas daripada kawasan Penaga sahaja. Maka dalam hal ini kita merasakan satu penelitian dan pengkajian yang khusus di kawasan Penaga ini untuk mendapatkan tapak-tapak tanah yang lain hendaklah kita jalankan selepas itu. Saya yakin masih ada individu-individu yang lebih kaya yang mempunyai tanah-tanah yang mana dia sendiri tak tahu untuk menyelenggarakannya dapat menawarkan diri untuk memberi tanah-tanah ini supaya dibangunkan rumah-rumah kos rendah dan saya yakin pihak Perumahan akan dapat melaksanakan peranan ini.

Tuan Speaker, perkara yang kedua yang selalunya dibangkit-bangkitkan ialah dari segi pembekalan air. Pihak Berkuasa Air memanglah menjalankan tugasnya dengan sempurna dan pada tahun ini dianggarkan sejumlah \$4 juta untuk pembangunan tahun 1988 telahpun dipinjamkan untuk maksud membiayai sekim bekalan air ini. Saya merasakan satu kebanggaan juga kepada Pihak Berkuasa Air yang melaksanakan peranan yang begitu bersistem dari masa ke semasa, berperingkat-peringkat khususnya untuk masuk pula ke dalam Rancangan Malaysia Kelima ini. Bagi saya ingin juga mengemukakan beberapa kampung yang masih tertanya-tanya tentang bekalan air yang masih tidak dapat khususnya kampung-kampung Bakar Kapor, Permatang Kabu dan Padang Temusu yang telahpun membuat permohonan lebih awal sejak tahun 1986 lagi dan pada hari ini masih belum mendapat bekalan dan saya mengharapkan Pihak Berkuasa Air akan mengambil perhatian di atas permohonan-permohonan tersebut.

Seperkara lagi yang saya kira mungkin tidak di dalam anggaran ini tetapi ialah mengenai khidmat, khidmat Pihak Berkuasa Air ini khususnya bila mengutip bayaran

penggunaan air. Rata-rata kita mendapat keluhan khususnya daripada penduduk-penduduk bahawa sistem mengenakan bayaran ini dalam tempoh dua bulan sekali tidak menyenangkan hati penduduk-penduduk. Kalau dulu sebulan mereka kena bayar \$7.00, 2 bulan sudah pasti \$14.00, tetapi pada hari ini bila dikenakan bayaran 2 bulan sekali, meningkat kadang-kadang sampai \$25.00. Ini yang dirasakan tidak bersesuaian kepada kehendak mereka sedangkan penggunaan mereka itu tidak bertambah ataupun kadang-kadang lebih dikurangkan lagi. Setengah-setengah daripada mereka itu sengaja pula untuk memastikan sama ada bil mereka itu akan menjadi meningkat lagi, mereka mengurangkan penggunaan dalam jangka masa sebulan itu, tetapi bila datang bil peningkatannya itu masih bertambah juga daripada masa-masa yang lepas. Jadi saya harap Pihak Berkuasa Air akan dapat membuat satu penyiasatan yang rapi tentang keadaan-keadaan begini dan apa yang diminta oleh pihak penduduk kita ialah supaya kembali semula kepada pengurusan asal iaitu mengenakan pembayaran bil ini secara bulanan dan tidak lagi secara dua bulan sekali.

Tuan Speaker, mengenai pertanian, adalah menjadi satu perkara yang bermasalah di kawasan Penaga ini sendiri. Ada beberapa kawasan kampung termasuklah kawasan Permatang Manggis, Permatang Sintuk, Permatang Kuang dan Lahar Kepar yang saya kenalpasti mempunyai masalah tanah rang. Sudah 3 kali mereka mengusahakan tetapi masih tidak mempunyai hasil. Lebih-lebih lagi bebanan yang terpaksa mereka pikul bila rata-rata petani-petani ini terpaksa membuat pinjaman di bank-bank. Bila tidak ada hasil, tidak adalah pembayaran balik kepada pinjaman itu, tetapi apa yang telahpun disarankan oleh pihak Yang Berhormat Exco Pertanian ialah untuk meneruskan penyelenggaraan ini kita hendaklah melaksanakan program berkoperatis iaitu menyediakan orang-orang perseorangan, siswazah tani, syarikat persendirian dan juga Pertubuhan Peladang Kawasan bagi menentukan tanah-tanah ini

diusahakan semula. Saya nampak program ini sudah berjalan tetapi kawasan yang saya sebutkan tadi tidak ada diterokai dan saya mengharap sangatlah pihak jabatan mahupun daripada pihak Exco sendiri akan mengambil perhatian kepada kampung-kampung yang telah saya sebutkan tadi.

Tuan Speaker, saya lihat juga dari segi pengurusan pertanian terutamanya di ladang-ladang sawah padi ini di dalam usaha hendak mengawal serangga-serangga, masih ada tempat-tempat yang petani-petani ini tidak mendapat bekalan ataupun lambat sedikit mendapat bekalan untuk menyerang balik serangga-serangga khususnya di kawasan yang saya sebutkan tadi, yang saya kira selalunya mendapat cemoohan-cemoohan khususnya daripada mereka yang anti Kerajaan sendiri — terpaksa saya sebutkan anti Kerajaan kerana mereka ialah bukan orang Barisan Nasional. Maka dalam hal inilah yang memeningkan kepala khususnya pihak Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung dan juga pengurusan di peringkat saya sendiri kerana mereka akan datang untuk mendapatkan maklumat tentang pengurusan cara untuk membunuh atau mengawal serangga-serangga ini dan bila kita sebutkan untuk pergi berjumpa pihak-pihak yang berkuasa, mereka selalu menyatakan bahawa orang-orang ini tidak dapat menolong. Jadi saya harap perkara-perkara yang sedemikian rupa tidak akan berlaku khususnya bila kita menyatakan bahawa Kerajaan itu yang demokratik yang mahu keadilan, sudah tentulah kita akan memberi walaupun mereka itu tidak menyokong pada dasarnya tetapi mana tahu bila kita dapat membantu mereka dari satu aspek mungkin pada satu ketika nanti mereka juga akan balik kepada pangkuan Kerajaan kita sendiri.

Tuan Speaker, Jabatan Parit dan Tali-air yang banyak memainkan peranan khususnya di kawasan Penaga dan saya berterima kasih, juga dengan Jabatan Kerja Raya yang telahpun membantu di dalam pencegahan hakisan khususnya di kawasan Kuala Muda, hakisan pantai dan juga di kawasan

Pulau Mertajam, hakisan tebing sungai. Ini mungkin lah hasrat Kerajaan untuk melihat bahawa penyusunan masyarakat kita itu bukan sahaja di kawasan bandar tetapi juga di luar bandar. Untuk melihat rupa bentuk masyarakat ini akan tersusun maka sebab itulah kita tidak mahu kalau ada hakisan-hakisan di tepi pantai, di tepi sungai yang mana mungkin memberi kesan kepada masyarakat setempat, kita akan ubahkan mereka itu ke tempat lain tetapi dengan membentengkan tempat-tempat hakisan ini kita rasa masyarakat setempat itu tak perlu diubah dan mereka akan kekal di tempat-tempat yang sedia ada itu. Dalam hasrat ini juga saya merasakan pihak Jabatan Parit dan Tali-air juga akan menerus melihat kawasan-kawasan yang sedia ada masih di dalam hakisan khususnya dalam kawasan-kawasan perkuburan dan rumah-rumah perseorangan yang terdapat di Permatang Bendahari yang masih memerlukan satu benteng. Satu lagi di Telok Mak Nan di mana kawasan ini hampir terhakis bukan sahaja pada tanah tebingnya tetapi juga hampir memakan jalan besar. Jadi ini juga perlu diambil perhatian.

Tuan Speaker, tadi kita dengar dari sahabat-sahabat kita mengenai banjir, maka kawasan saya juga tidak terlepas daripada malapetaka banjir ini. Pada tahun ini sahaja kita sudah kena 4 kali banjir khususnya di kawasan-kawasan yang saya telah sebutkan dalam soalan lisan dahulu iaitu termasuklah kawasan Bumbong Lima, Guar Kepah, Rantau Panjang dan Kota Aur. Bukan sahaja hakisan ini memberi kecemasan kepada masyarakat setempat tetapi juga ia memusnahkan tanaman padi. Tiga kali padi telah ditanam di kawasan ini pada tahun ini, khususnya dalam musim yang sama dan kita telah membekalkan anak benih. Terima kasihlah kepada pihak Pertanian yang bersusah payah untuk mengendalikan susulan tanaman padi sehingga ketiga peringkat tetapi masuk ketiga peringkat sudah terkeluar daripada jarak masa yang telah diberikan oleh pihak Exco Pertanian sendiri iaitu nak mengadakan tanaman serentak. Bekalan air sudah pun tidak ada sekarang

ini dan benih-benih padi itu masih mahu ditumbuhkan. Maka dalam hal ini sudah menghadapi satu malapetaka balik, tidak ada air. Dalam hal ini saya rasakan satu cadangan yang perlu saya buat supaya kita memberhentikan dulu tanaman musim ini dan kita akan teruskanlah kepada musim yang seterusnya, tetapi bagi penduduk-penduduk mereka tidak perlu melihat dari aspek itu kerana menanam padi itu sudah menjadi satu tugas bagi mereka untuk mendapatkan pendapatan dengan sebab itulah mereka tidak mahu mengikut kehendak kita walaupun kita kata hentikan dulu tetapi mereka akan teruskan. Apabila mereka meneruskan tanaman padi ini ia akan menjadi masalah balik ataupun akan menjadi masalah seterusnya kepada Jabatan Pertanian khususnya di dalam nak menyelenggarakan tuaian padi itu nanti.

Tuan Speaker, seterusnya kepada Jabatan Kerja Raya. Kita rasa Jabatan Kerja Rayalah yang paling bertuah sekali dalam mendapatkan peruntukan dan saya juga ingin memberi tahniah di atas kejayaan Jabatan Kerja Raya mengendalikan segala projek-projek bagi tahun 1987, cuma yang saya ingin membangkitkan di sini ialah tentang jalan yang telahpun saya sebutkan pada tahun 1986 dahulu semasa Anggaran Pembangunan iaitu jalan dari Bumbong Lima ke Guar Kepah. Kita telahpun meneliti kedudukan jalan itu sendiri, pihak Pejabat Daerah, Pejabat Kemajuan Negeri dan Jabatan Kerja Raya dan kerjasama Pihak Berkuasa Air telah bersusah payah untuk cuba menampong lompong-lompong yang terdapat di atas jalan raya ini sebanyak tiga kali, sudah tiga kali dalam setahun kita telah usaha untuk menampong tetapi usaha-usaha ini gagal. Lompong itu kembali semula pada hari ini dan ini telahpun saya bawa juga kepada pengetahuan Jawatan-kuasa Jabatan Kerja Raya.

Sebagai makluman, Jabatan Parit dan Taliair sudah sanggup untuk menyerahkan jalan itu kepada Jabatan Kerja Raya dan dalam usaha inilah kita rasa sepertimana yang dianggarkan dan telah disarankan

tahun lalu bahawa jalan ini akan cuba dibuat dalam bentuk jalan raya yang besar pada tahun 1988, itu yang disuarakan pada tahun lalu. Saya tak tahulah sama ada Jabatan Kerja Raya dapat melaksanakan peranan ini setelah kita mendapat kerjasama daripada Jabatan Parit dan Taliair. Jalan ataupun ruang untuk memasukkan jalan besar ini memang sudah cukup, seluas 40 kaki — kita sudah mengukurnya — berseesuaian benar untuk membangunkan satu jalan besar di situ dan saya haraplah Jabatan Kerja Raya akan memasukkan juga peruntukan ini dalam tahun 1988.

Tuan Speaker, ternakan, pada tahun 1985 hingga 1987 ratusan permohonan telah diterima untuk mendapatkan pembekalan ataupun mendapatkan pemberian ternakan-ternakan seperti lembu, kerbau, kambing, ayam dan itik tetapi malangnya hasil daripada permohonan itu pihak jabatan khususnya Jabatan Haiwan tidak dapat menampung dan kita yakin ini adalah sebab kurang peruntukannya. Cuma saya nak menyungkilkan seorang pemohon yang harus diberi perhatian. Di Kuala Muda terdapat seorang yang cacat dan tidak ada mata pencarian yang tetap, maka saya memohon kerjasama dari peringkat Jabatan Haiwan untuk melihat balik permohonan beliau itu di mana beliau memohon berkehendakkan kambing. Kandanganya telah disiapkan dengan bantuan kawan-kawan membeli kayu kepada beliau, cuma bekalan ataupun pemberian kambing ini yang tidak didapati.

Tuan Speaker, berikutnya saya inginlah membuat beberapa cadangan yang boleh dimajukan di peringkat kawasan Penaga itu sendiri. Pertamanya, saya pernah mengemukakan cadangan membangunkan *chalet* yang saya kira mungkin diketawakan oleh beberapa orang kerana memikirkan tidak ada kawasan, tetapi bila saya menyuarakan, ada pelancong-pelancong yang sudah pun mahu masuk ke kawasan Penaga ini khususnya di Permatang Bendahari dan Kuala Muda, saya memikirkan perlulah kita membuat pengurusan di peringkat

pelancongan mewujudkan beberapa rumah *chalet* ini di tepi-tepi pergigian Sungai Muda itu sendiri khususnya di kawasan Permatang Bendahari. Ini saya kira bukan sahaja akan membantu di dalam meningkatkan industri pelancongan tetapi juga akan memberi satu keupayaan kepada anak-anak tempatan untuk mendapatkan sedikit rezeki di atas usaha-usaha pelancongan ini. Saya kira bukan sahaja di kawasan Permatang Bendahari yang perlu kita buat tetapi juga harus kita memikirkan di kawasan Kuala Muda yang juga menjadi tempat singgah pelancong-pelancong, khususnya untuk melihat perkampungan nelayan itu sendiri dan anak-anak kampung itu sendiri sedia membantu di dalam memberi kerjasama pemasaran apa sahaja yang dikehendaki yang disarankan oleh pihak Kerajaan.

Keduanya, saya ingin mencadangkan satu projek ternakan udang diadakan di kawasan Kuala Muda. Memandangkan kawasan berhampiran dengan rumah nelayan adalah kawasan yang luas berlumpur yang bersesuaian untuk ternakan udang. Ini bukan sahaja boleh menghasilkan pendapatan kepada anak tempatan juga menghasilkan pendapatan kepada negeri. Selain daripada itu, ia membantu untuk menjadi tembok kepada hakisan-hakisan laut.

Ketiganya, di kawasan Permatang Rawa, tepi laut, saya mencadangkan supaya diambil perhatian oleh pihak Perhutanan. Kita ada satu kawasan tanah pergigian laut itu yang sesuai untuk tanam pokok bakau. Sekiranya pokok bakau ini dapat diusahakan sudah tentulah ia akan memberi satu hasil di masa-masa akan datang, khususnya kepada industri perhutanan sendiri dan ini juga akan membantu di dalam memberi kerja-kerja kepada anak-anak tempatan itu.

Tuan Speaker, seperkara yang ingin saya suarakan juga yang mungkin di luar daripada Anggaran Pembangunan ini ialah pendirian sebuah hospital di kawasan Kepala Batas. Mungkin ini adalah dari aspek Persekutuan tetapi yang perlu saya

suarakan ialah memandangkan kedudukan kawasan Kepala Batas itu sendiri. Daripada sebuah sekolah menengah yang wujud dulu, kini sudah meningkat kepada 5 buah sekolah menengah dan kalau kita ambil kadar sebuah sekolah menengah itu mempunyai 1,000 orang murid bermakna pada hari ini sudah ada 5,000 orang murid. Itu pada kadar murid dan kalau kita ambil daripada ratio murid kepada penduduk, sudah tentulah dia akan berganda sekurang-kurangnya lima kali ganda. Bermakna kita ada lebih daripada 25,000 penduduk di kawasan itu yang memerlukan kebajikan kita ini di peringkat kesihatan khususnya sebuah hospital untuk membantu mereka mendapatkan rawatan-rawatan. Pada hari ini semua penduduk-penduduk di kawasan Kepala Batas, kalau sekiranya mendapat rawatan di peringkat klinik, yang tidak memuaskan yang perlu dibawa ke hospital, mereka terpaksa datang ke Hospital Daerah Butterworth. Ini akan memakan masa dan kadang-kadang dalam perjalanan beberapa kali saya telah temui ada mangsa-mangsa ini yang tidak dapat sampai ke hospital. Mereka terpaksa berehat semasa di pertengahan jalan, maksud saya, mereka meninggal dunia sebelum sampai ke hospital tetapi kalau kita ada hospital yang berdekatan khususnya di Kepala Batas sendiri sudah sewajarnya rawatan boleh diambil tindakan dengan segera.

Tuan Speaker, berbalik kepada satu perkara yang telah ketinggalan iaitu dalam Jabatan Kerja Raya sendiri. Kawasan Penaga mempunyai empat buah sekolah yang telah pun terbengkalai. Projek ini sudah seharusnya siap pada awal tahun 1987 dan saya yakin Jabatan Kerja Raya telahpun memberi perhatian kepada pembinaan sekolah ini dalam bentuk satu *package* bersama dengan Sekolah Bumbong Lima, Permatang Sintok, Sungai Dua dan Bagan Jermai. Saya merasakan bentuk *package* yang dilaksanakan oleh dasar Jabatan Kerja Raya di peringkat Persekutuan ini adalah bercanggah dengan kehendak masyarakat dan rakyat sendiri. Polisi ini perlu digubal dan perlu diperbaharui memandangkan kalaulah

satu-satu *package* ini dipegang oleh satu kontraktor, memanglah masalah akan timbul sepertimana yang telah kita hadapi sekarang ini. Apalah salahnya kalau polisi itu digubal memberi peluang kepada kontraktor-kontraktor yang lain yang lebih bawah daripada kontraktor ini supaya pengagihan kekayaan dapat diberi juga kepada mereka, khususnya kalau ada 8 buah sekolah, biarlah satu sekolah itu dibangunkan oleh seorang kontraktor sahaja. Maka baharulah kita boleh lihat pengagihan kekayaan ini lebih bersesuaian dan mungkin sekolah itu akan dapat dilihat dibangunkan serentak pada satu ketika, tidak seperti mana yang telah berlaku pada satu *package* yang saya sebutkan tadi.

Tuan Speaker, dengan kata-kata itu, saya dengan ini menyokong Anggaran Pembangunan tahun 1988 yang telahpun dibawa oleh Y.A.B. Ketua Menteri.

Sekian.

Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguh untuk minuman ringan.

Dewan ditangguhkan pada jam 11.04 pagi.

Dewan disambung semula pada jam 11.32 pagi.

Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan disambung semula.

Yang Berhormat Ahli Kawasan Penanti.

Ahli Kawasan Penanti (Encik Yahaya bin Jamaluddin):

Tuan Speaker, saya mengambil peluang ini untuk membahas usul Anggaran Pembangunan Tahun 1988 yang telah dikemukakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri semalam dan ingin mengambil kesempatan menyokong usul ini. Di dalam ucapan Y.A.B. Ketua Menteri di para 3, Yang Amat Berhormat telah menyentuh tentang kebimbangan beliau terhadap kedudukan

ekonomi yang tidak menentu sama ada di dalam ataupun di luar negeri. Namun demikian, angka sebanyak \$38,782,220.00 yang diusulkan sebagai Anggaran Pembangunan Tahun 1988 boleh dianggap sebagai satu-satu anggaran yang mantap bagi tujuan membangun sosio ekonomi rakyat negeri ini, dan saya percaya jumlah ini adalah satu perangkaan yang disusun rapi oleh kakitangan Kerajaan daripada pelbagai jabatan dengan mengambil kira kedudukan kelesuan ekonomi negara.

Kita bersetuju dengan hasrat Kerajaan untuk membelanjakan bagi program-program pembangunan dengan berdasarkan kesungguhan dan prestasi jabatan dalam tahun 1987. Jika kita kaji pada syarat yang disuarakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri iaitu mengenai kesungguhan dan prestasi jabatan ataupun dayakerja, fahamlah kita bahawa Kerajaan begitu berhati-hati dalam melaksanakan sesuatu program supaya kestabilan wang peruntukan pembangunan dapat dibelanja dengan baik. Saya percaya kestabilan kewangan negeri dapat kita pertahankan dengan adanya semangat kerja yang dinamis di kalangan pegawai dan kakitangan Kerajaan sendiri. Kita mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan yang telah dapat mengekalkan identiti Kerajaan bagi slogan "Tradisi Membela Rakyat."

Tuan Speaker, rakyat rata-ratanya telah mengetahui akan kemelesetan ekonomi negara dan dunia, tetapi di sini kita patut berasa bangga dalam keadaan kelesuan ekonomi ini, Kerajaan Negeri telah dapat berupaya membelanjakan wang daripada sumber kewangan negeri sendiri sebanyak \$16,040,180.00 bagi menampung perbelanjaan tahun 1987 sebanyak \$30,841,210.00. Sikap dan semangat beginilah perlu adapada semua pihak sama ada Kerajaan ataupun rakyat kerana ini adalah satu contoh yang baik supaya kita tidak begitu mengharap ihsan daripada orang lain. Daripada kita merintih saban masa, daripada kita berdendam ekonomi meleset, adalah lebih baik kita berusaha dengan segala kekuatan yang ada dan segala ke-

mudahan yang ada pada kita di negeri ini, kita rancang dan kita usaha untuk berdiri sendiri, mudah-mudahan dengan daya perjuangan yang kita ada, dapat kita baiki kedudukan kewangan kita dari masa ke semasa.

Tuan Speaker, sepertimana yang saya sebutkan tadi bahawa kita tidak perlu mendandang, merintih, bercakap dengan nada yang sayu mengenai kelembapan ekonomi, kerana dalam ucapan Yang Amat Berhormat di muka surat 3 kita terdapat sekali lagi sumber kewangan dari Kerajaan Negeri sendiri sebanyak \$23,432,210.00 bagi tahun 1988. Kerajaan seharusnya bertindak dengan lebih agresif dan lebih berani dalam usaha untuk menghidupkan sumber-sumber pendapatan melalui dasarnya yang menggalakkan sektor perindustrian, pembuatan dan perniagaan secara intensif.

Bercakap tentang penggalakkan perkembangan ekonomi, kita berterima kasih kepada rombongan Y.A.B. Ketua Menteri yang telah membuat lawatan ke beberapa buah negara pelabur bagi menarik pelaburan asing datang ke negeri ini, namun kita jangan lupa tentang perancangan kita kepada perkembangan industri perkilangan tersebut dan harapan kita kepada Unit Perancang agar "pisang tidak berbuah dua kali" yang bermaksud malapetaka pengeneapan kerja diharap jangan berulang lagi. Kita jangan menerima firma-firma sebarangan bagi memenuhi rancangan perindustrian. Kajian dan kepastian perlu ada bagi menjamin kedudukan kilang ataupun firma ataupun firma tertentu mesti disokong dengan kemantapan modal dan menjamin pasaran yang berpanjangan.

Tuan Speaker, penggalakan pembangunan ekonomi melalui perniagaan anak negeri perlu diberi perhatian juga. Sumber-sumber sokongan dan galakan perlu ada dan inisiatif yang sepadu perlu ujud antara peniaga dan agensi ataupun Jabatan Kerajaan. Memang suka bagi kita untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan oleh kerana keadaan ekonomi yang meleset dan sebagai alternatifnya, Kerajaan perlu ada

perkhidmatan sokongan kepada mereka yang ingin mencebur diri dalam perniagaan sama ada penjaja pasar malam ataupun peniaga-peniaga di gedung perniagaan. Kemudahan mengambil lesen perniagaan perlu ada dan Majlis Perbandaran perlu ada sifat peka terhadap kesusahan peniaga dan penjaja.

Satu masalah yang menjadi rungutan peniaga dan penjaja ialah kekurangan tempat-tempat yang strategik dari segi menarik pelanggan, oleh kerana corak perniagaan sekarang banyak tertumpu kepada jajaan. Cara begini mestilah penjual mencari pembeli dan bukan pembeli mencari penjual. Oleh yang demikian, adalah disyorkan bahawa tempat strategik di dalam pekan atau bandar di negeri ini hendaklah diluahkan kepada penjaja dan peniaga supaya arus perjalanan manusia di dalam bandar itu terletak di antara gerai dan meja penjaja dan peniaga. Terdapat sekarang tempat-tempat strategik yang banyak diberi kepada kemudahan-kemudahan meletak kenderaan sahaja. Walaupun terdapat ada beberapa pengusaha *car parking* mencari nafkah mereka, tetapi jika peluang tempat ini diberi kepada peniaga dan penjaja, ianya akan melebihi bilangan pengusaha *car parking* ini. Kerajaan akan mendapat hasil cukai peniaga dari segi sewa dan juga lesen di samping perkhidmatan pengusaha *car parking* juga tidak diketepikan. Contohnya kita dapat di kawasan bandar Butterworth dan juga Bukit Mertajam kerana ada kawasan-kawasan yang saya rasa kawasan lalulalang, pembeli-pembeli di mana kawasan itu, contohnya kalau di Bukit Mertajam iaitu di Jalan Pasar, seharusnya diberi peluang kepada penjaja-penjaja kecil kita kerana dengan ini dapat kita menggalakkan belia-belia yang menganggur untuk mencari nafkah.

Tuan Speaker, saya ingin menyentuh tentang ucapan Y.A.B. Ketua Menteri, iaitu di muka surat 5 di bawah Maksud P.101, Butiran 6, peruntukan bagi pembangunan masyarakat menyediakan prasarana kepada penduduk luar bandar, di muka surat 8

para 15 di bawah Maksud P.102, Butiran 20 di muka surat yang sama para 16 di bawah Maksud P.103, suatu jumlah peruntukan yang agak besar telah disediakan bagi memaju dan meningkatkan taraf sosio ekonomi penduduk di luar bandar. Kita bersyukur dan berterima kasih atas perhatian yang serius diberi oleh Kerajaan terhadap kebajikan kehidupan di kampung dan juga di perkampungan baru.

Seperti yang saya sebut dahulu, daripada ini iaitu Unit Perancang sama ada Unit Perancang Ekonomi ataupun Jabatan Perancang Bandar dan Desa yang terlibat dalam gerakerja ini perlu membuat kajian dan penilaian agar sebarang rancangan perlu berakhir dengan perlaksanaan. Namun begitu, perlaksanaan tanpa rancangan juga tidak akan memberi kesempurnaan yang optima. Jadi perlulah kedua-dua faktor ini berganding rapat antara perancang dan pelaksana. Walau bagaimanapun, semalam apabila Enakmen Perbekalan Tahun 1988 dibentang, saya rasa kasihan kepada Jabatan Perancang Bandar dan Desa kerana peruntukan yang agak kurang jika dibandingkan dengan perbekalan bagi kedai tuak tetapi bila kita lihat dari segi tenaga dan pekerja, adalah sama bilangannya.

Tuan Speaker, jika kita campur peruntukan Jabatan Kerja Raya, Jabatan Parit dan Taliair, Pembangunan Masyarakat, Jabatan Haiwan dan projek kampung bersepadu, satu jumlah yang agak besar terdapat iaitu \$14,461,801.00 bagi membiayai pembangunan masyarakat luar bandar. Ini adalah petanda yang positif yang mencerminkan Kerajaan mempunyai hasrat yang sebenar serta hakikat yang nyata di mana Kerajaan bersedia untuk menolong rakyat pelbagai keturunan kaum bagi mewujudkan satu masyarakat yang stabil lagi makmur dan semoga akan meningkatkan nilai hidup mereka dengan aman dan tenteram. Kita difahamkan bahawa Jabatan Kerja Raya telah menyediakan satu peruntukan yang berjumlah \$8,672,630.00 untuk membaiki taraf jalan-jalanraya, jambatan dan lain-lain kemudahan.

Seperkara lagi yang perlu diingatkan bahawa masalah banjir di Sungai Tok Dahaman adalah disebabkan oleh rintangan paip-paip kabel, maka dengan ini adalah diharap pihak Jabatan Kerja Raya akan mengambil usaha yang positif bagi mengatasi banjir yang sekian lama merosakkan harta benda penduduk di Kampong Tanah Liat, Bukit Mertajam. Terima kasih saya ucapkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya dan juga pihak Pegawai Kemajuan Negeri kerana telah membuat lawatan ke tempat yang dimaksudkan tersebut. Begitu juga dengan pembinaan jalan-jalanraya, adalah diharap sangat agar pihak Jabatan Kerja Raya mengenalpasti laluan-laluan yang dibuat oleh kenderaan-kenderaan berat kerana biasanya jalan-jalan yang dilalui oleh lori-lori ini mengalami kerosakan. Contoh yang nyata ialah jalan daripada Pekan Penanti ke Ara Kuda dan juga dari Pekan Penanti ke perkampungan baru Sungai Lembu.

Seperkara lagi yang perlu saya pohon jasa baik Jabatan Kerja Raya ini mengenai parit-parit susur di tepi jalanraya supaya ianya dijaga dengan baik, agar tidak menimbulkan kesusahan di hari kemudian. Satu contoh yang baik apabila pihak Pejabat Daerah membuat sebuah parit susur di Jalan Kubang Semang, terdapat kabel-kabel daripada Jabatan Telekom dan Elektrik di tepi jalanraya dan di sini menimbulkan kesusahan untuk mengadakan parit susur jalanraya tersebut. Ini adalah oleh sebab kerana perancangan meletakkan paip-paip ini tidak dibincang di antara satu jabatan dengan yang lain.

Tuan Speaker, peruntukan untuk Jabatan Parit dan Taliair, saya kira satu peruntukan yang sederhana iaitu berjumlah \$4,585,840.00, untuk prasarana sahaja dibekalkan sebanyak \$2,747,000.00. Bagi mengatasi keadaan banjir, peruntukan sebanyak \$565,600.00 dan wang sebanyak \$638,600.00 bagi membaiki dan mendalami sungai. Semua usaha ini adalah bagi menjamin kesempurnaan hidup bagi mereka yang selalu diancam oleh banjir. Walaupun anggapan setengah-setengah pihak, banjir

yang melanda kawasan luar bandar adalah banjir kecil sahaja, jadi masalah ini tidak begitu terdesak. Saya percaya jika anggapan ini berterusan, maka usaha mengatasinya juga turut terbiar berlarutan. Adalah menjadi harapan rakyat yang terlibat dengan banjir, peruntukan yang diberi ini dapat menjamin keselesaan hidup tanpa bimbang akan berlakunya banjir. Tempat yang saya maksudkan ialah banjir yang berlaku di Sungai Kulim di Kampong Tun Sardon. Oleh kerana di kawasan ini terdapat sebatang sungai yang mengalir daripada bandar Kulim, jadi apabila hujan turun di kawasan hulu, maka dengan tidak semamamana di kawasan Kampong Tun Sardon ini akan menghadapi banjir kilat dan juga dalam masalah ini, lagi sekali saya mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Kuasa Kerja Raya bersamaan dengan Pejabat Kemajuan Negeri yang telahpun membuat lawatan ke tempat tersebut dan saya harap hasil lawatan itu tentulah positif.

Seperkara yang saya syorkan dalam mengatasi banjir di kawasan Sungai Kulim ini kerana terdapat kampung yang terlibat satu lagi ialah di Bukit Berangan kerana di kawasan Bukit Berangan ini terdapat lebih kurang 100 ekar tanaman dusun. Jadi setiap kali banjir, maka terpaksa tuan-tuan tanah ataupun petani-petani yang mengusahakan dusun buah-buahan itu terpaksa menggantikan tanaman-tanaman mereka.

Di hulu Sungai Kulim, saya syorkan supaya diadakan satu empangan kecil bagi melambatkan pengaliran air daripada Sungai Ular turun ke Kampong Tun Sardon oleh kerana sejajar dengan pengaliran air Sungai Kulim ini, kita terdapat satu tempat di Kuala Mengkuang atau di Mengkuang Tok Taha di mana terdapat satu empangan di mana Pihak Berkuasa Air telah menggunakan tempat itu untuk mengambil air mengisi di Kolam Mengkuang Dam. Jadi apabila berlakunya banjir, empangan itu tidak dapat dibuka, maka kedudukan Kampong Tun Sardon tenggelam sedalam tiga kaki. Walaupun setengah-setengah tempat bila kita sebut banjir tiga kaki, mereka kata itu

bukan banjir atau hanyalah air laluan. Yang dikatakan banjir, air itu hampir tenggelamkan manusia. Jadi kalau ini berlaku di Pulau Pinang, saya rasa satu perkara yang sedihlah, oleh kerana kita ini di peringkat negeri ada mempunyai Kerajaan Negeri dan di peringkat kawasan mempunyai kedua-dua Majlis Perbandaran yang seharusnya bekerjasama dengan pihak Jabatan Parit dan Taliair dan juga Jabatan Kerja Raya bagi mengatasi masalah banjir yang telah berlaku semenjak bertahun-tahun sepertimana yang telah disuarakan oleh rakan saya daripada Batu Uban.

Sungai juga menjadi kawasan bagi penduduk luar bandar mencari sumber rezeki, maka seharusnya Kerajaan menjaga sungai-sungai ini supaya ianya tidak tercemar dengan sisa-sisa kimia daripada kilang-kilang perindustrian. Sungai yang saya maksudkan ialah Sungai Prai di mana mengalir daripada Permatang Pauh, kawasan Mak Mandin sehingga ke kawasan Kuala Sungai Jelutong kerana di persisiran sungai ini terdapat beberapa kelompok nelayan-nelayan kecil iaitu nelayan-nelayan sungai yang mengusahakan ternakair. Jadi kerap kali apabila hujung bulan, ataupun sepinggal sekali lebih kurang dua, tiga bulan, pihak-pihak kilang perindustrian ini telah melepas keluar bahan-bahan ataupun sisa-sisa bahan kimia daripada kilang ini dan ini menyebabkan air itu tercemar dan rosak ataupun binasalah hasil ternakair yang ada di dalam sangkar khasnya projek ternakan Ikan Air Tawar iaitu ikan siakap yang saya rasa dalam masalah ini Yang Berhormat Pengerusi Pertanian dapat mengambil perhatian.

Adalah dicadangkan juga pihak yang bertanggungjawab dalam kawalan keselamatan kecemaran bertindak dengan lebih berkesan supaya nelayan-nelayan di sungai tidak diancam oleh pencemaran ini. Di Sungai Prai juga terdapat pencemaran yang kerap berlaku tiap-tiap bulan oleh bahan-bahan kimia dan juga bawang-bawang busuk yang dicurahkan oleh peniaga-peniaga bawang yang tidak bertanggung-

jawab kerana bawang ini akan hanyut dan masuk ke sangkar-sangkar ikan dan ia akan memberi satu pencemaran yang tidak dapat diterima oleh ikan-ikan tersebut dan akhirnya ikan itu akan mati. Apa yang seharusnya dilakukan oleh pihak yang menghasilkan sisa kimia ini ialah pelepasan bahan-bahan ini dibuat berkala ataupun berperingkat-peringkat tidak sekali gus di waktu air pasang. Oleh kerana apabila bahan ini dilepas waktu air pasang bahan kimia ini akan mengalir ke hulu sungai, tetapi jika sekiranya bahan ini dilepaskan di waktu air surut maka bahan-bahan kimia ini akan mengalir ke laut di mana percampuran dengan air laut itu adalah lebih dari segi kuantiti airnya maka pencemaran itu tidak begitu ketara. Adalah diharapkan dengan tindakan yang sedemikian sekurang-kurangnya dapat mengatasi masalah-masalah pencemaran air sungai.

Bagi projek pembangunan masyarakat, sejumlah peruntukan sebanyak 1.5 juta telah dibekalkan, perhatian daripada pihak Kerajaan dalam hasratnya membangunkan taraf hidup rakyat luar bandar adalah dialu-alukan tetapi di dalam kesibukan orang-orang bandar membincang mengenai projek pembentungan najis yang bernilai berjuta-juta ringgit, penduduk-penduduk di kawasan saya masih melaung-laung atau merayurayau meminta bantuan tandas curah. Jadi saya harap di dalam masalah ini pihak Kerajaan dengan peruntukan yang ada bagi menjamin kesejahteraan hidup penduduk luar bandar, saya harap perkara ini dapat diselesaikan ataupun sekurang-kurangnya dapat dibekalkan dengan sebaik mungkin.

Tuan Speaker, hanya setakat itulah sahaja ucapan perbahasan saya dan saya mohon menyokong usul ini.

Terima kasih.

Tuan Speaker:

Yang Berhormat Ahli dari Sungai Bakap.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Dr. Lim Boon Sho):

Tuan Speaker, saya bangun mengambil

bahagian menyokong ucapan Y.A.B. Ketua Menteri mengenai Anggaran Pembangunan Tahun 1988.

Tuan Speaker, saya merasa puas hati bahawa jumlah \$4 juta secara pinjaman adalah disediakan kepada Pihak Berkuasa Air untuk membiayai Sekim Bekalan Air bagi memastikan bekalan air yang mencukupi di dalam negeri tahun 1988. Sepanjang yang saya faham, bekalan air kita nikmati di Pulau Pinang ini adalah paling segar dan bersih di dalam negeri kita. Dengan ini saya mengucapkan syabas kepada semua pegawai dan kakitangan Pihak Berkuasa Air yang bekerja bertungkus-lumus untuk meningkatkan perkhidmatan mereka.

Tuan Speaker, penduduk di Nibong Tebal adalah seramai lebih kurang 90,000 orang. Pihak Berkuasa Air telahpun menjalankan tugas dengan baik dan telah membekalkan air paip sehingga 80,000 orang penduduk di Nibong Tebal dapat menikmati air paip sehingga hari ini. Ini bermakna kita ada lebih kurang 10,000 orang penduduk yang masih belum menikmati salah satu keperluan asas ini walaupun sudah 30 tahun negara kita sudah mencapai kemerdekaan. Saya ingin menarik perhatian Pihak Berkuasa Air supaya dapat menyejajarkan projek bekalan air paip ini kepada lebih kurang 15 buah kawasan pendalaman yang masih belum mendapat bekalan air di Nibong Tebal.

Tuan Speaker, di samping itu pihak Kerajaan Negeri patut menyelesaikan beberapa masalah iaitu terdapat tuan-tuan punya tanah yang enggan membenarkan atau memberi laluan untuk memasang paip-paip air melalui tanah-tanah mereka. Akibatnya ramai pemohon-pemohon di pendalaman tidak boleh mendapat bekalan air. Lagi satu masalah ialah terdapat banyak rumah-rumah yang tidak mempunyai patil nombor rumah, ini telah menyebabkan kesulitan apabila penduduk hendak memohon untuk mendapatkan bekalan air.

Tuan Speaker, Pihak Berkuasa Air masih ada 475 *stand-pipe* yang masih digunakan sekarang. Ini meliputi seluruh

Pulau Pinang dan Seberang Perai. Kesemua *stand-pipe* ini adalah untuk kegunaan lebih kurang 12,000 orang penduduk di kawasan luar bandar yang patut diberi keutamaan. Pihak Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Air patut lebih meneliti lagi apabila membuat pengagihan *stand-pipe* ini supaya benar-benar memberi faedah kepada yang memerlukannya. Ini terdapat di setengah-setengah kawasan yang telah disediakan *stand-pipe* tetapi telah disalahgunakan oleh penduduk tersebut untuk mencuci kereta atau motosikal.

Tuan Speaker, di Nibong Tebal terdapat kawasan-kawasan seperti Ladang Simpah dan Ladang Simpang yang mempunyai penduduk lebih kurang 200 orang telah berkongsi menggunakan satu *stand-pipe*. Ini disebabkan bekalan air paip ke rumah-rumah tidak dapat diadakan kerana beberapa masalah yang baru saya sebut. Di Ladang Jawi pula masalah kekurangan bekalan air masih berlaku. Saya difahamkan lebih kurang 300 orang penduduk tidak dapat bekalan air paip kerana tuan punya ladang gagal menjelaskan bayaran bil air. Oleh itu Pihak Berkuasa Air terpaksa memotong bekalan air paip kepada ladang tersebut. Atas dasar perikemanusiaan saya berpendapat bahawa sudah tiba masanya Kerajaan Negeri memindahkan *stand-pipe* dari kawasan yang kurang perlu ke kawasan yang lebih terdesak keperluannya, permintaan saya adalah wajar.

Sebagai menuju ke arah kemajuan, saya rasa tugas besar kita ialah membantu mereka yang kurang bernasib baik tanpa mengira kelas, kaum atau kepercayaan. Dukacitanya penghuni ladang terhalang daripada mendapat keperluan asas. Dalam pembangunan tanah di ladang-ladang masa akan datang, diharapkan Kerajaan Negeri haruslah memberi perhatian yang sangat serius terhadap kepentingan penghuni ladang, sekurang-kurangnya mereka diberi pampasan secukupnya dan dipindahkan ke tempat-tempat yang membolehkan mereka mendapat keperluan asas dengan sepenuh perhatian.

Tuan Speaker, segala kepujian harus diberikan kepada yang patut menerimanya. Dalam masa yang lalu saya telah komen tentang kadar kemalangan dan kematian yang tinggi di lebuh raya kawasan Nibong Tebal. Saya dengan gembiranya mengucapkan tahniah kepada Jabatan Kerja Raya kerana telah melakukan banyak kemajuan, di antaranya ialah melebarkan jalan raya, menambahkan papan tanda merbahaya, menurapkan jalan raya dan membaiki keadaan di bahu jalan raya. Kemajuan ini sudah pasti dapat mengurangkan kadar kemalangan dan kematian yang pada masa yang sama melicinkan lalu-lintas. Setelah jalan raya diperlebarkan kini kita menghadapi masalah tiang Lembaga Letrik Negara dan tiang telefon terletak terlalu hampir dengan jalan raya yang berturap dan membahayakan. Saya berharap pihak Lembaga Letrik Negara dan Syarikat Telekom mengubahkan tiang-tiang tersebut ke tepi sedikit dari pinggir jalan untuk mengelakkan kemalangan atau dilanggar oleh kenderaan yang bertambah banyak.

Tuan Speaker, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Jabatan Kerja Raya yang telah meluluskan lebih dari \$200,000.00 untuk meningkatkan taraf jalan di Jalan Victoria sepanjang 1.4 kilometer. Pembinaan jalan ini sebagai memenuhi janji Barisan Nasional dalam pilihanraya pada tahun 1982 tetapi masih terdapat 14 batang jalan lagi yang harus ditarkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan dan Keempat, sekarang sudah Rancangan Malaysia Kelima, jalan-jalan tersebut adalah seperti berikut:-

Jalan Sungai Acheh Ban ke Jalan Sungai Udang	— 2.16 km
Jalan Paya Kerian ke Ladang Simpah	— 2.3 km
Kampong Balik Bukit ke Bukit Tambun	— 1.47 km
Kampong Bayan Buaya ke Changkat Estate	— 1.64 km
Changkat Dain ke Mukim Lima	— 1.45 km

Sungai Setar ke Tanjong Berembang	— 1.4 km
Kerian Kedah Quarry Boundary	— 1.21 km
Kampung Trans Kerian ke Parit Buntar	— 2.76 km
Badak Mati ke Lima Kongs	— 1.82 km
Kampung Besar ke Kampung Ulu Tasik	— 5.6 km
Bayan Kebun ke Kampung Changkat	— 3.21 km
Pengkalan Batu Kawan	— 2.31 km
Jalan Valdor Estate ke Sungai Tiga	— 0.05 km
Bayan Baru ke Pulau Burung	— 2.15 km

Tuan Speaker, jalan-jalan tersebut sepatutnya ditingkatkan grednya dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan Keempat. Perhatian khas harus ditumpukan untuk mempertingkatkan taraf hidup penduduk-penduduk di daerah Nibong Tebal. Semasa hujan jalan-jalan ini kurang sesuai untuk digunakan untuk murid-murid ke sekolah atau lalu lintas. Lebih-lebih lagi ketika kecemasan jalan-jalan ini tidak dapat dilalui oleh *ambulance*. Dari segi peningkatan pemberian jalan raya negeri dari \$7 juta lebih untuk tahun 1987 ke \$8 juta lebih untuk tahun 1988. Saya harap yang lebih keutamaan akan diberikan kepada jalan-jalan yang belum ditarkan, khususnya Jalan Badak Mati ke Bukit Tambun dan Badak Mati ke Lima Kongs.

Tuan Speaker, ketiga-tiga buah pasar iaitu Pasar Nibong Tebal, Sungai Bakap dan Simpang Empat telah didirikan dalam tahun tigapuluhan. Di antaranya Pasar Simpang Empat didapati lebih teruk dan tidak selamat kepada pengguna-pengguna, bumbungnya bocor apabila hujan lebat dan bila-bila masa sahaja boleh runtuh. Sebagai langkah sementara, saya berpendapat pihak yang berkuasa harus membaikinya. Pasar Nibong Tebal telah dibina pada

tahun 1932. Penduduk-penduduk Nibong Tebal yang meningkat kepada 15,000 orang menyebabkan pasar tersebut menjadi selalu sesak. Pasar tersebut adalah untuk penggunaan semua kaum. Adalah dikesalkan orang yang berniat jahat cuba menggunakan dan menjadikan keadaan tersebut sebagai isu perkauman. Bagi orang-orang yang beragama Islam daging babi yang digantung di gerai-gerai di bahagian hujung pasar adalah tidak sesuai dan telah beberapa kali melahirkan perasaan tidak puas hati mereka dengan keadaan tersebut. Mereka meminta pihak yang berkuasa mendirikan tembok setinggi lima kaki dengan pintu masuk selebar tiga kaki sahaja untuk melindungi dari pandangan orang ramai. Bagi orang-orang kaum Cina merasai mereka tertolak dari bahagian hadapan ke bahagian belakang pasar, iaitu ke bahagian tandas yang telah diubahsuaikan sebagai tempat mereka menjual daging babi. Penjual-penjual daging babi mendakwa ruang yang diperuntukkan kepada mereka terlalu sempit bagi menampung pembeli yang kian ramai.

Tuan Speaker, saya rasa pihak Kerajaan hendaklah memandangkan masalah ini sebagai berat dan mendirikan sebuah pasar yang baru secepat mungkin, agar mengenalpasti tempat yang sesuai untuk menjual daging babi, daging lembu dan daging kambing. Langkah itu pasti akan memuaskan hati semua kaum. Dengan terbinanya pasar baru ini kelak dapatlah menempatkan penjaja yang tidak berlesen yang sering berhadapan dengan Pegawai Penguatkuasa dari masa ke semasa. Kebanyakan penjaja yang tidak berlesen ini mencari penghidupan dengan jujur. Dengan terbinanya pasar baru mereka akan mendapat tempat yang sesuai untuk berniaga. Sekiranya tidak ada peruntukan, pihak Kerajaan hendak memikirkan bagi menswastakan pasar baru yang saya syorkan ini.

Tuan Speaker, saya berasa amat gembira bahawa sejumlah \$800,000.00 lebih telah ditetapkan kepada Jabatan Haiwan untuk membeli lembu, kerbau, kambing, ayam dan itik bagi tahun 1988.

Jumlah wang sebanyak \$50,000.00 yang telah diperuntukkan bagi menggemukkan lembu ternak merupakan satu tindakan yang kurang sesuai. Masalah tanah tidak timbul dari proses menggemukkan lembu ternakan ini sebab proses ini tidak memerlukan kawasan yang luas dan teknologi juga kurang digunakan, tetapi apa yang menjadi masalah bagi para penternak ialah pemasaran dan harga PKC. Para penternak terutamanya di bahagian utara mengalami masalah dengan memasarkan lembu-lembu ternakan mereka kerana pertandingan hebat daripada daging lembu yang diimport dari India yang pada masa ini melandai pasaran kita. Kita menghadapi masalah pemasaran dalam negeri. Sekiranya kita berhenti mengimport daging-daging lembu ini dari India, Kerajaan India akan bertindak balas dengan cara tidak membeli minyak kepala sawit dari negara kita.

Tuan Speaker, harga PKC telah meningkat kepada kira-kira \$300 setan, dengan itu tidak gunalah lagi kita menggemukkan lembu-lembu ini dengan PKC, sebab kita hanya dapat memasarkan sekilogram daging lembu pada harga \$3.20 sahaja. Saya cadang supaya jumlah wang \$50,000.00 ini yang hendak diperuntukkan bagi menggemukkan lembu-lembu ternak disalurkan bagi membeli lebih kambing-kambing dan biri-biri dan dibahagikan kepada penternak-penternak kerana daging kambing mempunyai permintaan yang lebih.

Tuan Speaker, harga daging kambing boleh dipasarkan dengan harga \$4.00 sekilogram. Saya juga ingin mencadangkan agar pihak Kerajaan Negeri membelanjakan lebih wang bagi penternak ayam yang membantu para penternak dalam industri ini. Bagi kawasan Nibong Tebal para penternak di sini menghasilkan lebih kurang 2 juta ekor ayam iaitu *table birds* sebulan. Ini bukan sahaja membantu memenuhi keperluan seluruh Negeri Pulau Pinang dan

Malaysia Barat tetapi juga telah dieksport ke tempat-tempat yang jauh seperti Singapura.

Tuan Speaker, sekiranya kita berurus dengan pihak Jepun dengan berjayanya kita akan dapat memulakan pengeluaran ayam dengan cara besar-besaran. Dengan cara ini dalam analisa muktamad, ini bukan akan membaiki taraf penghidupan para-penternak luar bandar tetapi juga akan menggalakkan peningkatan penukaran wang asing bagi negara kita.

Tuan Speaker, pada pendapat saya Kerajaan Negeri sepatutnya membantu dalam peningkatan eksport ayam ke Negeri Jepun pada tahap Kerajaan antara Kerajaan. Dengan itu kita akan setaraf dengan Negeri Thailand dalam menghasilkan ayam-ayam murah bagi eksport ke negeri-negeri lain.

Tuan Speaker, para penternak di negeri ini adalah rajin dan saya berbangga bahawa Jabatan Pertanian dan Ahli Exco Pertanian kita sedang mencuba sedaya upayanya untuk membantu para penternak menyelesaikan masalah-masalah pada tahap permulaan ini. Walau bagaimanapun salah satu daripada masalah hebat yang dihadapi oleh para penternak adalah memasarkan hasil-hasil mereka seperti cendawan, sayur-sayuran seperti asparagus dan susu lembu yang telah saya soal dalam soalan lisan saya. Kita mempunyai para petani yang baik yang memelihara lembu-lembu yang tidak dapat menghasilkan susu yang memuaskan tarafnya yang telah ditetapkan oleh Syarikat Dutch Baby di Kuala Lumpur. Malang sekali susu-susu lembu yang baru sahaja diperolehi dari lembu-lembu ini tidak dapat mencapai taraf yang ditetapkan oleh Syarikat Dutch Baby, walaupun susu ini tidak dicampuradukkan dengan apa-apa pun. Saya juga ingin tahu sama ada susu ibu hasil dari para-para ibu di Malaysia mencapai taraf yang telah ditetapkan oleh Syarikat Dutch Baby.

Saya berharap Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau pun jangan ketawa sebab susu lembu yang dihasilkan dari kawasan Balik Pulau mungkin dianggap sebagai susu berarak (*alcohol milk*) dan ianya tidak akan diterima oleh Syarikat Dutch Baby seperti susu yang dihasilkan di kawasan saya. Dengan itu saya berharaplah Kerajaan Negeri akan bersungguh meneliti masalah membantu para petani kita memasarkan hasil-hasil tenusu mereka di pasaran tempatan dan bukannya menghantarkan hasil-hasil kita kepada Syarikat Dutch Baby di Kuala Lumpur. Proses penghasilan susu oleh lembu berterusan walaupun pada hari cuti am. Masalah yang timbul dalam hal ini ialah pada hari-hari cuti am, Syarikat Dutch Baby yang berkenaan tidak mengutip susu tersebut. Dengan jumlah penduduk yang mempunyai tahap sejuta, saya mempunyai kepercayaan sepenuhnya bahawa kita dapat memasarkan hasil susu di pasaran tempatan. Saya juga berharap pihak Kerajaan Negeri akan meneliti masalah ini dengan Pejabat Haiwan dan para penternak dalam memasarkan hasil mereka.

Tuan Speaker, dalam tempoh dharurat 1952, Yang Berhormat Encik N.W.S. Choir Pemangku Resident Commissioner Pulau Pinang dan Seberang Perai memerintahkan orang-orang Cina berpindah ke Kampong Valdor, Kampong Jawi dan Kampong Wellesley di kawasan Nibong Tebal. Kepada orang Melayu kebanyakannya dipindahkan ke kampung-kampung baru iaitu Kampong Simpang Empat, Sungai Duri, dan Makau Sua. Sehingga sekarang mereka masih menghadapi kesukaran yang berterusan. Masalah yang lebih teruk dihadapi oleh penduduk Kampong Makau Sua yang terdiri daripada 46 keluarga, di antara 43 keluarga Melayu dan 3 keluarga India. Mereka kini menjadi setinggan di tanah-tanah persendirian dan bergantung belas kasihan tuan-tuan tanah. Mereka yang juga terpaksa membayar sewa setiap tahun kepada tuan tanah.

Dalam pada itu terdapat pokok-pokok kelapa yang tua, ketika ribut atau hujan lebat, pokok-pokok ini bergoncang dan

merbahayakan penghuni-penghuni di situ. Mereka dikehendaki membayar \$150.00 kepada tuan tanah bagi setiap pokok kelapa yang akan ditebang. Malangnya kebanyakan penduduk di sini adalah terdiri daripada bekas tentera dan polis di mana mereka yang lama memberi perkhidmatan pertahanan keamanan negara. Dengan pendapatan kecil mereka sekarang, mereka tidak mampu memenuhi permintaan tuan tanah tersebut. Masalah yang sama juga dihadapi oleh penduduk kampung-kampung Melayu di Simpang Empat. Saya merasa adalah wajar pihak Kerajaan atau PERDA menimbangkan masalah mereka ini dengan mendalam. Untuk kepentingan pada masa hadapan sebaik-baiknya tanah yang menjadi tempat tinggal yang kekal. Eloknya diberi hak milik kepada penghuni-penghuninya.

Sekian, terima kasih.

Tuan Speaker:

Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Sungai Aceh.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Puan Hajjah Ragayah binti Ariff):

Tuan Speaker, saya bangun turut serta bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain di dalam membahaskan Anggaran Pembangunan bagi tahun 1988 sebanyak \$38,782,220.00.

Tuan Speaker, oleh kerana ini adalah pembentangan akhir dalam sesi sidang kita sekarang ini dan juga merupakan sidang akhir tahun ini maka di dalam melaksanakan semua anggaran pembangunan negeri, usaha-usaha pembangunan negeri untuk faedah rakyat maka izinkanlah saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan Negeri, kepada pegawai-pegawai Kerajaan, jabatan-jabatan dan juga agensi-agensi Kerajaan yang telah menjalankan usaha-usaha dan kerja-kerja di dalam melaksanakan amanah rakyat yang telah diberikan kepada Kerajaan di tahun-tahun yang lalu.

Tuan Speaker, apa yang diharapkan supaya di dalam melaksanakan tugas ini, kita semua sama ada di antara pegawai-pegawai Kerajaan di antara para pentadbir, juga pembuat polisi iaitu di antara para kakitangan Kerajaan dan ahli-ahli politik juga untuk meneruskan supaya kita semua mempunyai rasa persefahaman di antara semua sekali, di antara jabatan dengan jabatan dan di antara orang-orang politik dengan kakitangan Kerajaan. Persefahaman ini ialah supaya kita semua dapat melaksanakan dan dapat mempercepatkan lagi khidmat kepada rakyat yang mungkin masih dahagakan kepada rancangan dan pembangunan untuk mengubah cara hidup mereka dan meninggikan pendapatan serta juga untuk memperelokkan lagi keadaan sosial mereka sehari-hari.

Tuan Speaker, di dalam melaksanakan semua ini, tidak ada gading yang tidak retak, tidak ada bumi yang tidak ditimpa hujan, namun demikian usaha dan tenaga pelaksana yang telah melaksanakan amanah rakyat seperti jabatan-jabatan dan juga pegawai-pegawai Kerajaan yang telah merah otak dan fikiran yang telah menghabiskan masa dan tenaga untuk faedah negeri dan juga rakyat. Oleh yang demikian, maka saya berharap jika sekiranya ada tegoran-tegoran yang disampaikan di Dewan Yang Mulia ini maka anggaplah ini adalah satu teguran yang ikhlas dan jujur, di mana teguran ini adalah datangnya daripada harapan rakyat yang kami dengar dan yang kami jumpa setiap hari yang mengharapkan perubahan-perubahan ini terus diperbaiki oleh tenaga pelaksana, kakitangan Kerajaan yang mahir di dalam melaksanakan tugas-tugas untuk kemajuan.

Tuan Speaker, di mana kita membahaskan Anggaran Pembangunan tahun 1988 ini, saya ingin menyentuh beberapa perkara yang masih menjadi rungutan, yang masih menjadi permintaan dan rayuan daripada rakyat di negeri kita ini, di mana kampung-kampung, di mana rancangan-rancangan dan di mana juga desa-desa yang biasa kita sampai, di dalam tugas kita di

luar Dewan ini menemui anggota masyarakat supaya kita semua akan dapat menjalankan tugas kita sebagaimana yang telah kita tahu iaitu "Kepimpinan Melalui Tauladan" sikap "Bersih, Cekap dan Amanah". Ini kita harap supaya akan tetapi kita amal dan akan tetap terus kita pupuk dan kita hayati di semua pihak, sama ada golongan politik ataupun golongan kakitangan Kerajaan kerana dengan ini sahajalah yang akan dapat menjamin kesejahteraan dan juga akan dapat menjamin kemajuan untuk rakyat dan negeri kita ini.

Tuan Speaker, jika sekiranya di antara kedua pihak telah mempunyai rasa persefahaman, maka saya rasa bahawa tidak ada masalah lagi untuk kita sama-sama menuju ke arah kemajuan yang lebih pesat lagi untuk negeri kita ini. Peranan kita semua adalah amat besar dan amanah yang telah diberikan oleh rakyat kepada kita semua adalah lebih berat lagi. Jika sekiranya kita sama-sama bersalah maka sama-samalah kita terima dan jika sekiranya amanah itu telah kita tunaikan dengan baik, maka pahalanya sama-sama kita terima di akhirat kelak.

Tuan Speaker, satu perkara yang patut sangat diberi perhatian dengan sewajarnya dan diambil satu langkah yang lebih bebasan adalah berkenaan dengan sistem perparitan. Di musim hujan, kita tahulah bahawa pada bulan ini adalah musim hujan, penduduk yang tinggal di kawasan rendah terpaksa berjaga-jaga, kalau rumahnya dinaiki air, rumahnya dilanda banjir dan keadaan ini yang menjadi masalah besar kepada penduduk di tempat-tempat yang berkenaan. Bila kemajuan semakin pesat, pembangunan semakin bertambah, kawasan perumahan juga tumbuh sebagai cendawan, maka apa yang perlu diambilkita oleh Kerajaan ialah sistem perparitan. Kita tidak boleh menggunakan sistem perparitan dahulu untuk masa ini kerana sistem perparitan yang telah lama dirancang tidak begitu sesuai buat masa sekarang ini. Tambahan pula, kawasan-kawasan yang telah dibangunkan dengan berbagai-bagai

bangunan dan juga kawasan-kawasan yang telah dibangunkan dengan kawasan perumahan. Saya fikir barangkali perancangan yang kurang teratur, maka semakin banyak rumah yang dibangunkan, semakin banyak pembangunan-pembangunan, semakin banyak pula kawasan yang terlibat dengan banjir. Boleh jadi juga kerana masalah perparitan yang tidak begitu teratur, masalah perparitan yang amat kecil dan juga tidak cukup dalam, maka bila hujan, perjalanan airnya terjejas.

Tuan Speaker, pihak perancang hendaklah memberi pandangan yang lebih teliti mengenai cara-cara perparitan yang betul kepada pemaju-pemaju perumahan dan juga pembangunan. Sepatutnya apabila pemaju-pemaju perumahan atau pembangunan yang hendak mendirikan kawasan-kawasan perumahan ataupun pembangunan mestilah terlebih dahulu diminta menyediakan pelan di mana air hendak dibuang, ke mana air itu hendak dialirkan kerana akibat perparitan yang tidak betul inilah maka projek-projek pembangunan dan sistem perparitan tidak teratur, maka kadang-kadang, bila hujan turun, bah melimpah-limpah bukan sahaja di jalanraya-jalanraya bahkan di rumah-rumah. Masalah ini Tuan Speaker, mengakibatkan rumah-rumah mereka terutama sekali rumah-rumah di pinggir-pinggir kawasan perumahan ditenggelami air.

Tuan Speaker, di samping itu juga saya suka berharap supaya masalah perparitan ini dan juga masalah jalan raya ini mestilah kita ada satu badan iaitu Badan Penyelarasan di antara Jabatan-jabatan Kerajaan, Jabatan-jabatan Kerajaan yang berkaitan dengan masalah perparitan ataupun sistem perparitan dan juga dengan masalah jalanraya ini. Saya bawa perkara ini Tuan Speaker, kerana negeri kita mahu kan kebersihan, apa yang kita maksudkan ini adalah kebersihan di seluruh terutama sekali di dalam bandar dan juga luar bandar. Bagaimanakah untuk kita menjaga kebersihan, kalau pada pagi ini datang satu jabatan umpamanya Jabatan Telekom menggali lubang, memasang kabel, lepas itu lubang

itu dibiarkan kerana tidak sempat dilaksanakan pada satu hari ataupun dua hari. Keadaan jalan itu telah menjadi sempit lebih-lebih lagi kalau datangnya musim hujan, tanah yang digali itu diletakkan di pinggir jalan, datang lori, datang bas lalu melanda tanah itu dan keadaan menjadi masalah kepada pengguna-pengguna jalanraya. Selepas itu lubang yang digali tadi setelah dipasang dengan kabel, maka ditutup kembali. Datang pula jabatan yang lain, misalnya untuk menggali dan dipasang pula dengan paip air misalnya, maka jalan itu berlubang kembali. Ini juga menjadi satu masalah, masalah kepada pengguna jalanraya dan sesudah ianya digali maka jalan itu ditimbus pula dengan keadaan yang tidak rata. Jadi jalan yang tinggal menjadi rendah dan juga jalan-jalan ini tidak sama dengan jalan yang asal, maka dengan keadaan begini selalu kemalangan terjadi di tempat-tempat yang saya sebutkan tadi. Oleh yang demikian, saya berharap jugalah supaya sistem perparitan dan juga sistem jalanraya ini akan dapat diselaraskan di antara semua jabatan supaya tidak lagi menjadi masalah sebagaimana yang telah saya sebutkan.

Tuan Speaker, di samping itu juga saya suka menyatakan bahawa kerana tidak ada Badan Penyelaras di antara jabatan-jabatan ini maka ada di antara jabatan-jabatan, umpamanya Jabatan Kesihatan juga membina parit, datang pula Jabatan Kerja Raya bina lagi parit dan di samping itu Jabatan Parit dan Taliair juga jaga parit, tetapi kita tidak tahu kadang-kadang kalau sekiranya datang musim hujan, parit yang sempit itu telah ditimbus oleh bermacam-macam, misalnya tanah, sampah dan sebagainya. Bila kita bawa masalah ini kepada peringkat-peringkat yang berkenaan, maka ada di antara jabatan-jabatan ini menjawab bahawa parit ini bukan dia yang jaga, tetapi orang lain yang jaga. Datang pula Jabatan Kerja Raya, dia kata parit ini bukan dia jaga, tetapi Jabatan Parit dan Taliair yang jaga. Kita tahulah bahawa Majlis Perbandaran Seberang Perai juga diberi tugas untuk menjaga parit, tetapi parit konkrit,

iaitu parit simen. Jadi saya berharaplah supaya penyelarasan ini juga akan dapat diberi keutamaan kerana di kawasan Seberang Perai Selatan, kita tahu bila sahaja hujan, banjir melimpah ke kampung-kampung iaitu seperti Kampung Sanglang, Kampung Tonghai, Taman Permai, Kampung Keretapi terutama sekali sekolah iaitu Sekolah Methodist. Kalau hujan turun misalnya satu jam, murid-murid yang datang ke sekolah terpaksa buka kasut, buka stokin dan di samping itu lalu pula dalam tanah-tanah yang berselut, sebab itu saya berharaplah kawasan-kawasan ini juga akan diberi perhatian.

Saya tolong bawa juga Kawasan Sungai Bakap iaitu Jalan Sentosa, Kampung Makau Sua, Jalan Valdor dan juga kawasan UKK, Sungai Bakap. Kalau hujan lebat turun dalam masa satu jam, maka kawasan-kawasan ini akan dinaiki air sedalam dua kaki dan tiga kaki. Jadi saya berharaplah supaya penyelarasan di antara jabatan-jabatan ini akan dapat disamakan kerana ini juga ada memberi kemudahan kepada sistem perparitan, juga masalah-masalah jalan raya. Di samping itu saya rasa dengan cara ini akan dapat mengelak kemalangan-kemalangan yang sentiasa berlaku terutama sekali di jalan besar di daerah Seberang Perai Selatan, sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dr. Lim tadi.

Tuan Speaker, di samping itu saya juga suka menyentuh, walaupun perkara ini telah saya bawa pada tahun 1986 iaitu berkenaan dengan bangunan-bangunan di kawasan Seberang Perai Selatan. Yang pertama sekali ialah Bangunan Balai Polis Sungai Acheh yang mana sehingga hari ini pembinaannya belum dilaksanakan dan di samping itu juga adalah berkenaan dengan pembinaan jambatan di Tanjong Berembang. Saya berharaplah kepada pihak yang berkenaan akan memberi keutamaan kepada pembinaan jalan ini kerana dengan ini akan memberi kemudahan kepada murid-murid sekolah dan juga kepada orang-orang yang mengerjakan sawah yang ada di seberang sungai untuk menyeberangi Sungai Tanjong Berembang ini.

Jadi itulah harapan saya dan sekali lagi saya berharaplah supaya yang berkenaan dan juga Kerajaan akan memberi keutamaan kepada kawasan Sungai Acheh yang kita tahu bahawa kawasan Sungai Acheh masih ketinggalan dalam segi pembangunan.

Tuan Speaker, maka dengan ini saya mohon menyokong Anggaran Pembangunan tahun 1988.

Terima kasih.

Tuan Speaker:

Yang Berhormat Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Encik Abdul Roni bin A. Hasan):

Tuan Speaker, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Anggaran Pembangunan 1988. Saya menyokong penuh dengan Anggaran Pembangunan yang berjumlah \$38.7 juta ini yang mana saya fikir telah dibuat dengan mengambil kira suasana ekonomi yang sukar dan had-had kemampuan hasil negeri ini.

Tuan Speaker, usaha-usaha menswastakan perumahan kos rendah adalah satu keputusan yang baik memandangkan keadaan industri pembangunan yang perlu diberi perkembangan. Di samping itu, program ini juga dapat melegakan permohonan rumah kos rendah oleh orang ramai. Di sini suka saya menyatakan sedikit kebimbangan saya dari segi perlaksanannya.

Tuan Speaker, kita tahu bahawa sektor pembinaan terutamanya perumahan menghadapi pukulan yang teruk dalam kemerosotan ekonomi sekarang ini. Ramai di antara mereka ini mungkin telah mengalami masalah-masalah dalam projek-projek mereka sendiri. Oleh itu, saya mengharapkan bahawa pihak Kerajaan akan mengikuti perkembangan pembinaan rumah kos rendah dan sederhana ini dengan teliti untuk menjamin kejayaannya. Tanpa pengawasan yang teliti, mungkin akan memberi ruang kepada berbagai-bagai helah yang akan

menjejaskan kejayaan program ini keseluruhannya.

Tuan Speaker, adalah amat dikesali juga bahawa sehingga hari ini masih terdapat tunggakan dari sebilangan penghuni sekim perumahan Kerajaan yang berjumlah lebih \$6 juta. Sesungguhnya jumlah ini menjejaskan program pembinaan rumah baru. Saya berharap perkara ini dapat diatasi dengan sebaik-baiknya.

Tuan Speaker, di bawah Maksud P.101 Butiran 6, sejumlah wang sebanyak \$1.5 juta diperuntukkan untuk Projek Pembangunan Masyarakat terutamanya penduduk di luar bandar. Projek Pembangunan Masyarakat adalah amat penting untuk memajukan masyarakat terutamanya di luar bandar. Adalah didapati bahawa jumlah peruntukan berkenaan adalah sama jumlah dengan pada tahun 1987. Jadi saya mengharapkan dengan memandangkan pentingnya Projek Pembangunan Masyarakat terutamanya di luar bandar ini, maka peruntukan berkenaan perlu diperbesarkan.

Tuan Speaker, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung adalah kumpulan-kumpulan orang yang banyak membantu dan memberi maklumat-maklumat tentang keperluan projek-projek kepada Pejabat-pejabat Daerah. Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung amat penting kepada Pejabat Daerah. Saya berharap supaya kemudahan perhubungan dan beberapa kemudahan yang lain diberikan kepada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung ini untuk menjalankan tanggungjawab mereka. Kita harus ingat bahawa mereka ini menjalankan tugas dengan sukarela dan tidak bergaji.

Tuan Speaker, dalam perkara ini juga kita tidak harus lupa bahawa Penghulu adalah menjadi orang perantara sama ada dalam mendapatkan maklumat atau menyelenggarakan projek-projek di dalam kawasanya. Terdapat Penghulu yang bertugas di kawasan saya yang juga menjalankan tugas hingga 3 kawasan ADUN termasuk 2

kawasan Parlimen. Ini membeban dan menjejaskan keupayaan menjalankan tanggungjawab yang *efficient*. Tuan Speaker, keadaan ini patut ditimbang dan diubahsuai.

Tuan Speaker, sehubungan dengan ini, terdapat juga beberapa masalah dalam pelaksanaan pembangunan masyarakat terutama di luar bandar. Saya berharap bagi pihak Kerajaan terutamanya Exco berkenaan akan dapat mengadakan Jawatankuasa berkenaan yang akan dapat memastikan pelaksanaan pembangunan dapat berjalan dengan lancar dan berkesan.

Tuan Speaker, sehubungan dengan itu juga saya ingin menyentuh mengenai Projek Jalan Luar Bandar iaitu Projek *Reimbursable* yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri dan kemudian dibayar balik oleh Kerajaan Pusat. Dalam 2 tahun kebelakangan ini, didapati projek ini tidak dapat dilaksanakan oleh kerana Kerajaan Pusat iaitu Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar tidak meluluskannya.

Tuan Speaker, adalah diharapkan bahawa Jawatankuasa Tanah dan Pembangunan Negara dan Luar Bandar dengan kerjasama Pengerusi Jabatan Kerja Raya dapat berjumpa dengan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar supaya dalam tahun 1988 ini, projek jalan luar bandar yang *reimbursable* ini dapat diluluskan.

Tuan Speaker, di bawah Maksud P.103, Jabatan Parit dan Taliair diperuntukkan sebanyak \$4.586 juta. Jumlah ini ditambah pula dengan \$5.2 juta di bawah Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu. Ini bermakna penekanan dibuat dalam memperbaiki infrastruktur pertanian terutama di dalam perkara taliair dan jalan ladang.

Tuan Speaker, sebahagian besar daripada kawasan Telok Ayer Tawar adalah kawasan pertanian. Tanah pertanian di Mukim 7, Seberang Perai Utara hanya mendapat bekalan air dari sebatang tali air yang telah dibina di akhir tahun 50-an. Jalan

ladang pun tidak ada lagi hari ini. Di Mukim 4, Seberang Perai Utara pula yang berhampiran dengan pantai terdapat sawah padi yang dalam. Ini disebabkan air tidak boleh dialirkan keluar iaitu ke laut. Keadaan ini menyebabkan air masuk dan air keluar tidak dapat dikawal dengan baik. Ini juga sudah tentu akan menjejaskan program pertanian di kawasan ini.

Tuan Speaker, di bawah Jabatan Hal-Ehwal Ugama, urusan untuk pembinaan pembesaran dan pembaikan mesjid diperuntukkan sebanyak \$538,000.00. Ini adalah wajar walaupun tidak berapa mencukupi kerana terdapat mesjid-mesjid yang memerlukan urusan-urusan ini.

Contoh, Mesjid Telok Ayer Tawar. Pertumbuhan penduduk Islam di kawasan tersebut telah berlipat kali ganda. Sekolah-sekolah pun telah bertambah. Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Menengah pun ada, walaupun telah terbelengkalai satu dan sahabat saya daripada Penaga tidak usah bimbanglah, kawasan saya pun ada. Jadi ini bermakna bahawa pertumbuhan pesat berlaku di kawasan berkenaan tetapi kedudukan mesjid itu agak tidak bersesuaian sekarang ini dan memerlukan satu kawasan yang lebih besar. Jadi saya berharaplah supaya mesjid ini dapat dipertimbangkan untuk diperbesarkan pada masa akan datang, kalau tidak dapat sebesar Mesjid Seberang Jaya, kecil pun tak apalah.

Bercakap tentang mesjid ini, saya berharap pihak Kerajaan akan melihat juga tentang kedudukan tanah wakaf mesjid ini. Saya berpendapat satu tindakan yang serius perlu dibuat untuk mengemaskinikan keadaan tanah wakaf Mesjid Telok Ayer Tawar ini.

Dengan ini Tuan Speaker, saya mohon menyokong usul Anggaran Pembangunan Tahun 1988. Terima kasih.

Tuan Speaker:

Yang Berhormat Ahli Kawasan Paya Terubong.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo):

Tuan Speaker, saya bangun untuk membahaskan ucapan Y.A.B. Ketua Menteri mengenai Anggaran Pembangunan Tahun 1988. Dalam ucapan Y.A.B. Ketua Menteri semalam, beliau menyatakan bahawa Kerajaan Negeri memberi peruntukan sejumlah \$2 juta untuk membaiki keadaan rumah-rumah pangsa yang berada di Pulau Pinang.

Saya difahamkan peruntukan ini dikeluarkan dari peruntukan Pejabat Ketua Menteri sebanyak \$6,575,130.00. Tuan Speaker, Y.A.B. Ketua Menteri seterusnya menyatakan iaitu tunggakan penghuni-penghuni kepada Kerajaan berjumlah \$6 juta. Setahu saya ada setengah penghuni-penghuni sejak memasuki rumah pangsa hingga sekarang ini tidak pernah membayar ansuran bulanan mereka. Begitu juga ada setengah penghuni-penghuni mengabaikan tanggungjawab sosial dan sivik dengan tidak membayar langsung. Ini adalah satu masalah yang lama dan rumit sekali.

Tuan Speaker, saya selalu mendengar pihak Kerajaan amat mengambil berat mengenai perkara ini dan tindakan undang-undang sedang mempertimbangkan untuk merampas rumah-rumah yang terlibat tetapi saya berasa kesal kerana tindakan Kerajaan terhadap penghuni-penghuni itu tidak berkesan langsung sehingga mengakibatkan tunggakan sebilangan penghuni kepada Kerajaan sebanyak \$6 juta seperti yang disebutkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri dalam ucapannya. Oleh itu saya berharap keadaan seumpama ini tidak akan berterusan bagi tahun hadapan.

Tuan Speaker, oleh kerana pihak Kerajaan tidak dapat menjalankan tindakan yang berkesan terhadap sebilangan penghuni yang terlibat, terdapat lain-lain penghuni yang mengikut peraturan membayar ansuran bulanan. Mereka telah mengalami kerugian dan ini adalah tidak berpatutan. Mengikut makluman, ada rumah-rumah

pangsa Kerajaan tidak pernah dicat semula. Lampu-lampu di tangga dan lif-lif selalu rosak. Keadaan kesihatan di rumah pangsa adalah buruk sekali. Perkara-perkara yang menyebabkan terjadinya semua ini adalah disebabkan oleh tunggakan yang dilakukan oleh sebilangan penghuni-penghuni rumah pangsa.

Tuan Speaker, terdapat kebanyakan penghuni-penghuni rumah pangsa Kerajaan adalah terdiri daripada orang-orang yang mempunyai kewangan yang baik. Mereka ini mempunyai peti televisyen, video, alat-alat muzik, peti sejuk, perabut-perabut yang baik, dan ada yang mempunyai kereta-kereta seperti Volvo, Mercedes atau BMW tetapi mereka inilah yang berhutang dengan Kerajaan kerana hendak membayar ansuran mereka. Oleh yang demikian, saya berharap pihak Kerajaan harus menjalankan satu banci penghuni-penghuni rumah pangsa dengan teliti dan mengikut kedudukan kewangan mereka itu dan seterusnya mengambil satu tindakan yang keras untuk mengutip semua tunggakan mereka kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Tuan Speaker, Jabatan Kerja Raya mendapat sebanyak \$8,672,630.00 dari peruntukan pembangunan. Antaranya sebanyak \$4,449,070.00, peruntukan ini akan disediakan untuk jalan dan jambatan negeri termasuk projek yang telah diluluskan, pembinaan semula jambatan di sepanjang jalan Tasek Gelugor dan Ara Kuda. Sebanyak \$2,796,970.00 diperuntukkan bagi membina jalan-jalan. Peruntukan kedua projek ini berjumlah \$7,246,040.00 iaitu 83% dari seluruh peruntukan bagi Jabatan Kerja Raya yang berjumlah \$8,672,630.00. Pada tahun 1987 kedua-dua projek yang tersebut di atas ini mempunyai peruntukan sebanyak \$9,008,750.00 iaitu pembaikan jambatan-jambatan diberi sebanyak \$4,912,030.00 dan pembinaan jalan-jalan diberi sebanyak \$4,096,720.00. Ini bermakna bahawa peruntukan kedua-dua projek tahun ini melebihi daripada peruntukan bagi projek yang sama bagi

tahun depan sebanyak \$1,762,210.00.

Tuan Speaker, walaupun peruntukan bagi pembaikan jambatan-jambatan dan jalan-jalan serta pembinaan jalan-jalan tahun ini begitu banyak, namun jalan yang menghubungi Ayer Itam dalam kawasan Paya Terubong dengan Balik Pulau dan Lapangan Terbang di Bayan Lepas tidak pernah diperbaiki dengan sewajarnya. Jalan ini sebenarnya sangat penting dari segi perhubungan. Saya sudah beberapa kali merayu Dewan ini supaya memperbaiki jalan ini dan mencegah keruntuhan tanah di tepi jalan ini, tetapi hingga hari ini Kerajaan masih belum mengambil apa-apa tindakan. Perkara ini amat dikesalkan.

Tuan Speaker, setengah-setengah jalan sebenarnya tidak rosak tetapi Kerajaan selalu memperbaikinya, malah mempercantikkannya. Sebabnya adalah kerana Yang diPertuan Agong, Perdana Menteri dan pegawai-pegawai tinggi hendak melawat Pulau Pinang. Jalan-jalan ini akan dilalui oleh mereka. Tuan Speaker, nampaknya kita terpaksa mengatur satu perjalanan yang melalui jalan Paya Terubong untuk pelawat-pelawat yang mulia ini dan supaya Jabatan Kerja Raya akan selalu memperbaiki dan mempercantikkan jalan ini.

Tuan Speaker, selain dari jalan-jalan utama yang tersebut di atas ini yang belum diperbaiki, ada lagi jalan-jalan dalam kawasan Paya Terubong seperti Jalan Chor Sin Kheng, Jalan Taman Oriental dan Jalan Taman Lau Geok Swee yang belum diberi perhatian yang sewajar. Ini adalah kerana jalan-jalan ini belum diserahkan kepada pihak yang berkuasa. Oleh itu, saya berharap Jabatan Kerja Raya dapat menimbangkan supaya mengambilalih jalan-jalan swasta ini dan menjaganya seperti jalan-jalan yang lain kerana pengguna jalan-jalan ini berhak seperti pembayar cukai yang lain.

Tuan Speaker, mengenai Anggaran Hasil dari Pembangunan bagi tahun 1988 ini, kita ada lebihan sebanyak \$667,800.00.

Lebihan ini datang dari pengurangan setengah projek pembangunan. Saya berharap Y.A.B. Ketua Menteri dapat memperuntukkan sebahagian wang dari jumlah lebihan sebanyak \$667,800.00 itu untuk memperbaiki beberapa jalan di Kawasan Paya Terubong.

Tuan Speaker, masalah banjir di Pulau Pinang makin hari makin serius. Saya menyeru Dewan ini memberi perhatian yang sewajarnya. Pulau Pinang sebenarnya adalah sebuah negeri yang bertuah kerana di sini tidak ada musim tengkujuh dan sungai besar yang mungkin mengakibatkan air bah seperti di Negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang akan tetapi masalah banjir di Pulau Pinang tidak berkurangan. Ketika hujan lebat turun selama dua atau tiga hari beberapa kawasan di Pulau Pinang sudah mengalami banjir. Kenapa peristiwa ini boleh berlaku?

Tuan Speaker, sekarang Pulau Pinang berkembang dengan pesatnya terutama sekali di bidang perumahan. Ekoran dari pembinaan rumah-rumah ini, penyaluran air tidak sempat diadakan. Keadaan ini bertambah buruk bila pasir dan tanah bukit menyumbat parit-parit dan longkang. Ini adalah punca berlakunya banjir bila hujan lebat. Sekarang kawasan yang selamat dahulu pun mula mengalami bencana ini.

Tuan Speaker, kerugian yang disebabkan oleh banjir tidak terkira jumlahnya. Bila banjir berlaku, pekerja tidak dapat pergi ke tempat kerjanya, kilang-kilang terpaksa diberhentikan, tanaman dan ternakan dimusnahkan, rumah-rumah penduduk kemasukan air, lalu lintas tersesak, Pegawai Kerajaan terganggu hendak pergi ke Pejabat, malah kehilangan nyawa berlaku. Keadaan ini makin hari makin buruk. Kerajaan tidak dapat lagi mengabaikan masalah ini.

Saya tidak bermaksud bahawa Kerajaan tidak memperdulikan masalah banjir langsung, tetapi cara yang digunakan oleh

Kerajaan hanya untuk penyelesaian sementara sahaja. Di mana berlaku banjir, di situ lah Kerajaan mengorek lumpur. Nyata sekali, cara ini tidak dapat menjamin bahawa banjir tidak akan berlaku lagi di masa depan. Tuan Speaker, oleh itu, sejak berpuluh-puluh tahun kebelakangan ini, banjir tidak berhenti berlaku dan Kerajaan pun tidak berhenti mengorek. Cara penyelesaian sementara ini tidak boleh diterima kerana tidak berkesan. Situasi Pulau Pinang yang bertambah buruk adalah satu bukti yang nyata.

Tuan Speaker, saya merayu Dewan yang mulia ini supaya menitikberatkan masalah banjir bila membincangkan Anggaran Pembangunan. Kita harus mengadakan satu cara penyelesaian untuk selamalamanya supaya banjir Pulau Pinang dapat dihapuskan, tetapi dari peruntukan tahun 1988 seperti yang tersebut di bawah, nampaknya Kerajaan sudah mengabaikan pencegahan banjir di kawasan bandar.

Peruntukan tahun 1988 untuk kesembilan jabatan ini berjumlah \$38,782,033.00. Di antaranya hanya \$8,670,630.00 diperuntukkan kepada Jabatan Kerja Raya dan hanya \$4,584,840.00 diperuntukkan kepada Jabatan Parit dan Taliair. Selain dari itu Pejabat Ketua Menteri dan Setiausaha Kerajaan hanya diberi \$6,575,130.00. Ketiga-tiga Jabatan ini berhubung rapat dengan rancangan pencegahan banjir, akan tetapi hanya Jabatan Parit dan Taliair menggunakan \$565,600.00 dari peruntukannya untuk pencegahan banjir. Jumlah ini jelas tidak mencukupi jika dibandingkan dengan peruntukan pencegahan banjir sebanyak \$850,000.00 untuk tahun 1987. Tambahan pula, jumlah ini hanya dikhaskan untuk tanah pertanian yang tidak memasuki kawasan bandar. Jabatan Kerja Raya dan Pejabat Ketua Menteri dan Setiausaha Kerajaan tidak menggunakan sama sekali peruntukannya untuk pencegahan banjir.

Tuan Speaker, tidak dapat dinafikan lagi banjir sudah meningkat ke satu tahap

yang merbahaya. Kerajaan Negeri mesti menyelesaikan masalah ini dengan segera. Kita harus mengarah semua jabatan yang berhubung rapat dengan banjir supaya mengemukakan satu rancangan pencegahan banjir yang meliputi kawasan bandar dan tanah pertanian. Dengan ini kita berharap banjir di Pulau Pinang dapat dihapuskan demi kepentingan semua rakyat di kawasan ini.

Tuan Speaker, mengikut Belanjawan Negeri Pulau Pinang 1988, jumlah Anggaran Perbelanjaan pada tahun 1988 ialah sebanyak \$70,416,740.00. Anggaran Perbelanjaan untuk membiayai gaji dan elaun kakitangan perkhidmatan awam ialah sebanyak \$34,303,940.00 yang merupakan 50% dari jumlah perbelanjaan Belanjawan Negeri Pulau Pinang Tahun 1988.

Tuan Speaker, perbelanjaan untuk membayar gaji dan elaun kepada kakitangan perkhidmatan awam adalah dari kutipan hasil dan cukai pendapatan rakyat. Oleh itu, kakitangan perkhidmatan awam harus setia, berkhidmat dengan cekap untuk kebaikan rakyat. Pada keseluruhannya, kebanyakan kakitangan Kerajaan telah menunjukkan perkhidmatan yang baik, tetapi kadang-kadang disebabkan oleh sebahagian kecil kakitangan yang tidak bertanggungjawab dan mengabaikan kerjanya, maka perbuatan mereka ini telah membawa kerugian kepada orang ramai di samping memburukkan imej beberapa pejabat Kerajaan atau agensi Kerajaan.

Tuan Speaker, untuk membuktikan tuduhan saya, saya hendak mengemukakan satu peristiwa yang berlaku sebenar baru-baru ini. Terdapat sebuah sungai yang terletak antara Eng Engineering Sdn. Bhd. dan Air Express International Sdn. Bhd. di kawasan Bayan Baru. Sungai ini mengalir ke arah Batu Maung. Sungai ini lebarnya lebihkurang 10 kaki dan berhampiran sungai ini ada sebuah kilang sedang didirikan. Pihak kilang ini telah meletakkan berbagai-bagai batu dan menggunakan simen dan barangan konkrit untuk menjadikan

sebatang jalan di atas sungai dan tinggal hanya dua lubang saluran di bawah jalan itu. Oleh itu, air tidak dapat mengalir dengan sempurna dan telah mengakibatkan pengaliran air yang kuat pada masa yang lepas. Tuan Speaker, oleh kerana perbuatan yang dilakukan oleh kilang yang berkenaan, satu bencana banjir telah berlaku pada minggu yang lepas dan penduduk-penduduk di sekitar kawasan itu telah mengalami kerugian besar. Banjir itu telah mengancam keselamatan suri rumahtangga dan kanak-kanak yang berada di dalam rumah pada ketika itu.

Tuan Speaker, mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 berkenaan dengan Pencemaran Anak Sungai dalam Bahagian VIII Bil. 69 yang berbunyi seperti berbunyi:-

“Seseorang yang melakukan sesuatu kacauganggu atau meletakkan apa-apa kekotoran dalam atau di atas tebing mana-mana anak sungai, saluran, parit awam atau lain-lain alur-air dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan adalah bersalah atas suatu kesalahan, dan boleh, apabila disabitkan dikenakan denda tidak lebih daripada \$2,000.00 atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau denda dan penjara kedua-duanya dan denda tambahan tidak lebih daripada \$500.00 bagi tiap-tiap satu hari kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.”

Tuan Speaker, mengapa pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang tidak mengambil tindakan terhadap perkara ini? Pihak kilang itu telah membina sebatang jalan berhampiran dengan pejabat Pembangunan Pulau Pinang dan mengapa pihak yang berkenaan tidak melihat perbuatan mereka itu? Atau pihak yang berkenaan mengetahui hal ini, tetapi tidak mengambil sebarang tindakan?

Tuan Speaker, pihak Kerajaan menggalakkan pekilang-pekilang untuk mendirikan kilang-kilang perindustrian dengan

tujuan mewujudkan lebih banyak pekerjaan tetapi pihak pekilang itu harus mematuhi peraturan dan undang-undang. Oleh yang demikian, pihak yang berkuasa hendaklah mengambil tindakan segera terhadap pihak kilang itu kerana membina sebatang jalan yang tidak mendapat kelulusan dari mana-mana pihak.

Tuan Speaker, saya berharap pihak yang berkuasa memberi arahan dengan serta-merta kepada kilang itu supaya memindah segera barangan konkrit untuk membolehkan sungai itu dapat mengalir dengan licin demi kebaikan penduduk-penduduk tempatan.

Tuan Speaker, saya hendak menarik perhatian Dewan Yang Mulia ini terhadap (ganguan).

Tuan Speaker:

Yang Berhormat, masih panjang lagi-kah?

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo):

Lagi sikit saja. Saya hendak menarik perhatian Dewan yang mulia ini terhadap masalah pencemaran yang dihadapi oleh penghuni-penghuni rumah pangsa di Jalan Lines. Pencemaran ini disebabkan oleh pembakaran sampah dari pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Mengikut aduan para penghuni rumah pangsa ini, tempat pembakaran sampah tidak lebih daripada 500 kaki jaraknya dari tempat tinggal mereka. Semasa sumpah dibakar, asap beracun merebak sampai ke rumah pangsa mereka mengikut hala angin. Keadaan ini sudah mengakibatkan pencemaran yang serius. Kalau tindakan yang sewajarnya tidak diambil dengan segera, kesihatan penduduk di kawasan ini akan terancam.

Tuan Speaker, mengikut Akta Kualiti persekitaran Tahun 1974 dan Peraturan Kualiti Persekitaran Tahun 1978, di Bahagian 3, Ceraian 9, jelas menyatakan bahawa jika pihak yang berkenaan hendak mem-

bina tempat pembakaran sampah, wajiblah mereka mempertimbangkan bangunan-bangunan yang letaknya kurang daripada 1,000 meter dari tempat pembakaran sampah itu.

Tuan Speaker, berdasarkan Akta dan Peraturan tersebut, kita boleh menarik satu kesimpulan bahawa, jika ada pihak yang hendak membina rumah di kawasan yang jaraknya kurang daripada 1,000 meter dari tempat pembakaran sampah itu, permohonan mereka tidak akan diluluskan, akan tetapi, rumah pangsa di Jalan Lines hanya 500 kaki jaraknya dari tempat pembakaran. Mengapa permohonan untuk membinanya diluluskan? Pihak yang bertanggungjawab harus memberi penjelasan yang memuaskan.

Tuan Speaker, dalam situasi ini, kita hanya ada satu pilihan, sama ada tempat pembakaran ini atau rumah pangsa ini mesti dipindahkan. Jika dipertimbangkan dari aspek-aspek yang lain, saya berpendapat bahawa tempat pembakaran ini harus dipindahkan. Sebagaimana yang kita ketahui, Majlis Perbandaran Pulau Pinang pesat berkembang dan penduduk semakin bertambah. Dengan ini, kita memerlukan kawasan yang lebih luas untuk pembangunan. Adakah bijak kita mengadakan tempat pembakaran di kawasan yang berhampiran dengan pusat bandaraya? Padahal kita patut menggunakan kawasan itu untuk tujuan yang lebih produktif. Dengan kata lain, pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang harus menyediakan satu rancangan yang konkrit untuk memindahkan tempat pembakaran ke satu tempat yang terpencil. Ini merupakan satu langkah yang wajar, kerana kawasan yang dikosongkan kelak boleh digunakan untuk membina rumah murah dan infrastruktur yang lain. Tidak syak lagi, ini boleh menambahkan hasil Kerajaan.

Tuan Speaker, saya hendak menekankan sekali lagi, tempat pembakaran di Jalan Lines ini mesti dipindahkan. Lebih cepat lebih baik, kerana kesihatan penduduk harus dijadikan keutamaan dalam segala dasar Kerajaan.

Tuan Speaker, saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Tuan Speaker dan juga saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyokong penuh usul Anggaran Pembangunan Tahun 1988.

Terima kasih.

Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguh sehingga pukul 2.30 petang.

Dewan ditangguh pada pukul 1.10 tengahari.

Dewan disambung semula pada jam 2.30 petang.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli):

Tuan Speaker, Y.A.B. Ketua Menteri, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Saya bangun mohon izin daripada Tuan Speaker untuk mengambil bahagian perbahasan Anggaran Peruntukan Pembangunan yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang untuk tahun ini, yang berjumlah \$38,382,220.00, yang mana telah dibentang dan ditelitikan dengan memberi *detail-detail* yang begitu tepat demi untuk pembangunan Negeri Pulau Pinang.

Saya tidak mempunyai keraguan dan tidak ragu-ragu lagi menyokong usul ini supaya diluluskan oleh Dewan ini demi untuk kepentingan rakyat di Negeri Pulau Pinang.

Tuan Speaker, dengan lulusnya peruntukan ini dapatlah Kerajaan melaksanakan projek-projek yang perlu. Projek-projek yang amat diharapkan oleh rakyat di negeri ini, khususnya di kawasan ADUN Permatang Pasir yang banyak lagi pembangunan yang perlu dibangunkan. Jadi perbelanjaan-perbelanjaan pembangunan yang disediakan ini adalah dari punca pendapatan Negeri Pulau Pinang dan sebahagiannya

bantuan daripada Kerajaan Pusat. Jadi wang daripada Kerajaan Pusat ataupun daripada Kerajaan Negeri semuanya wang rakyat. Jadi eloklah kita menggunakan peruntukan ini dengan sebenar-benarnya supaya boleh menguntungkan rakyat.

Tuan Speaker, dengan adanya peruntukan pembangunan ini maka akan menambahkan lagi kemajuan ekonomi dan mengimbangkan lagi perbezaan pendapatan penduduk-penduduk di luar bandar dan dalam bandar, yang mana kita dapati pada hari ini bahawa perbezaan pendapatan di antara penduduk-penduduk luar bandar dan dalam bandar amat berbeza jauhnya. Jadi dengan adanya perbelanjaan ini kita dapatlah juga menentukan supaya ekonomi penduduk-penduduk di luar bandar dapat diperkukuh dan dipertingkatkan.

Tuan Speaker, saya juga mengharapkan dan berharap kepada Kerajaan Negeri, ataupun pihak yang berkenaan dapat mengambil perhatian yang berat dan memberi keutamaan kepada pembangunan-pembangunan asas, iaitu prasarana di kawasan-kawasan luar bandar seperti bekalan air, api elektrik, jalan, pamaritan dan balai raya, tempat-tempat riadah, kemudahan didikan rohani dan jasmani, dewan orang ramai dan sebagainya. Ini adalah amat perlu untuk penduduk-penduduk di luar bandar khususnya.

Tuan Speaker, saya juga hendak memperingatkan dan berharap kepada Kerajaan dan pihak-pihak yang berkenaan supaya segala rancangan-rancangan, projek-projek pembangunan yang hendak dijalankan hendaklah dimulai pada awal tahun, kerana jika dimulakan di akhir tahun, maka akan menjadi kelam-kabut disebabkan masa pendek, banyak projek hendak dijalankan, iaitu projek Parlimen, projek Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung, projek ADUN, macam-macam projek nak disiapkan. Tenaga kerja, kontraktor tidak ramai kerana kontraktor dan tenaga kerja kebolehananya amat berkurangan. Jadi dengan keadaan begitu saya berharap segala

projek-projek yang hendak dijalankan pada tahun hadapan hendaklah dimulai daripada awal tahun. Dengan adanya projek ini dijalankan di awal tahun, maka saya berharap projek-projek yang dijalankan ini akan dapat disempurnakan dengan sebaik-baik mungkin, kerana jika projek ini dijalankan di akhir tahun mungkin untuk menghambatkan masa, masa yang singkat dan juga masa pembayarannya yang terhad, iaitu tidak boleh lebih daripada Januari dan seawal-awalnya Disember. Jadi saya berharaplah ini dapat diambil perhatian yang serius supaya kerja-kerja kita tidak tergelalai.

Tuan Speaker, saya juga mengharapkan bahawa peruntukan yang telah disediakan, Maksud Pembangunan P.101 ini boleh menggunakan berbagai-bagai projek untuk membangunkan kawasan bandar dan luar bandar, khususnya daripada rakyat-rakyat yang tinggal di luar bandar, yang mana rakyat yang berbilang kaum yang dahagakan pembangunan, dan saya berharap dengan adanya projek-projek ini yang telah diperuntukkan begitu banyak dan saya harapkan kita dapat mengadakan tempat-tempat dan kemudahan untuk bumiputra berniaga, sama ada di bandar ataupun di luar bandar. Saya juga sangat menghargai di atas Program Latihan Pekerja yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri pada hari ini telah membawa kebaikan dan menolong penganggur-penganggur yang tidak bekerja. Saya berharap program ini akan diteruskan dan kita di peringkat ADUN dan di peringkat daerah akan sedia memberi kerjasama untuk melancarkan program latihan khas ini.

Tuan Speaker, di samping itu saya juga mengharapkan kita mestilah mengadakan satu latihan program yang baik, iaitu melatih bumiputra di bidang perniagaan kerana pada hari ini bumiputra kurang berpengalaman di bidang perniagaan dan pemborong. Saya harap Kerajaan Negeri dapat mengadakan program ini dari peruntukan yang disediakan.

Tuan Speaker, Maksud Pembangunan P.101, sebanyak \$6,575,130.00 ini saya berharap dapat digunakan sebaik-baiknya untuk kepentingan rakyat. Saya harap segala pembangunan yang dilakukan ini jangan dijadikan muslihat semata-mata untuk kepentingan diri sendiri. Saya berharap segala pembangunan ini biarlah semata-mata untuk rakyat.

Tuan Speaker, Peruntukan P.102 — Pertanian yang diperuntukkan sebanyak \$2,038,670.00. Pertanian di kawasan saya lebih daripada $\frac{3}{4}$ penduduk-penduduk dan juga kawasan ADUN Permatang Pasir terdiri daripada petani. Saya mengalu-alukan segala peruntukan yang diperuntukkan sebanyak \$2,038,670.00 ini dapat sama kawasan saya ADUN Permatang Pasir mengecapi peruntukan ini.

Tuan Speaker, segala usaha dan galakan yang dirancangan untuk pertanian, saya sangat-sangat mengalu-alukan sepertimana yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat bahawa hendak menggalakkan tanaman buah-buahan dan sayur-sayuran. Tuan Speaker, kita sangat mengalu-alukan untuk mempelbagaikan tanaman ke atas tanah-tanah terbiar di kawasan bendang ataupun tanah-tanah yang bukan kawasan bendang untuk ditanam sayuran atau buah-buahan. Tetapi Tuan Speaker, kita boleh menggalakkan seberapa banyak yang boleh, tetapi kita mesti tentukan pasaran. Pasaranlah yang menentukan kemajuan dan minat, kerajinan, kemahuan para petani yang hendak menjalankan kerja, kerana saya dapati sekarang ini kita cuba menggalakkan para petani menanam sayur-sayuran, pada satu hari sayur-sayuran tidak laku, jadi kelam-kabut. Sekarang pula kita galakkan menanam tebu. Di sana sini menanam tebu. Kawasan saya, Permatang Nibong tanam tebu, Permatang Pasir tanam tebu, Kampong Pelet tanam tebu, Samagagah tanam tebu, Guar Perahu tanam tebu. Jadi sekarang ini tebu tidak laku. Manakala kita

pergi cari, atau petani-petani pergi cari peraih, orang yang nak beli tebu, mereka kata tebu ini tidak cukup saiz, tetapi walaupun tidak cukup saiz, air ada juga, dan manakala ditaruh lama-lama tidak dapat dijual, tebu itu panjang, jadi tua dan bengkok, bila bengkok dikatakan tidak elok pula. Jadi sentiasa petani-petani ini tidak dapat memasarkan tebu mereka. Sekarang ini saya rasa tebu cuma harganya 10 sen atau 12 sen jika dibandingkan dengan dahulu yang harganya 15 sen hingga 30 sen. Jadi saya berharaplah kepada pihak yang berkenaan supaya dapat mengambil perhatian sebelum kita menjalankan usaha-usaha ini kita tentukan pasarannya terlebih dahulu.

Begitu juga padi, Tuan Speaker, padi ini adalah menjadi tumpuan utama dan menjadi mata pencarian yang besar di kawasan saya, Permatang Pasir. Tanah-tanah rang sebahagian besar telahpun dipulihkan, tinggal sedikit-sedikit, tidak banyak, saya rasa dalam 30 ekar atau 40 ekar, selainnya telahpun dipulih dengan usaha Pengerusi dan Jawatankuasa di peringkat kawasan, di peringkat daerah dan di peringkat negeri. Inshaallah kita akan pulihkan dan dapat sambutan yang baik daripada petani-petani. Yang menjadi masalah pula ialah tenaga kerja, dan tenaga kerja ini Inshaallah kita akan minta kebenaran ataupun kerjasama daripada Pengerusi Tenaga Kerja, kalau boleh kita masukkan kursus khas, sepertimana yang diperuntukkan, mungkin boleh jimat sedikit wang petani-petani. Manakala petani-petani yang membuat bendang ini, mereka mempunyai kesusahan daripada mula-mula hendak turun bendang. Hendak membajak pun masalah, selepas itu masalah nak membela sehingga ke kilang. Bila sampai ke kilang, ada masalah lagi, pemotongan timbangan padi seguni dipotong sampai 16 kilo sehingga 40 kilo pun ada. Jadi 10 guni padi, 3 guni untuk kilang, orang bendang nak dapat apa. Sudahlah bahagi dengan tikus, bahagi dengan kilang pula. Ini saya berharaplah kepada pihak yang berkenaan dapat mengurus dengan Lembaga Padi dan

Beras Negara supaya ini dapat diawasi kerana pak tani ini adalah orang yang memilih kita datang ke Dewan ini, tidak tahu-lah kalau kawasan Seberang Jaya orang tidak buat bendang, kawasan saya pak tani.

Tuan Speaker, dan juga galakan menanam buah-buahan tempatan. Saya mengalu-alukan kerana dengan tanaman buah-buahan tempatan seperti durian, nangka, cempedak, jambu dan sebagainya, ini adalah menjadi satu sumber mengukuhkan ekonomi dalam negeri, iaitu penukaran mata wang kita dengan wang asing. Saya berharap Kerajaan dapat menggalakkan ataupun mengadakan satu jadual, iaitu menggalakkan makan buah-buahan tempatan. Dengan adanya kita menggalakkan orang-orang kita makan buah-buahan tempatan, jadi kita tidak payah nak membeli *apple*, anggor, lai dan macam-macam lagi, dan kita juga galakkan orang kita gunakan buah-buahan tempatan. Misalnya nak bagi hadiah hantar sirih, buah-buahan tempatan kita ada. Kalau nak melawat orang-orang sakit, pergi ke hospital dan sebagainya bawa buah-buahan tempatan. Ini kita beli *apple*, anggor. Ini adalah masalah kita, kita sendiri tidak mahu majukan buah-buahan tempatan kita, sebab itulah buah-buahan kita tidak laku. Buah durian, ada orang yang berpenyakit boleh makan buah durian. Ada yang penyakit tidak boleh makan buah anggor pun ada, kita sengaja nak bagi. Saya berharap kita gunakan buah-buahan tempatan sepertimana seruan Kerajaan, gunakanlah bahan-bahan tempatan, produktiviti dalam negeri, inilah yang mustahak sekali. Jadi, Tuan Speaker, pokok buah-buahan tempatan sekarang ini ada banyak yang tua, tinggi, lama, sudahlah tua buah-buahannya pun tidak banyak. Apapun bila tua dia punya hasil kurang. Jadi Tuan Speaker, saya berharaplah satu *exercise* daripada Jabatan Pertanian pergi ke kampung-kampung, ke dusun-dusun membanci pokok-pokok yang patut diubati, dan diberi rawatan kerana saya tengok banyak pokok-pokok di kampung-kampung patut diberi rawatan, sepertimana yang diperuntukkan kemudahan di dalam pertanian ini, Program

Pengurusan Perosak Tanaman, bukan padi sahaja, termasuk dengan pokok buah-buahan kerana pokok-pokok buah-buahan ini kita dapati, macam pokok nangka, cempedak dan sebagainya. Tuan Speaker, pokok nangka ini buahnya besar, tidak kira tahun dan tidak kira musim, sentiasa jadi buah. Kalau tanam buah nangka ini adalah satu sumber yang baik, boleh dapat hari-hari, hari-hari boleh ambil buahnya dan wang boleh dapat hari-hari, tetapi pokok-pokok ini perlu diberi perhatian serius seperti ciku. Jadi pokok-pokok nangka ini, saya tengok kebanyakan batangnya berlubang. Batang nangka ini banyak berlubang dan bahaya. Saya berharaplah pihak Pertanian patut ambil perhatian. Saya tanam banyak pokok-pokok nangka, saya dapati pokok nangka itu jadi macam itu, busuk. Buah-buahannya baik, cuma batangnya sahaja. Buah tidak ada apa-apa gangguan, hanya batangnya sahaja yang bahaya.

Jadi, Tuan Speaker, saya harap satu *task force* pergi melihat kawasan-kawasan dan merawat pokok-pokok yang tua ini, kalau boleh diganti dan dipulihkan dengan baik.

Tuan Speaker, saya juga mengharap-kan tanah-tanah yang terbiar ini kalau boleh dijadikan kolam ikan, selain daripada tanaman, mempelbagaikan tanaman buah-buah dan pokok bunga seperti orkid. Saya dapati di kawasan saya ada banyak juga kolam ikan, tidak termasuk Paya Chong, kolam ikan secara sendirian, satu atau dua ekar telah dibuat, dapat pendapatan yang baik. Di samping itu bantuan, perhatian daripada Pihak Perikanan pun Alhamdulillah pada masa ini. Tetapi Tuan Speaker, saya suka hendak menekan di sini supaya pihak Jabatan Perikanan dapat mengambil perhatian yang berat bahawa ternakan ikan keli ataupun ikan haruan, sebabnya di kampung ataupun di bendang-bendang di kawasan sebelah saya, saya berharaplah, kalau boleh, utamakan kawasan Permatang Pasir dengan membela ternakan ikan keli dan ikan haruan. Ikan keli telahpun ada *nursery*, pusat untuk membiak telahpun di-

buat di kawasan saya di Bukit Jelutong dan elok sangat kalau kita buat banyak lagi kolam-kolam untuk memelihara ikan keli atau ikan haruan kerana ikan keli ini kalau di pasaran amatlah menggalakkan. Di pasar malam tempatan pun harganya \$2.80 hingga \$3.50, kalau dihantar ke Singapura ataupun hantarkan ke luar negeri saya rasa lebih mahal lagi. Dengan keadaan ini saya berharaplah, manakala kita yakin dan percaya bahawa pihak Perikanan akan berusaha di tempat saya, sebelum berusaha carilah pasaran terlebih dahulu. Ikan haruan ini, kalau di kampung saya panggil ikan 'ruan', kalau di sini kita panggil ikan haruan. Ikan haruan ini ada orang tidak kenal pun ada. Apa yang saya fahamkan ikan ini menjadi ubat, sebagai ubat pembedahan, cepatkan tangkup kulit dan sebagainya, doktor tahu-lah. Ikan haruan ini boleh dihantar ke luar negeri seperti Singapura harganya sampai \$25.00 satu kilo. Haruan tasik pun boleh, haruan curut pun boleh, dia tidak ada bulu.

Tuan Speaker, saya berharap apa yang saya sarankan tadi dapat perhatian dan tindakan supaya manakala kita juga melaksanakan projek-projek ini nanti, maka dapatlah satu usaha mengelokkan ataupun menyempurnakan dalam menunaikan satu masalah yang kita boleh atasi, iaitu para petani yang sentiasa berkehendakkan bantuan khidmat nasihat daripada kita dengan peruntukan yang diperuntukkan ini.

Tuan Speaker, berhubung dengan Jabatan Parit dan Taliair – P.103 sebanyak \$4,585,840.00. Kepada Jabatan Parit dan Taliair saya mengucapkan terima kasih dan saya sungguh-sungguh menghargai segala perkhidmatan mereka di kawasan saya, tidak ada masalah. Saya harap kalau ada lagi, tolonglah percepatkan projek-projek tersebut kerana cuma ada dua atau tiga tempat lagi di mana perlu Jabatan Parit dan Taliair menjalankan projek, iaitu mengadakan aliran dan saluran parit di kawasan Mk. 3, 4 dan 21, yang mana pemulihan tanah rang sedang berjalan pada hari ini, dan dengan pelaksanaan dengan secepat mungkin projek-projek, parit-parit, aliran dan saluran-

saliran di kawasan Mk. 3, 4 dan 21, Seberang Perai Tengah, kawasan Permatang Pasir, maka hasil pertanian ataupun tanaman padi akan meningkat. Sekarang ini kadang-kadang masa kita hendak ataupun perlukan air, air tidak ada dan masa kita tidak hendak air, air ada. Jadi biarlah manakala kita buat pamaritan ini, maka sistemnya sempurna, pak tani pun senang, kita pun tidak pening kepala.

Tuan Speaker, bagi Jabatan Kerja Raya yang mempunyai satu peruntukan yang besar, P.107 iaitu jabatan yang saya paling minati. Tuan Speaker, saya berharap Jabatan Kerja Raya ini dapat menumpukan perhatian yang lebih kepada tempat-tempat yang sedia ada, bertujuan untuk menjaga, memperbaiki jalan yang rosak, iaitu jalan-jalan yang sedia ada hendaklah diberi tumpuan yang lebih. Kalau kita asyik membanyakkan jalan, tetapi yang lama masih rosak, yang baru bertambah lagi, bak kata pepatah "Yang dihambat tidak dapat, yang dikedondong berciciran." Orang asyik maki kepada Kerajaan, termasuk Wakil Rakyat kena. Jadi kawasan saya jalan-jalan yang sedia ada, jalan raya berlubang, seperti kata Yang Berhormat Encik Razak tadi, "lompong", bahasa Penaga, tapi bahasa saya berlubang seperti lubang jongkak. Lubang jongkak, mungkin Tuan Speaker tidak tahu "jongkak" tetapi jongkak bila kita lalu atas jalan bunyik kak, kak, kak, kereta pun rosak, jadi *shaft*nya pun habis patah, termasuk kereta saya hari ini, tumpang kereta Yang Berhormat Cikgu Yahaya. Hari yang mula, tumpang lori Majlis Perbandaran Seberang Perai kerana kereta rosak tengah jalan.

Tuan Speaker, yang kedua, bahu-bahu jalan. Bahu-bahu jalan ini hendaklah diratakan, ditambun sama dengan paras jalan tar yang ada kerana bahu-bahu jalan ini digunakan oleh rakyat, digunakan oleh orang miskin, orang susah, anak sekolah, orang ramai yang naik basikal dan sebagainya. Jadi kalau jalan tar dengan bahu jalan itu bertebing, maka menjadi satu bahaya, kemalangan jiwa akan berlaku. Saya rasa bahu-bahu jalan ini bukan mahal sangat,

cuma taruh batu dan tanah merah, Insyaallah selesai, tetapi ini benda yang kecil kita tidak buat jadi masalah sampai bawa ke dalam Dewan ini. Saya nak bagi tahu tempat-tempat untuk catitan pihak yang berkenaan. Bahu-bahu jalan ini mulai daripada Simpang Ampat ke Permatang Pauh, kira kanan jalan, dari pekan Permatang Pauh ke Penanti kiri kanan jalan, daripada pekan Penanti ke Guar Perahu, kiri kanan jalan. Ada jalan yang kecil-kecil lagi penuh semak-samun. Kanak-kanak sekolah nak lalupun tidak boleh, lalang ada, pokok kapal terbang ada, pokok keduduk ada, ular pun nanti ada, bahaya. Jadi bahu-bahu jalan dan semak-samun di tepi jalan ini dicuci ataupun dilihat elok semasa pembesar lalu. Bila pembesar lalu, termasuklah mana-mana Menteri, Ketua Menteri, Datuk Samy Velu lalu, mereka nanti tebas bagi elok. Kita tidak mahu hidup berpura-pura, tidak selamat. Kita mesti hidup tegas, tidak mahu pura-pura.

Tuan Speaker, begitu juga parit, di tepi jalan, di sepanjang jalan. Waktu saya kecil-kecil dahulu, belum Merdeka dahulu, saya tengok parit-parit di tepi jalan itu dijaga dengan sempurna walaupun tidak ada longkang. Ada kuli-kuli tebas dan korek cangkul untuk pengeliran air dengan sempurna, tujuh untuk menjaga jalan tar. Ada kumpulan yang menjaga dan kumpulan ini ada seorang 'tande', cangkul dan korek parit bagi air lalu, tetapi sekarang tidak ada. Bila tidak ada parit itu semakin lama semakin tenggelam, kerana hakisan daripada tanah kampung masuk. Bila hujan, air naik, parit tidak ada dan melimpah ke jalan tar ke seberang sebelah sana. Jadi air menakung atas jalan tar ataupun lalu atas jalan tar, maka jalan itu rosak, berlubang, macam lubang jongkak macam saya katakan tadi. Jadi bila jalan itu rosak, untuk menjaganya dan hendak membaikinya mahal pula. Pada hal yang nak jaga parit itu sedikit sahaja. Jadi parti-parti yang sedia ada itu, kalau kita nak buat masalah juga, sebab parit ini tidak jaga lama, tuan-tuan tanah kata haknya. Dia kata cangkul sampai sini, parit ini haknya. Pihak Pegawai

Daerah nak pergi korek pun susah, tuan tanah mengaku ini tanahnya, fasal apa nak bagi korek parit. Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung buat peruntukan, Wakil Rakyat buat peruntukan, nak buat parit tetapi tuan tanah kata tidak boleh, yang sebenarnya dahulu tanah *reserve* Kerajaan. Dahulu boleh korek, fasal apa sekarang tidak boleh korek. Parit-parit di tepi jalan hendaklah dijaga, dikorek supaya air boleh mengalir, tujuan untuk menjaga jalan itu supaya tidak rosak.

Tuan Speaker, saya berharaplah segala pembangunan yang dicadangkan dan akan dirancang oleh pihak Jabatan Kerja Raya nanti hendaklah ditumpukan di kawasan luar bandar terutama sekali bahagian prasarana, bahagian asas. Saya juga memohon supaya Jabatan Kerja Raya dapat mengambil-alih sebatang jalan Permatang Nibong, jalan yang baru dibuat oleh PERDA. Saya berterima kasih kepada PERDA kerana menolong membina sebatang jalan yang begitu panjang di kawasan saya dan untuk diambil-alih oleh Jabatan Kerja Raya, saya tidak tahu sampai sejauh mana, besok, jalan itu rosak balik, siapa nak menjaga, dan sebelum menjadi apa-apa, saya haraplah pihak PERDA dapat menghubungi Jabatan Kerja Raya supaya mengambil-alih jalan itu.

Tuan Speaker, kesibukan laluan di persimpangan Jalan Permatang Pauh dan Jalan Hussein Onn, saya mintalah pihak yang berkenaan dapat mengambil perhatian. Saya dengar cerita peruntukan dah lama lulus, tetapi sampai masa sekarang ini belum lagi buat. Bila petang, siapa yang tinggal di Seberang Jaya ataupun yang tinggal sebelah Permatang Pauh, Bukit Mertajam, balik dengan menggunakan jalan itu boleh tahulah, dia akan merasa pengalaman *queue* panjang, kadang-kadang *accident* dan mati selalu di situ. Kalau boleh tindakan yang cepat hendaklah diambil untuk mengelakkan kemalangan bagi kesempurnaan pengguna jalan tersebut.

Tuan Speaker, Peruntukan Jabatan Haiwan, P.109 yang diperuntukkan sebanyak \$819,020.00. Rancangan-rancangan yang diadakan oleh Jabatan Haiwan ini sungguh baik untuk meninggikan ekonomi orang kampung dan dalam pemberian ternakan ayam, itek, kambing, lembu dan sebagainya, termasuklah kawasan ADUN Permatang Pasir, dan saya mengucapkan terima kasih. Tuan Speaker, rancangan ternakan ayam dan itek yang dibagi secara sedikit-sedikit, 20 ekor atau 30 ekor dan 50 ekor ini tidak ekonomi, merugikan, bahkan menjadi beban kepada orang-orang kampung. Habis makanan dibagi dengan sekampit, lepas itu nak kena beli pula, nak cari duit, duit nak makan hari-hari pun masalah, nak bagi ayam makan pula, sebelum ayam itu dapat dijual telur atau ayam itu bertelur dan sebagainya. Kalau boleh, sistem atau polisi ini diubah kepada beberapa kelompok seperti belia, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung, Wanita, Puspanita atau tidak kiralah, asalkan satu kelompok. Kelompok-kelompok itu ada kumpulan, aktiviti mereka, mereka boleh kutip derma, cari duit dan sebagainya untuk memajukan projek ini. Kalau kita bagi kepada perseorangan, ayam tidak terjaga dan tak terbela, terbengkalai, maka rugi. Kalau kita bagi kepada kelompok-kelompok ini maka masing-masing ada hak dan mungkin boleh menjaga dan Insyaallah, saya rasa ini akan berjaya. Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung pun boleh, untuk menjadi teladan dan sebagainya, ataupun melalui Pusat Pertanian Kelompok pun boleh.

Tuan Speaker, Program Penggemuk Lembu, pada saya, pengalaman di kawasan Bukit Mertajam di sebelah Mengkuang, ada membuat Program Penggemuk Lembu, tetapi menanggung rugi, kerana pasarannya bila sampai masa lembu itu nak jual, pasarannya tidak ada. Makanan nak kena bagi, nak kena beli. Yang beli makanan itu sehingga lembu itu dapat dijual adalah menanggung rugi pula. Kalau 100 ekor lembu makan sehari \$20.00, 20 hari tidak boleh

jual lagi, maka rugi beratus-ratus ringgit. Kita mesti cukup masa jual, tapi pasaran tidak ada. Sudahlah busuk sekampung. Saya rasa sebelum nak bertindak apa-apa mesti pasarannya dikira dahulu. Kalau boleh, Tuan Speaker, dan Y.A.B. Ketua Menteri, Negeri Pulau Pinang ini kita buat perancangan bela ayam telur banyak-banyak. Telur ayam kita boleh hantar ke luar negeri. Sekarang ini mereka beli telur dari Singapura, Singapura tidak bela ayam pun, tapi dari mana mereka dapat telur — daripada Malaysia. Saya harap Pulau Pinang boleh mengadakan projek ayam telur untuk dihantar ke luar negeri.

Tuan Speaker, bekalan air paip ataupun Pihak Berkuasa Air. Kepada Pihak Berkuasa Air saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kerana kawasan saya lebih daripada 95% mendapat bekalan air paip, yang cuma tidak dapat air ialah kawasan-kawasan yang menjadi masalah. Kawasan yang menjadi masalah umpamanya tuan tanah tidak membenarkan menanam paip kecil. Saya berharaplah Pihak Kerajaan akan dapat mengadakan undang-undang yang memudahkan supaya pemasangan paip yang kecil daripada *main pipe* ke rumah itu dapat dikecualikan atau diperlonggarkan, yang mana kita merasa pelek, paip yang besar boleh masuk dan paip yang kecil tidak boleh. Ini yang saya rasa pelek, oleh itu saya mintalah pihak yang berkenaan dapat mengambil perhatian.

Saya juga ingin hendak menyarankan lagi bahawa tentang pembayarannya iaitu dua bulan sekali, sepertimana kata Yang Berhormat Ahli Kawasan Penaga tadi, di kawasan saya pun ada rungutan kerana dua bulan sekali itu ada masalah, sebab dari segi kiraan rugi.

Tuan Speaker, Peruntukan P.116 — Kebun Bunga. Saya berharap Kebun Bunga ini dapat diindahkan lagi kawasannya, dipertingkatkan keindahan Kebun Bunga kerana kalau kita tengok Kebun Bunga pada hari ini tidak ada perubahan dan serupa itu juga kawasan dan sebagainya.

Pokok-pokok bunga pun tidak cantik, bunga-bunga lama juga yang ada. Saya rasa pihak yang berkuasa dapat mengadakan perubahan-perubahan, tanam pokok-pokok bunga yang cantik dan kalau boleh, kalau kita rasa wang Kerajaan selalu sahaja keluar selama ini, kita boleh buat satu projek menjual benih-benih semaian, anak-anak bunga dan ini boleh mendatangkan *income* ataupun *revenue* kepada Kerajaan Negeri. Ini juga boleh membiayai Kebun Bunga, ataupun diswastakan, siapa nak masuk Kebun Bunga bayar sekian-sekian duit, boleh masuk tempat itu, Semua orang nak masuk, jadi boleh juga dapat wang. Di samping itu kita boleh mencantikkan kawasan untuk pelancong-pelancong datang melawat kawasan itu.

Tuan Speaker, Peruntukan P.114 Perhutanan. Perhutanan di Pulau Pinang ini tidak begitu banyak, rimba pun tidak ada, balak pun tidak ada, cuma saya berharaplah pihak Perhutanan dapatlah bekerjasama dengan pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai, pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang, pihak Pertanian, pihak Kebun Bunga dan sebagainya, supaya dapat mencantikkan kawasan dengan tanaman-tanaman pokok yang berfaedah seperti pokok jati atau jut supaya manakala pokok itu besar nanti, ditebang dan dijual, dapat duit. Kalau sekarang kita tanam pokok sena tiada bermakna, kita tanam pokok yang tidak berfaedah. Kalau kita tanam pokok yang ada berfaedah, manakala pokok itu besar, kita tebang dapat duit. Sekarang ini kalau nak tebang pokok yang besar wang peruntukan Wakil Rakyat diminta, Jabatan Kerja Raya diminta, Pihak Berkuasa Air minta dan sebagainya diminta kerana nak tebang pokok. Kalau pokok itu berguna semua orang pun nak tebang, tidak payah lagi kita nak mengeluarkan wang untuk masa hadapan.

Tuan Speaker, peruntukan Jabatan Agama Islam yang telah diperuntukkan melalui P.115 berjumlah \$2,823,000.00. Saya sungguh-sungguh mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang

yang mana telah mengambil perhatian yang begitu berat kerana telah meluluskan peruntukan ataupun merancang peruntukan yang boleh dikatakan baik, iaitu lebih daripada empat kali ganda daripada tahun yang lalu. Tahun lalu lebihkurang \$500,000.00, sekarang \$2 juta lebih. Ini menunjukkan minat dan perhatian yang lebih Kerajaan Negeri kepada Jabatan Hal-Ehwal Agama Islam.

Tuan Speaker, melalui Agama Islam ini, kita dapat menyatupadukan rakyat yang mana Agama Islam ini berkehendakkan kebaikan. Inilah satu-satunya cara kita hendak mengharmonikan bangsa dan negara kita yang mana Agama Islam ini adalah agama damai, aman, perpaduan, akhlak yang baik adalah dituntut di dalam Agama Islam. Islam untuk semua umat manusia, bukan untuk satu umat. Ini amat bijak sekali, Kerajaan telah memperuntukkan, saya mengucapkan tahniah kepada Y.A.B. Ketua Menteri yang tidak memandangkan ringan terhadap Jabatan Agama Islam.

Saya berharap dengan lulusnya peruntukan ini kita dapatlah memperbaiki dengan secepat mungkin kebocoran dan kerosakan di Mesjid Negeri Pulau Pinang, yang mana Mesjid Negeri Pulau Pinang pada hari ini didapati bocor. Begitu juga Mesjid Kapitan Keling dan mesjid-mesjid lain, segala kerosakan, pembaikan, tambahan dan sebagainya mestilah dipercepatkan. Juga rancangan pembaikan surau dan mesjid di kawasan-kawasan hendaklah di-runding dengan ADUN ataupun Pegawai Daerah dan orang-orang yang berkenaan, kita tentukan tempat mana, mesjid mana yang perlu diutamakan. Kita tidak mahu Jabatan Agama Islam terus pergi membaiki mesjid-mesjid ataupun surau-sarau tanpa disuarakan kepada ADUN, Pegawai Daerah dan sebagainya kerana mungkin *priority* ataupun permohonan telah lama ada di peringkat daerah ataupun di peringkat ADUN, tetapi keutamaan itu diberi kepada tempat-tempat lain. Ini satu amalan yang tidak begitu baik. Saya berharap kita dapat selaraskan ini semua.

Tuan Speaker, akhirnya saya berterima kasih dan memberi penghargaan yang tinggi kepada jabatan-jabatan dan pegawai-pegawai yang telah memberi kemudahan dan kerjasama untuk menjayakan projek pembangunan di kawasan saya wakili, iaitu ADUN Permatang Pasir dan segala kerjasama yang mereka beri itu saya sungguh-sungguh sanjung tinggi seperti Pejabat Ketua Menteri, Pejabat Setiausaha Kerajaan, Pejabat Kewangan, Pejabat Kemajuan Negeri, Pertanian, Jabatan Parit dan Taliair, AIDP, Jabatan Kerja Raya, Haiwan, Jabatan Hutan, Jabatan Hal-Ehwal Agama Islam, Majlis Perbandaran Seberang Perai, PERDA dan lain-lain. Mungkin saya tidak ingat pada hari ini.

Tuan Speaker, saya juga memohon maaf jika sekiranya ada berlaku kekasaran ataupun bercanggah pendapat semasa sama-sama kita menjalankan tugas ataupun menunaikan kewajipan yang diamanahkan kepada kita bersama. Saya selaku ADUN kawasan Permatang Pasir merayu dengan seikhlasnya dan berharap kepada pegawai-pegawai dan ketua-ketua jabatan yang berkenaan dapat memberi perhatian, dan peruntukan di kawasan Permatang Pasir. Saya sebagai ADUN kawasan tersebut mengalu-alukan dan sedia menerima apa sahaja projek pembangunan dan kemajuan untuk penduduk atau rakyat di kawasan ADUN Permatang Pasir. Saya juga bersedia memberi cadangan untuk kita bersama demi kemajuan rakyat di kawasan saya.

Dengan ini Tuan Speaker, saya lagi sekali mengulangi menyokong usul pembangunan yang dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang supaya diluluskan untuk perbelanjaan dan kebaikan rakyat negeri ini.

Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Encik Yahaya bin Hamid):

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Tuan Speaker, nampaknya Ketua-ketua Jabatan bolehlah *relax* kerana saya tidak akan mengemukakan apa-apa permohonan di dalam Majlis kita pada petang ini kerana kebanyakan daripada perkara-perkara tadi telah disuarakan oleh rakan-rakan saya dan perkara-perkara yang berkaitan dengan pembangunan di dalam kawasan saya khasnya melibatkan Pihak Berkuasa Air, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Parit dan Taliair, dan lain-lain jabatan. Sukalah saya nyatakan bahawa kebanyakan daripada projek-projek yang telah dipohonkan telahpun mendapat perhatian, sekurang-kurangnya kalau tidak ditunaikan lagi dan terima kasih kepada Pihak Berkuasa Air yang telah bersusah payah memberi perhatian khas kepada kawasan pinang Tunggal yang memang dahagakan air walaupun itu kawasan banjir dan kepada jabatan lain seperti Jabatan Kerja Raya dan juga kepada Jabatan Parit dan Taliair. Kalau ada lagi mana-mana projek yang belum dilaksanakan, harap tolong tengok-tengoklah sama kawasan Pinang Tunggal itu dan bukanlah saya hendak ianya dilaksanakan dalam keadaan tergesa-gesa atau dalam keadaan segera, sekurang-kurangnya dalam tempoh satu, dua tahun ini, cuba-cuba laksanakanlah sekurang-kurangnya dalam tempoh satu, dua tahun ini, cuba-cuba laksanakanlah sekurang-kurangnya pun sebelum pilihanraya, jangan bagi saya kena nanya.

Tuan Speaker, izinkan saya mengambil bahagian menyokong serta membahas ucapan Y.A.B. Ketua Menteri mengenai Anggaran Pembangunan 1988 yang dibentangkan di Dewan ini kelmarin pada 24 September, 1987, yang sekali lagi mencerminkan satu anggaran ketat di musim meleset. Keseluruhannya ini adalah satu anggaran yang terpuji akan tetapi adalah tidak adil kalau saya hanya mengesut di belakang rakan-rakan yang lain menyebut perkara-perkara yang baik sahaja.

Tuan Speaker, seperti Anggaran Pembangunan yang dibuat di mana-mana pun, ia sukar menggambarkan dengan jelas sikap *innovative* sesebuah Kerajaan, lebih

lebih lagi jika ianya dibuat secara umum tanpa menuju dan menumpu ke satu-satu arah sehingga membolehkan ia dijemakan dalam satu tema khusus. Saban tahun, kita dicabar dan dirantai oleh beberapa masalah pokok, ada masalah yang datang dan pergi tanpa perlu diselesaikan, ada masalah yang datang dan pergi dengan sedikit penyelesaian, ada masalah yang datang dan terus kekal biar betapa kuat sekali pun kita cuba menyelesaikannya. Akan tetapi kita harus peka dan mendefinisikan dengan jelas masalah pokok semasa dengan menanyakan diri kita soalan-soalan seperti apa dia masalah itu, di mana terdapatnya masalah itu, siapa menghadapi masalah itu, kenapa perlu mengatasi dan bagaimana mengatasinya. Soalan-soalan ini harus dicari dan dicerakinkan di peringkat pembuat dasar, dihebahkan kepada umum serta dikuliahkan kepada para pelaksana. Jika aktiviti-aktiviti politik berurusan dengan matlamat tersebut seperti yang dijelaskan oleh Marxist maka dalam kontek ini pembuat dasar adalah taukeh-taukeh politik, manakala pelaksanaannya adalah pegawai-pegawai pentadbir serta anak-anak buahnya.

Tuan Speaker, segala masalah ini perlu difahami, dianggap sebagai satu cabaran yang perlu dihadapi sebagai askar menghadapi musuh di medan perang, berjihad penuh *innovative* membawa perubahan, berhijrah dari satu persekitaran gelap kepada terang, dari keadaan kurang baik kepada kebaikan seperti yang dianjurkan oleh Junjungan Besar Nabi Mohamad s.a.w. melalui penghayatan Ma'al Hijrah yang kita rayakan saban tahun.

Tuan Speaker, berbagai contoh masalah besar dihadapi setiap masa dan setiap tahun, pembangunan pesat dalam jangka-masa kurang daripada 30 tahun di bawah Dasar Ekonomi Baru telah menemukan kita dengan beberapa masalah sosial seperti penagihan madat, penganiayaan terhadap kanak-kanak, pengabaian terhadap orang tua-tua dan orang cacat, jenayah di kalangan kanak-kanak serta perubahan nilai

hidup yang membawa keruntuhan akhlak. Pembangunan industri yang diimport di mana kita tidak berkeupayaan memasukkan anak-anak negeri untuk menjadi tenaga profesyenalnya kerana tidak sesuai, dengan izin *putting square pegs into round holes*, akhirnya menimbulkan pengangguran siswazah. Ramai siswazah kita yang berkelulusan bukan sahaja ijazah pertama malah Masters dan Doctorate dalam berbagai bidang sains dan kejuruteraan, akhirnya mendapati kebolehan mereka tidak secukup dengan kerja-kerja yang terdapat di firma-firma yang dipayongterjukkan tadi. Lantas mereka menganggur bila sektor awam juga kata *no vacancy*. Bersyukur dan berterima kasihlah kepada N.S. Letronik kerana bermurah hati membantu 7 orang siswazah menganggur, tetapi yang lain bagaimanapula keadaannya.

Peniaga dan penjaja kecil adalah orang-orang yang paling tidak mahu menyusahkan orang lain. Dengan tulang 4 kerat mereka bekerja keras mencuba nasib di tengah-tengah kota dan desa. Merekalah pengusaha dan mereka juga peniaga. Tanpa kemudahan-kemudahan asas yang baik sudah tentu membantut aktiviti-aktiviti perniagaan mereka. Masalah modal, masalah tempat, masalah galakan berniaga menjadi cabaran semasa. Cuba kita fikirkan bagaimana jika mereka enggan menjaja dan menjadi penganggur? Nelayan-nelayan kecil di Pulau Aman, Batu Maung, Telok Bahang, Kuala Juru dan Kuala Muda sering bertarung dengan laut dan periah-peraih di darat, menyambung nyawa di laut dengan anak-anak mereka berlarian di pantai, berbogel dan berbau hanyir sudah tentu mempamirkan berbagai-bagai masalah. Seperti yang dilaporkan dalam Buku Laporan Ekonomi Pulau Pinang 1987, muka surat 32 terdapat hampir 7,500 orang pencari pekerjaan dan berdaftar buat masa ini. Saya yakin mereka ini adalah lelaki dan perempuan lepasan sekolah rendah manakala sebahagian besarnya sekolah menengah dan mereka dahagakan pekerjaan. Mereka gagal melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi kerana kurang bernasib

baik sama ada kurang kemampuan otak ataupun masalah kewangan. Disebabkan oleh sistem pemilikan tanah pertanian yang tidak ekonomik serta insentif yang rendah di sektor pertanian mereka keluar memburu pekerjaan. Jadi sebagai jawapan kepada mereka ini ialah dengan mendirikan kilang-kilang perindustri ringan dan berat dengan mengambilalih kawasan-kawasan estet getah yang tidak ekonomik lagi.

Tuan Speaker, inilah antara beberapa contoh rintihan masalah yang bermula dari nelayan-nelayan di muara Sungai Muda, petani di Lembagah Raja hingga kepada anak-anak penjaja di tengah-tengah bandaraya George Town, yang saya fikir penyelesaian masalah mereka itu boleh ditemakan silih berganti sejajar dengan anggaran pembangunan setiap tahun. Sama ada lagu yang hendak dinyanyikan itu lagu sedih atau lagu gembira tidak ada yang hendak disorokkan. Marilah kita sama-sama menyanyikannya tanpa menyembunyikan sampah di bawah tikar. Setiap jentera pembangunan daripada Jemaah Menterinya, Exco-exconya, MP dan ADUN-ADUNnya, pegawai-pegawai Kerajaan serta anak-anak buahnya harus bekerja sebagai satu pasukan. Anak kuncinya ialah bekerja dengan penuh kejururan dan keikhlasan. Dengan itu saya menyeru kepada para wakil rakyat termasuk saya sendiri jangan sahaja menjadi orang-orang pandai menangkap tikus di celah-celah batas bendang, tetapi juga menjadi penggubal dan pengawal dasar memulih tanah rang demi kesejahteraan keseluruhan kaum tani. Dengan itu juga para wakil rakyat jangan sahaja menjadi orang-orang yang hanya pandai merasmikan surau, pusat-pusat bidan, titi yang menyeberangi longkang, tetapi juga menjadi tenaga penggerak yang gitu dalam mewujudkan satu gerakan kebebasan kemiskinan bagi satu-satu kumpulan, sasar, sama ada di bandar mahupun di desa tanpa merasa gentar akan kehilangan kerusi di dalam pilihanraya nanti. tidaklah seperti gentarnya pihak pembangkang yang tidak ada bersama-sama kita pada petang ini kerana mereka kelihatan lari bercempera seolah-olah anak ayam

kehilangan ibu. Lebih penting lagi pegawai-pegawai Kerajaan, amalan membiasakan diri menjadi sebagai penumpang atau *passengers* adalah merupakan satu pendirian yang kurang manis, kurang daya usaha, kurang daya maju, kurang kreatif, bekerja hanya untuk satu-satu taukeh tertentu sahaja tidak membawa kita ke mana-mana malah kita hanya menjadi orang-orang yang pendon di dalam kerja. Teramat penting adalah kumpulan rakyat sendiri, tradisi mentaliti subsidi harus ditukar kepada tradisi berdikari. Tangan yang memberi adalah lebih baik daripada tangan yang meminta. Maka untuk memberi harus didahului dengan semangat waja, bekerja keras bagi pendatang-pendatang haram Indonesia. Dengarlah apa kata penyair Osman Awang. "Beri saya 10, 100 bahkan 1,000 pemuda yang malas dan tidak bersemangat, saya dapat penuhkan ruang disko sahaja". Saya suka tambah "Berikan saya lima orang dewasa yang bersemangat dan berani seperti Sanusi Junid, saya akan mengubah hutan rimba dan gunung-ganang negara saya".

Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Tuan Speaker, saya memohon menyokong ucapan dasar yang diucapkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang berhubung dengan Anggaran Perbelanjaan tahun 1988 yang berjumlah \$38,782,220.00 dalam Anggaran Pembangunan bagi Negeri Pulau Pinang yang akan dilaksanakan menjelang tahun 1988.

Tuan Speaker, saya juga bersependapat dengan rakan-rakan saya di dalam Dewan ini yang telah melafazkan berhubung dengan masalah yang dihadapi bagi pembangunan Negeri Pulau Pinang dan saya juga suka mengambil peluang dalam ucapan yang disampaikan oleh Y.A.B. Ketua Menteri adalah matlamat dan tujuan dasar pembangunan bagi Negeri Pulau Pinang ini ialah untuk meninggikan taraf hidup rakyat di kawasan-kawasan luar bandar khasnya dan

di Negeri Pulau Pinang umumnya. Atas matlamat inilah, maka kita rasa peruntukan yang telah dibentangkan di dalam Dewan ini adalah pembentangan yang amat lojik sekali kalau kita banding dengan keadaan negara dan kemelesetan ekonomi dunia hari ini. Ini membuktikan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang dipimpin oleh Y.A.B. Ketua Menteri, Dr. Lim Chong Eu adalah benar-benar berhasrat melaksanakan segala program bagi faedah rakyat. Kita sebagai wakil-wakil rakyat dan juga kakitangan Kerajaan adalah pihak yang akan melaksanakan setelah Dewan yang mulia ini meluluskan peruntukan ini. Tanggungjawab melaksanakan pembangunan ini terletak kepada pegawai-pegawai kita yang telah diberi amanah untuk merancang perancangan-perancangan yang berfaedah untuk rakyat seperti kepala-kepala yang telah ditetapkan dalam peruntukan pembangunan ini.

Saya juga sependapat seperti rakan saya daripada Permatang Pasir kerana beberapa tahun semenjak menjadi wakil rakyat selalu perancangan-perancangan yang dibuat — tidaklah semua — ada sebilangan kecil masih lembab kerana kita dapati segala yang dirancang pada akhir-akhir tahun sahaja baru hendak dilipatgandakan peruntukan-peruntukan yang dikhaskan kepada jabatan-jabatan yang berkenaan. Contohnya, boleh kita lihat pada masa ini berbagai-bagai projek sedang dilaksanakan termasuklah di kawasan saya sendiri sama ada peruntukan-peruntukan kecil mahupun peruntukan-peruntukan yang telah diperuntukkan oleh jabatan-jabatan yang berkenaan, ini adalah dianggap merugikan. Sepatutnya setelah Dewan meluluskan anggaran Belanjawan Pembangunan ini dalam bulan September ini, sepatutnya dalam bulan bulan Disember atau Januari, program telahpun dapat dirancang dan dalam bulan Februari atau Mac dan seterusnya, projek ini harus telah dapat faedah kepada rakyat-rakyat di kawasan yang berkenaan tetapi malangnya perkara ini selalunya lembab sedikit.

Walau bagaimanapun saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pegawai-pegawai Kerajaan kita yang telah diberi tanggungjawab bekerja begitu gigih untuk melaksanakan program ini, tetapi prestasinya kalau kita mengikut dalam belanjawan Anggaran Pembangunan ini kadangkala apa yang diperuntukkan sehingga bulan Ogos hanya beberapa peratus sahaja, tidak sampai pun 50% yang telah digunakan perbelanjaan ini. Ini satu perkara yang saya ingin ingatkan supaya perancangan awal adalah amat penting sekali.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada beberapa jabatan yang telah berusaha kerana saya tidak berniat hendak bercakap secara umum, tetapi saya akan menyentuh terutama sekali di kawasan saya iaitu ADUN Telok Bahang dan saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang yang telah menyiapkan sebuah pasar di kawasan Pekan Telok Bahang yang begitu cantik dan molek. Tetapi ada juga sedikit kelemahan di mana setelah pasar ini diberi kepada pihak-pihak penjaja di kawasan yang berkenaan, nampaknya masih terdapat lagi penjaja-penjaja yang tidak mendapat stor ini berkeliaran menjual di sekitar pasar ini yang akibatnya banyak pembeli-pembeli di pasar ini tidak membeli di kawasan pasar ini mengatakan perjalanan perniagaan mereka tidak begitu maju dan mereka juga berkesulitan untuk menjelaskan wang bayaran sewa stor-stor di dalam *market* yang berkenaan. Mereka merayu kepada saya, sebagai wakil kawasan Telok Bahang berharap supaya pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang dapat mengkaji semula sebagai peringkat printis kepada projek berkenaan supaya dapat dikurangkan sewa-sewa sementara menunggu mereka benar-benar dapat menjalankan perniagaan seperti yang dihajati. Jadi inilah harapan saya supaya perkara ini dapat dikaji semula oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang kepada pihak Penyewa di stor dalam *market* Telok Bahang.

Di samping itu juga saya berharap

kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang kerana kita tahu kawasan Telok Bahang adalah kawasan pelancongan yang memang terkenal, bukan sahaja pelancongan, tetapi di sini juga sebagai kawasan perikanan yang menjadi satu sumber yang amat penting bagi Negeri Pulau Pinang dan juga negara kita bagi penarikan pelancong-pelancong di kawasan ini kerana di hadapan dan bersebelahan bulatan jalan di pekan Telok Bahang ini masih terdapat sekeping tanah yang dipunyai oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Kawasan ini menjadi sebagai satu kawasan hutan rimba, macam Rimba Rekreasi juga kerana tidak dapat perhatian daripada pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang membersihkannya. Perkara ini dibangkitkan berkali-kali oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung dan perkara ini juga telah saya bawa ke peringkat Mesyuarat Tindakan Daerah, nampaknya keadaan begitu juga. Adalah menjadi harapan saya di kawasan saya hendaklah dijaga dan dibersihkan kerana kawasan ini adalah kawasan pelancongan. Begitu juga saya suka menyentuh kepada Jabatan Kerja Raya iaitu di dalam perumahan kampung nelayan baru-baru ini, pihak Jabatan Kerja Raya meratakan tebing-tebing bahu jalan di kawasan perumahan ini, tetapi perataan ini memang baik, kadang-kadang setelah diratakan tanah yang dilonggok sehingga dua atau tiga minggu. Sepatutnya sebaik-sahaja sahaja tanah-tanah itu diratakan supaya sama seperti di tebing jalan itu patutlah diangkut dan dibuang tanah-tanah itu, tidaklah dibiarkan membusut hingga berminggu-minggu. Ini juga mendatangkan sungutan kepada penduduk-penduduk di kawasan ini kerana susah kepada mereka hendak masuk ke rumah dan juga meletak kereta dan sebagainya. Kita harap akan dapat perhatian daripada Jabatan Kerja Raya dan saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Kerja Raya kerana telah menurapkan permukaan jalan di kawasan ini. Walau bagaimanapun saya dapati terdapat beberapa lagi jalan yang patut diturap di permukaan jalan oleh pihak Jabatan Kerja Raya yang mana telah dirancang oleh pihak Juruteknik

Daerah dan telahpun dibentangkan di peringkat Tindakan Daerah, tetapi malangnya sehingga hari ini tidak dapat dilaksanakan dengan alasan tidak mencukupi wang. Kawasan-kawasan ini sepatutnya diturap disebabkan jalannya tidak begitu baik seperti Jalan Kuala Sungai Pinang, Jalan Kuala Jalan Baru dan jalan daripada Titi Jalan Baru hingga ke Sungai Burong. Sepatutnya permukaan jalan ini diturapkan kerana keadaannya amat tidak begitu menyenangkan penduduk-penduduk dan pengguna-pengguna di kawasan yang berkenaan. Saya juga berterima kasih kerana jalan-jalan Pekan Balik Pulau hingga ke Sungai Pinang telah diturapkan permukaannya. Ini adalah kerana saya difahamkan peruntukan daripada Jabatan Telekom dan juga Jabatan Lembaga Letrik Negara yang diberi wang ganti rugi kerana pengorekan jalan-jalan yang berkenaan, tetapi saya rasa patutlah jalan-jalan yang disebutkan tadi dengan peruntukan Jabatan Kerja Raya yang diperuntukkan oleh pihak pembangunan negeri kerana jalan ini adalah jalan-jalan negeri, patutlah boleh diturapkan di permukaan jalan. Begitu juga perkara ini berkali-kali telah disebut oleh kawan-kawan saya secara umum di kawasan saya. Biasanya bahu-bahu jalan ini tidak diambil perhatian dengan serius kerana setelah bahu-bahu ini dibersihkan nampaknya saluran parit di kawasan-kawasan yang berkenaan tidak dijaga dengan baik iaitu tidak digali seperti kata wakil Permatang Pasir tadi. Ini adalah masalah yang sama di kawasan saya sehingga baru-baru ini hujan yang begitu lebat mendatangkan banjir di Jalan Ayer Puteh dan juga di Sungai Burong. Perkara ini selalu berlaku dan selalu kita bangkitkan di dalam Mesyuarat Tindakan Daerah tetapi tindakan juga tidak diambil oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Jadi saya berharap perkara ini akan sentiasa diambil perhatian kerana perkara ini bukanlah perkara sebulan sekali ataupun setahun sekali, tetapi perkara ini adalah perkara biasa yang menjadi tanggungjawab kepada pihak pengurusan dalam masalah

pemaritan dan juga tepi jalan. Telah menjadi kebiasaan, seperti kata rakan saya daripada Paya Terubong tadi dan juga Permatang Pasir, bilamana pembesar-pembesar hendak datang, barulah dibuat. Begitu juga bila Dewan Undangan Negeri hendak bersidang, barulah nampak rumput-rumput itu sedikit-sedikit ditebas dan ada juga parit-parit dikorek sedikit tetapi banyak lagi kawasan yang terbiar kerana maklumlah dalam 3 minggu apabila Dewan Undangan akan bersidang, tidak sempat kesemua jalan-jalan hendak dibuat. Ini berlaku di kawasan saya. Dengan sebab itulah berlakunya banjir yang saya sebut di kawasan Ayer Puteh walaupun Sungai Mati, Sungai Ayer Puteh bawa ke Paya Cha telahpun digali oleh pihak Jabatan Parit dan Taliair masih berlaku lagi banjir di kawasan perbatasan jalan raya. Ini disebabkan parit-parit di kawasan jalan raya ini tidak dibersihkan termasuklah di depan rumah saya sendiri. Begitu juga jalan-jalan yang berlopak-lopak seperti kata wakil daripada Permatang Pasir tadi, juga kereta saya baru-baru ini dua bulan sekali terpaksa kena buat pemeriksaan *elementnya* kerana jalan itu berlopak-lopak. Inilah harapan kita kepada pihak Jabatan Kerja Raya juga, saya rasa bagaimana cara atau sistem kalau pokok tumbang di tengah jalan, kadang-kadang sampai dua hari tidak dipotong. Ini berlaku di kawasan Telok Bahang kerana di kawasan bukit Telok Bahang daripada Pekan Sungai Pinang sehinggalah ke Rimba Rekreasi, pokok di sebelah bukit selalu tumbang. Saya tidak tahu bagaimana penyelenggaraan. Telah kita bangkitkan dalam Mesyuarat Tindakan Daerah, pokok-pokok ini apabila tanah runtuh tinggal akar sahaja, akar ini tunggu masa sahaja bagi pokok hendak tumbang. Baru-baru ini berlaku apabila saya balik daripada Pekan Telok Bahang sampai dekat dengan Titi Kerawang, pokok tumbang termasuk dengan Pokok Puduk bukan main susah pokok puduk hendak ditetak — nasib baik ada dua, tiga buah lori, kereta dan motorikal, mereka tolong untuk merintih dahannya. Selepas itu, dua hari terbiar tidak dipotong dan selepas dua hari

saya lalu ada sebuah traktor dengan seorang sahaja pemandu sedang berusaha membuang dahan-dahan dan tanah runtuh tanpa ada penjaga di hujung jalan kiri dan kanan. Kalaulah seorang itu laju turun memandu kenderaan terus ia pergi sodok traktor itu dan bila saya berhenti bertanya kepada pemandu "Seorang saja buat kerja ini?" "Beginilah nasib saya" katanya. Kalau pokok pula tumbang atas traktor itu tinggal dia seorang di situlah. Jadi saya harap supaya adakanlah pengawasan kalau motosikal atau kereta lalu, kalau traktor di tengah jalan, ia tahan dahulu. Ini memang berlaku, sebab saya sendiri yang bertanya. Jadi ini adalah satu kelamahan; saya rasa, patutlah sistem yang semacam ini diperbaiki. Jadi inilah masalah yang timbul yang sentiasa menjadi sungutan orang ramai. Jadi saya berharaplah supaya pihak-pihak berkenaan yang bertanggungjawab mengambil perhatian serius dalam masalah ini.

Begitu juga saya dapati baru-baru ini tebing-tebing yang di sebelah lahou atau gaung ditolak pula tebingnya bagi sama rata — memang itu baik — mungkin hendak dibubuh *railing* tetapi belum lagi dibubuh *railing*. Jadi kadang-kadang kalau ditolak bagi sama rata kita merasa seriau sebelum *railing* dibina dan takut manakala sampai ke tempat itu bila kita memandu kereta mungkin boleh masuklah. Jadi perkara ini haruslah juga diberi perhatian. Kadang-kadang terdapat setengah kawasan *railing* yang dipasang itu pula masuk ke tengah arah jalan sedikit. Ini menjadi sungutan dan perhatian daripada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Sungai Pinang. Jadi mereka yang duduk di bukit bila memandu kereta, mereka rasa tersempit sedikit jalan ini. Harap juga dapat perhatian daripada pihak Jabatan Kerja Raya supaya kalau boleh mana-mana kawasan yang boleh diperluaskan sedikit, dapatlah diperluaskan lorong jalan.

Berhubung dengan Pihak Berkuasa Air saya ingin menyentuh sedikit sebanyak secara umum di kawasan Balik Pulau ini kerana di dalam dua, tiga hari ini kawasan

Sungai Korok tiga kali air tidak mengalir, ini disebabkan paip pecah. Perkara ini bukan perkara baru, tetapi sudah lama dibangkitkan. Adalah difahamkan paip-paip air yang ada di kawasan Balik Pulau pada masa ini khasnya kawasan ADUN Telok Bahang sudah agak lama semenjak Allahyarham Tun Sardon Zubir menjadi Menteri Kerja Raya yang menanamkan paip ini sampai hari ini belum ditukar. Adalah diharapkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung nanti perkara yang selalu dibangkitkan ini dapatlah Pihak Berkuasa Air dapat menukarkan paip-paip ini kerana dianggap sudah lebih daripada had yang sepatutnya.

Saya ucapkan terima kasih kepada Pihak Berkuasa Air kerana telahpun memasang satu paip yang lebih besar daripada kolam takungan air di Sungai Pinang sehingga ke rumah Pegawai Daerah, tetapi saya tidak tahu sama ada fungsinya telah berjalan atau pun tidak, kerana selama ini paip itu sampai setakat kediaman Pegawai Daerah telah diberhentikan, sama ada akan disambung semula ataupun telah digunakan untuk kawasan sekitarnya, harap dapat perhatian yang serius daripada Pihak Berkuasa Air.

Saya tidaklah berniat bercakap panjang cuma ada satu, dua perkara lagi yang saya hendak bangkitkan. Pertama, saya hendak ucapkan terima kasih kepada pihak Y.A.B. Ketua Menteri yang telah memberi peruntukan yang selalu saya bangkitkan dalam Dewan ini iaitu tempat melihat anak bulan yang mana peruntukan telah pun dimasukkan di dalam Anggaran Pembangunan tahun ini oleh itu saya harap tidaklah diabaikan oleh pihak-pihak yang telah diberi tanggungjawab. Adalah diharapkan apabila menjelang bulan puasa akan datang ini sekurang-kurangnya kita dapat duduk di atas tapaknya bagi melihat anak bulan kalau tidak dapat duduk di atas bangunannya pun, tapaknya pun cukuplah. Pada masa ini kita duduk di tepi jalan, bila sampai masa Maghrib kita sembahyang nampaknya tidak berapa manis.

Adalah diharapkan sekurang-kurangnya sebelum kita dapat melihat anak bulan melalui bangunan, harap tapaknya itu dapat diratakan, perkara ini sudah lama dijawab, hendak diratakan tetapi hingga hari ini belum diratakan lagi. Jadi kita harap dengan adanya peruntukan yang diberi dalam pembangunan ini dapatlah disegerakan. Begitu juga dengan Pejabat Kadi Daerah di mana saya difahamkan semua selesai, tetapi sampai hari ini belum lagi dibina atau dibangunkan sebuah bangunan pada halnya saya tengok Jabatan Kerja Raya telah pergi sukat dan membuat tanda-tanda kawasannya. Ketika hari-hari lawatan T.Y.T. hendak melawat Balik Pulau kita cadang hendak letak batu asas, tetapi terpaksa ditangguh — tidak tahu apa sebabnya. Jadi kita harap dengan adanya peruntukan yang telah disebut oleh Y.A.B. Ketua Menteri dalam Anggaran Pembangunan ini, supaya projek ini dapat disegerakan.

Akhir sekali saya mengambil peluang mengucapkan terima kasih kepada pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Pejabat Kewangan Negeri dan juga kepada semua Ketua-ketua Jabatan sama ada Jabatan Persekutuan dan juga Negeri dan juga agensi-agensi Kerajaan yang selama ini telah memberi kerjasama pada saya khasnya di kawasan ADUN Telok Bahang bagi menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi di kawasan saya. Walau bagaimanapun, maklum sajalah masalah ini sampai bilapun tidak boleh habis, maka itulah saya katakan perancangan yang teliti mesti dibuat supaya perkara itu dapat diselaraskan sepertimana yang dikatakan oleh wakil daripada Sungai Acheh tadi kerana penyelarasan ini kurang, maka disebabkan kurangnya, penyelarasan, maka berlakulah seperti saya kata Jabatan Parit dan Taliair korek sungai, tetapi parit di tepi jalan tidak dikorek jadi berlaku juga air bah. Jadi inilah masalah yang timbul, saya ucapkan terima kasih kepada semua pihak yang saya sebutkan tadi dan juga mungkin yang saya tidak sebut terutama sekali Pejabat Daerah Balik Pulau yang selama ini telah memberi khidmat yang begitu baik, bulan depan genap 100 tahun Pentadbiran

Pejabat Daerah Balik Pulau dan akan menyambut "Perayaan 100 Tahun". Jadi saya harapkanlah semua Wakil-wakil Rakyat, Pegawai-pegawai Kerajaan akan hadir melihat Pameran 100 tahun Pejabat Daerah Balik Pulau. Bangunannya yang lama itu juga dirancang membina pejabat baharu, saya tidak mahu sebut lagi sebab memang sudah ada pelannya, tetapi tidak tahulah apa keputusan Kerajaan dalam hal ini. Jadi saya berharaplah supaya sokongan dari semua pihak memberi sokongan kepada perayaan itu supaya kita sama-sama menyaksikan dan dengan adanya perayaan itu ketahuilah kita bagaimana pembangunan yang sebenarnya berlaku di kawasan berkenaan, kerana mungkin ada orang yang tidak tahu sejarah Balik Pulau iaitu Pejabat Daerah asal, di mana sekolah asal, di mana Pejabat Daerah yang sebenarnya dan dapat dilihat pada hari yang berkenaan.

Akhir sekali saya mengambil peluang mengucapkan terima kasih terutama kepada Y.A.B. Ketua Menteri dan Pegawai Kewangan Negeri yang telah bersama-sama menyediakan Anggaran Pembangunan yang begitu baik, saya rasa, untuk kebaikan rakyat di Negeri Pulau Pinang.

Sekian, dengan kata-kata itu saya sekali lagi menyokong dengan sepenuhnya Anggaran Pembangunan bagi Negeri Pulau Pinang tahun 1988.

Terima kasih.

Ahli Kawasan Mak Mandin (Dr. Sak Cheng Lum):

Tuan Speaker, saya ucap terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat beberapa cadangan-cadangan yang membina dan berguna khususnya yang ada kaitan dengan hal-hal di bawah tanggungjawab saya dan saya rasa hanya satu perkara yang saya perlu jawab iaitu berkaitan dengan masalah pencemaran sungai yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Penanti. Tuan Speaker, Kerajaan Negeri memang sentiasa memberi perhatian yang dibangkitkan oleh

Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Penanti. Tuan Speaker, Kerajaan Negeri memang sentiasa memberi perhatian yang serius akan masalah pencemaran alam sekitar termasuk pencemaran sungai. Di antara langkah-langkah yang diambil bagi pengawalan pengeluaran sisa-sisa kilang di sekitar Sungai Perai dan kawasan Mak Mandin oleh Jabatan Alam Sekitar ialah kilang-kilang yang tertakluk di bawah Peraturan Alam Sekeliling yang mengeluarkan kumbahan dan air buangan perindustrian dikehendaki mengadakan logi pengolahan *effluents* untuk mengolah *effluents* ke para yang dibenarkan sebelum dilepaskan ke dalam sungai dan Jabatan Alam Sekitar memang menjalankan pemeriksaan dari masa ke semasa mengikut jadual yang tertentu.

Yang kedua, bagi kilang-kilang di Mak Mandin juga Majlis Perbandaran Seberang Perai sedang mempertimbangkan bagaimana kilang-kilang atau pembuangan *effluents* dari kilang-kilang ini akan dikawal di bawah sistem pembentungan pusat. Jadi Tuan Speaker, Jabatan Alam Sekitar akan terus mengawal dengan rapi masalah yang dibangkitkan iaitu masalah berkaitan dengan pencemaran sungai.

Tuan Speaker, begitulah ucapan saya, dan saya sudah dengan menyokong usul Anggaran Pembangunan Negeri Pulau Pinang bagi tahun 1988.

Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Ara Rendang (Encik Zakaria bin Bakar):

Tuan Speaker, saya bangun untuk sama-sama menyokong Anggaran Pembangunan 1988 yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri pada hari semalam. Di samping itu untuk memberi beberapa penjelasan yang ada kaitan dengan Jawatankuasa yang saya pengerusikan. Beberapa perkara telah ditimbulkan, antaranya ialah pertama, mengenai keadaan beberapa buah sekolah yang terbiar pembangunannya di Negeri Pulau Pinang ini. Ingin

saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan Negeri telah mengambil tindakan mengenai perkara ini memaklumkan kepada pihak pusat tentang kedudukan sekolah-sekolah ini dan meminta supaya sekolah-sekolah yang terbengkalai pembinaan ini dapat dibina dengan secepat mungkin. Selain daripada itu ada juga dibangkitkan mengenai perkara-perkara yang ada kaitan dengan pembangunan mesjid-mesjid, surau-surau dan sebagainya. Seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat ADUN daripada Kawasan Permatang Pasir supaya mana-mana projek yang akan dijalankan sama ada projek di bawah pembangunan negeri yang dikendalikan oleh pihak Pejabat Daerah supaya dirundingkan dulu di antara Pegawai Daerah dan juga ADUN-ADUN. Ingin saya maklumkan di sini sesungguhnya setakat ini memang perundingan dijalankan tetapi di atas teguran itu, kita mengambil perhatian terhadap projek-projek pembangunan yang ada kaitan dengan pembinaan mesjid, sekolah-sekolah agama dan juga surau-surau akan diselaraskan kepada satu peringkat Jawatankuasa Kecil supaya dengan adanya penyelarasan ini, pengawalan pembinaan projek-projek tersebut dapat dijalankan dengan lebih licin lagi.

Tuan Speaker, antara lain Dewan juga telah dimaklumkan tentang kedudukan dua buah mesjid, satunya ialah Mesjid Kapitan Keling dan satu lagi Mesjid Negeri yang sering mengalami kebocoran. Sukacita saya maklumkan kepada Dewan bahawa pembaikan dan pengubahsuaian kepada Mesjid Kapital Keling sebenarnya telahpun dimulakan dan hingga hari ini proses itu masih berjalan lagi. Mengenai dengan kebocoran pada Mesjid Negeri, Kerajaan Negeri telah cuba membetulkan kebocoran dari masa ke semasa tetapi kita dapati kebocoran ini terus sahaja berlaku dan oleh hal yang demikian pada penghujung tahun ini kita telah membuat kajian keseluruhan dan satu *recommendation* dengan izin, telah dikemukakan untuk membuat satu pengubahsuaian agar kebocoran ke-

pada Mesjid Negeri ini tidak akan berlaku lagi.

Tuan Speaker, Ahli daripada Telok Bahang juga ada membangkitkan mengenai Pusat Melihat Anak Bulan. Ingin saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini sesungguhnya kerja-kerja awal untuk menyiapkan Pusat Melihat Anak Bulan ini telah dijalankan. Pada peringkat ini kerja-kerja mengkaji kedudukan struktur tanah telah dijalankan pada dua peringkat dan pihak Jabatan Kerja Raya merasakan bahawa untuk memastikan pembinaan bangunan tersebut akan menjadi kukuh dan selamat, elok diadakan satu lagi kajian yang lebih mendalam. Demikian proses yang sedang dijalankan untuk pembinaan Pusat Melihat Anak Bulan.

Tuan Speaker, saya dengan ini mohon menyokong Anggaran Pembangunan 1988 yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim bin Saad):

Tuan Speaker, saya bangun untuk menyokong usul Anggaran pembangunan Negeri Pulau Pinang 1988 yang dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri semalam. Dalam proses menyokong ini saya ingin memberi sedikit penjelasan dan jawapan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai perkara-perkara yang telah dibangkitkan dan yang telah menjadi persoalan.

Ahli Yang Berhormat daripada Machang Bubok ingin memohon bagi pihak penduduk-penduduk atau pun penanam-penanam sayur Bukit Teh mengenai sayur-sayuran mereka yang mati. Memandangkan Jabatan Pertanian satu jabatan *action-oriented* dengan izin, kita telahpun membuat satu penilaian di tempat itu dan kita akan memberi bantuan dengan seberapa segera yang boleh dan keputusan itu telah dibuat sebelum Yang Berhormat meminta sekali pun.

Saya juga ingin memberi keterangan kepada Yang Berhormat daripada Penaga yang membangkitkan masalah tanah rang di Permatang Manggis, Permatang Tok Elong dan Permatang Sintok. Sebenarnya pihak Pertanian telahpun menghulurkan bagi memperbaiki infrastruktur Kawasan Permatang Manggis dengan kos sebanyak \$1,188,823.35 daripada Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu, Pulau Pinang dan projek ini tidak termasuk dengan anggaran pengambilan balik tanah yang berharga \$1.7 juta. Jadi Yang Berhormat dari Penaga, kita telah menggunakan lebih kurang \$2.9 juta untuk tanah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi. Saya pastilah bahawa tahun depan kita akan menanam padi di kawasan yang tersebut dan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat daripada Penaga kita akan memberi bantuan kepada orang cacat yang beliau sebutkan itu dengan serta-merta. Kalau Yang Berhormat minta sebelum ini pun kita bagi jugalah dan saya ingin menyatakan kepada Yang Berhormat terutama sekali mengenai kawasan pertanian, kita akan teruskan penanaman padi secara serentak walaupun ada sedikit masalah, sebab dengan cara itu sahajalah kita dapat memperbaiki prestasi tanaman padi dan juga dapat meningkatkan pengeluaran dan juga mengurangkan musuh padi.

Saya ingin memberi penerangan sedikit tentang apa yang dibangkitkan oleh Ahli Kawasan daripada Batu Uban. Sebenarnya apa yang dinyatakan itu sedang kita buat, kita ini *action-oriented* sedikit. Jadi dengan serta-mertalah kita akan menemui pelabur-pelabur yang ingin membuat pelaburan dalam penangkapan ikan di lautan dalam terutama sekali Lautan Hindi. Kerajaan Negeri memang menyedari akan potensi dan peluang-peluang pelaburan yang akan wujud jika Pulau Pinang digunakan sebagai laut dalam dari Lautan Hindi sebagai pusat operasi mereka dan Kerajaan Negeri bercadang menjadikan Pulau Pinang sebagai pusat penangkapan ikan laut dalam yang terbuka kepada Lautan Hindi. Kita

akan berjumpa mereka pada besok hari untuk menyelesaikan masalah ini dan kita mempunyai *political will* untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai satu tempat persinggahan penangkapan ikan tuna.

Pada masa kini terdapat dua buah kilang pukot di Malaysia yang sedang membekal sebahagian besar dari keperluan negara, jadi kita tidak menggalakkan penubuhan lagi kilang pukot. Walau bagaimanapun sudah tentulah Pihak Berkuasa Persekutuan akan menimbangkan apa-apa permohonan untuk menubuhkan kilang membuat pukot. Saya ingin menjawab soalan Yang Berhormat Ahli dari Sungai Bakap mengenai masalah ternakan. Peruntukan penggemukan anak lembu sejumlah \$50,000.00 itu masih kita perlu dan masih kita teruskan. Walau bagaimanapun sekiranya ada peruntukan yang lebih untuk kita gunakan, kita akan ubah program kambing atau biri-biri seperti yang disyorkan oleh Yang Berhormat dan kita telahpun lakukan pada tahun 1986 dan akan lakukan pada tahun 1987. Saya ingin memberi jaminan terutama sekali kepada peminum-peminum susu iaitu orang-orang Islam bahawa susu kita tidak ada alkohol. Kita hanya menjalankan ujian alkohol tetapi susu kita tak ada alkohol, jangan bimbang. Susu siapa pun tidak ada alkohol.

Saya juga ingin menjawab soalan daripada Yang Berhormat Ahli Kawasan Permatang Pasir mengenai pembelaan ikan keli. Kaedah-kaedah ternakan ikan keli adalah masih dalam peringkat yang belum terbukti. Pelbagai percubaan sedang dijalankan untuk mencari sistem ternakan yang paling sesuai. Masalah yang dihadapi adalah kos benih yang agak tinggi yang pada masa ini kita masih beli daripada Thailand sebab kita ada perhubungan yang rapat dengan Thailand dan kadar kematian juga tinggi dan kos makanan juga tinggi, tetapi projek di Bukit Jelutong di kawasan Permatang Pasir merupakan salah satu projek yang dijalankan pada masa ini yang kini memberi kejayaan yang agak baik dan kita akan gunakan teknologi Permatang Pasir untuk disebarkan seluas-luasnya di seluruh negara

ini. Kita harus menyatakan di sini bahawa kolam membela ikan keli di Permatang Pasir itu agak terbesar di Pulau Pinang ini, kalau Ahli Yang Berhormat belum mengetahuinya lagi.

Mengenai ikan haruan, kita belum ada teknologi untuk membela ikan haruan sebab dari segi benih dan dari segi ternakan belum lagi *commercial*. Tak tahulah kalau ADUN daripada Permatang Pasir ada teknologi, ianya kita sentiasa akan cuba.

Mengenai projek kecil ayam dan itik kita sebenarnya memberi 25 ekor ayam dan 25 kilogram makanan ayam. Ini adalah sambungan amalan makanan dan pemakanan AMP, dan kita akan sentiasa menjalankan projek berkelompok seperti yang dicadangkan. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, Pulau Pinang dalam projek ayam telur telah mengeluarkan sejumlah 108,418,780 biji telur ayam dalam tahun 1986 dan 20% diekspot ke Singapura, ini tidak termasuk yang busuk. Jadi Yang Berhormat kita memang mengambil berat tentang projek ayam telur.

Mengenai pasaran-pasaran yang dibangkitkan, pasaran sayur tidak ada masalah sebab kita mempunyai pihak FAMA yang membelinya. Apabila timbul masalah dan seperti yang timbul di Bukit Teh dan juga di Bukit Indera Muda, pihak FAMA terus membelinya. Mengenai pasaran tebu ini oleh sebab *supply* ataupun pengeluaran yang lebih, oleh sebab itu kita menemui masalah tetapi pada ketika ini pihak FAMA cuba membeli tebu-tebu ini dan juga disebabkan cuaca agak tidak baik, jadi orang tidak mahu minum air tebu sekarang sebab hujan. Saya ingat Yang Berhormat bolehlah menggalakkan lagi minuman air tebu seperti juga menggalakkan minuman air kelapa.

Daripada Jabatan Pertanian juga mempunyai unit pencegah musuh dan penyakit. Pegawai-pegawai dari unit ini pergi ke kawasan-kawasan yang ada serangan seperti yang dikata oleh Yang Berhormat Ahli daripada Permatang Pasir dan maklumat-

maklumat yang didapati dari pegawai-pegawai perkembangan atau daripada petani-petani sendiri. Pegawai-pegawai ini membekal racun dan membantu petani secara bergotong-royong untuk memperbaiki pokok-pokok mereka dan merawat pokok-pokok mereka termasuk pokok nangka. Sehingga hari ini lebih kurang 60 cara gotong-royong telah dibuat untuk memulihkan ataupun merawat pokok-pokok ini. Sekali lagi saya berjanji akan memanggil Yang Berhormat Ahli daripada Permatang Pasir untuk bergotong-royong bersama. Pemulihan dusun, kita telah jalan. Pada tahun 1986 kita ada 176 hektar dan pada tahun 1987 kita telah ada 306 hektar. Tanaman baru buah-buahan, kita ada 108 hektar pada tahun 1986 dan kita ada 123 hektar dalam tahun 1987 dan keseluruhannya hampir-hampir 100%. Pada tahun 1986 kita ada 284 hektar dan pada tahun 1987 kita ada 429 hektar, tanaman baru dan pemulihan dusun.

Mengenai projek penggemuk lembu seperti yang dikata oleh Yang Berhormat Ahli Sungai Bakap, bukanlah sebab kita tidak ada pemasaran tetapi oleh sebab harga PKC itu naik dengan tidak kita jangka dan apabila kita membeli PKC itu maka proses penggemukan itu tidak *economical* lagi, jadi sebab itulah kita kurangkan. Secara keseluruhan saya ingin menyatakan bahawa di bawah Program Jabatan Parit dan Talian — Program pencegahan banjir, mendalam dan memperbaiki sungai pada tahun 1988, di mana sungai-sungai berjumlah 27 batang akan kita betulkan dan 3 batang parit dengan jumlah panjangnya 53.8 kilometer. Program-program ini akan memberi faedah kepada 1,626 hektar kawasan sawah dan 2,320 hektar kawasan tanah kampung. Program-program tersebut adalah satu langkah jangka pendek dan kita berharap bahawa langkah ini adalah untuk mengurangkan banjir dan saya sudah pastilah bahawa Yang Berhormat daripada Telok Kumbar dapat menyelesaikan masalah ini.

Saya sekali lagi ingin menyokong usul

Anggaran Pembangunan Negeri Pulau Pinang tahun 1988 dengan sepenuhnya.

Terima kasih.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Encik Liang Thau Sang):

Tuan Speaker, saya bangun untuk menyokong usul Anggaran Pembangunan tahun 1988 yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri kelmarin. Saya sangat menghargai dan mengucapkan terima kasih atas cadangan-cadangan dan pandangan-pandangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Kawasan Permatang Pasir dan Pinang Tunggal yang telah mengemukakan tentang penyelesaian masalah-masalah pengangguran di dalam negeri ini dan saya akan mengambil perhatian yang lebih berat terhadapnya.

Tuan Speaker, sebagaimana yang dinyatakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri dalam ucapannya, kedudukan kewangan dunia yang tidak menentu akan memberi kesan yang buruk ke atas ekonomi negara ini pada tahun yang akan datang. Dalam kata lain kemelesetan ekonomi akan berterusan. Maka kita boleh jangka bahawa masalah pengangguran masih menjadi masalah utama bagi negeri ini dalam tahun hadapan. Tuan Speaker, masalah pengangguran bukan mudah diatasi, akan tetapi Kerajaan Negeri sentiasa mencuba meringankannya dengan sedaya upaya. Dalam tahun yang lepas, Kerajaan Negeri telah melaksanakan beberapa program untuk membantu pekerja-pekerja yang telah diketepikan oleh kilang-kilang ataupun penganggur-penganggur. Salah satu program yang saya ingin sebutkan di sini ialah latihan sambil bekerja ataupun *on-the-job training* dengan izin.

Dengan sukacitanya saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa program ini telah mencapai kesan yang sungguh menggalakkan. Di antara mereka yang menyertai program ini adalah sebilangan peserta termasuk beberapa orang siswazah telah diambil oleh majikan untuk menjadi

pekerja yang tetap. Sudah tentu ini akan memberi harapan dan keyakinan kepada peserta-peserta program ini serta kepada mereka yang masih ragu-ragu menyertainya itu bahawa mereka akan diterima sebagai pekerja tetap sekiranya mereka mempunyai prestasi yang baik. Program Latihan Sambil Bekerja ini sebenarnya boleh menjadi lebih baik lagi jika rakyat mencari kerja dapat mengubah sikap pilih memilih dan juga meminta gaji yang tinggi.

Tuan Speaker, saya telah melawat lebih kurang 30 buah kilang dan sukacitanya dimaklumkan di sini kebanyakan mereka itu menunjukkan minat untuk membantu Kerajaan Negeri bagi menjalankan Program Latihan Sambil Bekerja. Kerajaan Negeri berazam menjalankan program tersebut dengan lebih meluas, akan tetapi ini hanya mungkin dilakukan jika disambut baik oleh rakyat yang mencari kerja.

Saya berharap semua Ahli-Ahli Yang Berhormat dapat memberi pertolongan dan dengan menerangkan kepada rakyat di kawasan masing-masing tentang program tersebut.

Tuan Speaker, akhirnya sekali lagi saya menyokong sepenuhnya dengan Anggaran Pembangunan tahun 1988.

Sekian.

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar):

Tuan Speaker, saya juga turut menyokong usul Anggaran Pembangunan 1988 yang mana saya dapati hari ini dia tidak ada 'ummph' sedikit. Kita selalu bercakap ada pembangkang. Bila tidak ada pembangkang nak toleh ke belakang pun tak kena gaya. Sungguhpun kurang 'ummph' tetapi dia 'shan' lebih kata orang-orang kampung. Ertinya dia angkat kita, dia 'toui' sikit.

Tuan Speaker, walau macam manapun saya suka juga memberi pandangan-pandangan dan jawapan dan saya ucapkan terima kasih kerana bagi saya, ramai ber-

cakap, ramai buat teguran bererti perhatian itu diberi, sudah nampak seolah-olah kita punya jalan kuat sikit. Bila kerja itu banyak kita buat, dia bercakap lagi banyak, nak minta lagi. Kalau kita banding macam tahun sudah ataupun awal tahun 1987 kita dengar cerita lalang-lalang tak tebas, lalu kita pun tebas. Hari ini pokok tidak ditebang, kemudian kita tebang pokok. Timbul pula pokok tua yang condong, hendak tebang pokok tua, kemudian akar pun kita hendak kena cabut. Ertinya perhatian itu sudah ada kerana perkara yang dibangkit di sini, kita ambil perhatian dan kita ambil tindakan.

Tuan Speaker, kalau saya hendak menjawab memang panjang, banyak sangat tetapi saya rangkum sekalilah kerana boleh kata hampir semua bercakap yang sangkut dengan Jabatan Kerja Raya yang ada kaitan dengan banjir dan pendek kata lopak-lopak jongkak, lubang besar, lubang kecil, jalan panjang, jalan pendek, belakang atau depan, pendek kata semuanya sudah bangkit. Jadi kita rangkum sekali kita hendak ambil tindakan, tetapi tindakan ini tidak akan kita ambil sepenuh kerana apa yang saya rasa kalau disusun dengan begitu rapi tentang apa yang dibangkit oleh semua penyokong-penyokong kita yang meminta supaya memberi perhatian dan menjalankan atas permintaan mereka ini, kita memerlukan perbelanjaan yang lebih banyak. Jadi dengan anggaran yang ada pada kita memadai bagi tahun 1988, kalau tidak selesai, kita tengok pula pada tahun 1989. Apa yang nak tunjuk misal kata hendak baiki jalan yang kita dapat peruntukan yang kita nampak jalan yang paling teruk yang perlu kita baiki dengan segera bagi tahun 1988, peruntukannya lebih kurang \$4 juta. \$4 juta ini kalau satu jalan kita hendak baiki perbelanjaannya lebih kurang \$500,000.00. Ertinya 8 batang jalan di seluruh Pulau Pinang dan Seberang Perai, tetapi kemungkinan 8 batang jalan ini adalah yang diiktiraf oleh kita sebagai jalan yang sangat teruk. Yang lain yang dibangkit, yang hendak minta supaya Menteri lalu jalanraya, hendak bagi lebih indah lagi. Kita cubalah bawa ke atas supaya sekali

sekala lalu di Paya Terubong, boleh jadi kita susun pokok bunga yang lebih indah dan sebagainya. Kita boleh ambil perhatian itu, tetapi yang sebenarnya bukan itu yang dimaksud, dimaksudkan supaya tengoklah jalan-jalan yang pecah itu supaya dibaiki. Kadang-kadang kita nampak sahaja senang, kita tengok jalan pecah, kita bercakap kata jalan pecah dan kenapa tidak dibaiki. Nama yang selalu naik ialah Jabatan Kerja Raya, sampai lekat nama 'Jangan Kerja Rajin.' Yang sebenarnya kerja itu rajin, banyak yang kerja rajin tetapi kita sahaja nampak. Saya hendak tunjuk satu contoh yang baru berlaku, yang kata jalan 'jongkak'. Dia masuk tender, tender baik, semua baik. Pendek kata layak dan patut diberi tender kepada dia. Dalam keadaan masa kelam kabut sedikit, boleh jadi dia tidak cukup duit. Kemudian kita bagi pada suruh jalan kerja, dia pun jalanlah kerja. Lepas itu dia pun korek yang dia sendiri tidak dapat buat satu anggaran baik baginya. Itu kontraktor, bukan Jabatan Kerja Raya. Kemudian hendak cari batu pun tidak ada. Dia pula ada masalah, hendak pergi ambil batu hendak tunggu kita bagi duit dulu baru dia hendak bayar kepada orang yang hendak membekalkan batu. Kemudian si pembekal kata, 'ada duit ada batu, tidak ada duit tidak ada batu.' Dia korek dahulu, batu tidak sampai, duit tidak ada, macam itulah berlaku. Terpaksalah Jabatan Kerja Raya hendak ambil satu tindakan lain pula untuk mengatasi masalah, bukan disebabkan oleh Jabatan Kerja Raya tetapi disebabkan oleh pemborong. Itu satu contoh.

Banyak lagi berlaku di tempat-tempat yang lain yang hampir sama yang orang tidak nampak, tetapi bagi rakyat, kita perlu memberi penerangan dan saya percaya Yang Berhormat-Yang Berhormat dari semua kawasan, bila kita beri penerangan ini dapat memberi sedikit sebanyak penjelasan. Sebenarnya kita mengambil tindakan. Macam contoh tadi, Yang Berhormat Ahli Kawasan Telok Bahang menyatakan Tapak Melihat Anak Bulan di mana kalau tapak saja pun tak apa. Kita *draw plan*, kemudian pinda, sudah 3 kali pinda. Hari

ini pun belum siap lagi. Kita sedang tunggu hendak buat.

Saya harap perkara ini dapat diatasi dan saya percaya kita sudah pun panggil dan bincang supaya perkara ini dapat disegerakan. Insyaallah, saya pun harap sangat sekurang-kurangnya tapak pun adalah bagi tahun ini untuk memberi kemudahan. Sebenarnya bukan Jabatan Kerja Raya yang membuat kesilapan ataupun sengaja hendak melambatkan masalah ini. Ini saya tunjuk contohlah, mengenai masalah *plan*. Jadi *plan* tidak siap, tapak tidak ada. Bila tapak tidak ada, Jabatan Kerja Rayalah kena. Macam itulah juga cerita korek mengorek ini. Korek tambun, korek tambun, korek tutup. Kerja dia korek, seorang lagi tutup, esok lain pula korek, orang lain tutup. Yang kerja korek ini Jabatan Telekom, Jabatan Kerja Raya dan Pihak Berkuasa Air. Apa yang berlaku sekarang kita pun pening kepala. Bukan kata Pihak Berkuasa Air atau pun Lembaga Letrik Negara tidak mahu tutup. Yang melambatkan tutup ini ialah orang yang buat kerja. Kita sudah cari satu rumusan, satu jalan keluar, kita terpaksa ketatkan sedikit. Peraturan pun sudah kita keluarkan, hendak korek sekali ini jangan korek panjang-panjang, orang takut tengok terlalu panjang. Korek pasang paip tutup, sambung korek, tutup. Ini yang kita bagi arahan setelah kita bincang bersama dengan semua jabatan-jabatan yang terlibat dan saya dapati bahawa kesefahaman itu pun sudah pun diterima. Kita harap perkara ini akan dapat diatasi di masa akan datang, kalau tidak akan berlarutan lagi, kerana bukan salah kita. Yang hendak salah pun, kita tidak boleh salahkan Pihak Berkuasa Air, Jabatan Kerja Raya, Lembaga Letrik Negara atau Telekom kerana rancangan-rancangan jabatan tersebut tidak sama. Tidak sama bukan kerana kita tidak mahu bagi sama tetapi kerana peruntukan yang datang lambat dan ada yang datang cepat. Datang tidak sama program, Pihak Berkuasa Air dari Pihak Berkuasa Air, Lembaga Letrik Negara daripada Lembaga Letrik Negara. Begitu juga Telekom yang mana Telekom

pula hari ini telah diswasta. Bila tidak sama program, tidak samalah koreknya, bila tidak sama koreknya, itulah yang kita nampak, korek sepanjang masa, sebab bulan Januari Pihak Berkuasa Air korek, sampai Februari tutup, kemudian masuk bulan April, datang pula Lembaga Letrik Negara korek, tutup, kemudian penghujung tahun, Telekom korek, tutup, dan penghabisan sekali Jabatan Kerja Raya korek balik, tutup.

Jadi apa yang saya tunjuk di sini nampaklah kepada kita bahawa kita bukan mengabaikan kerja-kerja kita, bukan kata kita sengaja melengah-lengahkan. Sebenarnya kita mengatasi masalah seberapa cepat yang boleh. Pendek kata, selalu kita bermesyuarat untuk mengatasi masalah ini.

Saya tunjuk satu lagi iaitu hendak mengatasi banjir yang diperuntukkan kepada Jabatan Parit dan Taliair. Hendak mendalam ataupun membaiki sungai sebanyak \$248,000.00 yang kita dapat. Lepas itu hendak mencegah banjir \$565,000.00. Kemudian ada pula peluang bagi banjir Mak Mandin sudah dikhaskan sebanyak \$150,000.00. Jumlahnya \$963,000.00. Ini yang kita sudah bincang yang perlu dibaiki dengan segera. Bila peruntukan ini ada, maka inilah yang akan kita buat. Ini yang sepatutnya kita tumpukan perhatian, tetapi kalau kita dengar banjir pada hari ini meliputi banyak kawasan. Walau bagaimanapun kita akan cari jalan untuk mengurangkan banjir, bukan hendak mengatasi supaya jangan banjir berlaku. Mengurangkan banjir, Insyaallah dari masa ke semasa kita mengatasi masalah tersebut dan saya yakin penuh bahawa apa yang kita buat sekarang, kita dapat kerjasama daripada semua jabatan dan pada hari ini, pendek kata semua jabatan sedang memikirkan bagaimana hendak mengatasi masalah, bukan sepertimana yang kita dengar menyatakan jabatan masing-masing cuba hendak menolak tanggungjawab masing-masing sedangkan kita memikirkan macam mana hendak mengatasi. Contohnya jalan yang tidak ada tuan. Ada jalan-jalan yang

tidak ada tuan. Yang itu orang kata jalan siapa. Tidak ada tuan ini macam mana? Contoh satu jalan — Jalan rancangan perumahan, dia buat, tapi tidak *surrender* dekat kita. Kita belum ambilalih, jalan itu sudah rosak, sehingga hari ini jalan itu tidak ada tuan. Jadi kita kena bagi ada tuan. Hendak bagi ada tuan itulah yang sedang kita bincang bagaimana hendak mengatasi supaya dapat kita ambilalih jalan-jalan misal kata *back-lane*. Jalan yang tidak cukup saiz, jadi Jabatan Kerja Raya tidak boleh ambilalih kerana saiz jalan itu tidak cukup. Jadi bila tidak boleh ambilalih kita tidak ada peruntukan untuk memperbaiki jalan tersebut. Sungguhpun begitu kita sedang memikirkan walaupun jalan itu rosak, kalau rasa teruk, kita usaha juga untuk menampung atau menampal jalan yang rosak ini tetapi hendak ambilalih sehingga hari ini masih belum lagi dapat diambalalih. Kita sedang membincang bagaimana dan siapa yang boleh memberi pertolongan supaya jalan-jalan itu dapat diperbaiki.

Saya rasa contoh satu lagi yang paling besar yang selalu dibangkit termasuk Sungai Nibong, Sungai Dua Besar, Sungai Tiram, Batu Maung dan sebagainya. Program ini kita minta punya lama, kita salurkan air itu, hendak alih saluran air daripada Sungai Tiram ke Bayan Lepas, satu rancangan yang begitu besar yang telah kita berjuang begitu lama. Kita minta Kementerian tolong beri peruntukan. Begitu lama kita tunjuk sebab-sebab, kalau tidak dapat kita mengatasi masalah ini maka banjir akan berlaku dalam sekitar Bayan Baru, Sungai Tiram, Bayan Lepas, Batu Maung dan sebagainya, termasuklah Sungai Dua Besar yang mana Ahli Kawasan Batu Uban tadi macam hendak menangis minta tolong supaya dapat perhatian, perhatian itu pun sudah dapat. Sebenarnya peruntukan yang kita perlu untuk mengatasi banjir dalam sekitar itu memerlukan perbelanjaan sebanyak \$14 juta. Bertahun-tahun kita bincang, kita minta, kita tunjuk, perlunya, oleh kerana pada masa itu boleh jadi dalam masa 10 tahun yang silam tidak nampak

keadaan banjir yang akan berlaku yang akan melanda dalam kawasan tersebut tetapi hari ini sudah mula nampak banjir akan berlaku. Boleh jadi kalau Kerajaan Pusat tidak memberi bantuan kepada kita, tidak memberi peruntukan kepada kita, mungkin dalam tempoh dua, tiga, empat atau lima tahun lagi banjir itu lebih melarat dalam kawasan-kawasan yang saya sebutkan tadi. Alhamdulillah, peruntukan diberi bagi tahun ini sebanyak \$6 juta dan kita sedang merancang sepertimana yang kita tahu bahawa sebanyak \$6 juta telah diluluskan untuk dilaksanakan pada tahun 1988. Kita juga tubuh satu Pasukan Teknikal dengan kerjasama Ibu Pejabat, Jabatan Parit dan Taliair untuk mengkaji masalah banjir dan menyediakan Pelan Induk mencegah banjir di seluruh negeri, bukan setakat Sungai Tiram, Bayan Baru, Batu Maung, Bayan Lepas, Sekitar Relau, termasuk Sungai Dua Besar dan sebagainya. Hari ini kita hendak tubuh satu badan hendak mengkaji seluruh negeri termasuk Jalan P. Ramlee dan sebagainya. Pada permulaan kita dapat \$40,000.00 diperolehi daripada Kerajaan Pusat untuk menjalankan satu kerja sukat bagi kawasan tadahan Sungai Dua Besar dan Pelan Induk akan dijalankan dalam tahun 1988. Saya harap perkara ini dapat diatasi dan sudah pasti kalau hendak buat projek itu akan memakan masa pula dari tempoh mungkin satu, dua atau tiga tahun, tetapi kerana berlaku banjir kilat yang sering berlaku, macam kata tadi di kawasan Pantai Jerjak, 5 kali banjir kilat, teruk juga kawasan Yang Berhormat Ahli Kawasan Batu Uban. Itu banjir kilat, banjir yang kadangkala air pasang terlampau tinggi yang menyebabkan banjir. Jadi kalau hendak kata tiap-tiap kali turun hujan akan banjir, maka kawasan itu teruk tetapi kawasan-kawasan kita ini, Alhamdulillah, walaupun hujan 20 kali, banjir cuma 3 kali atau pun 4 kali. Ertinya kawasan itu bukanlah kawasan banjir yang diiktiraf sebagai kawasan banjir, cuma banjir, bila keadaan bercampur dengan air bukit terlampau banyak, bercampur pula dengan air pasang dan kebetulan pula hujan lebat, sebab itu berlaku banjir. Jadi kita

rasa bertuah, walaupun banjir, kita tahu golongan ataupun masyarakat yang ditimpa keadaan buruk berlakunya banjir itu, kita rasa simpati tetapi itulah yang terdaya kita untuk mengatasi. Kalau hendak banding dengan negeri lain sampai jadi pesta pun ada kerana banjir. Walau macamanapun, bukan bererti kita tidak mahu mengatasi tetapi kita akan berusaha, walaupun tidak ada pihak pembangkang, memadai dengan pihak penyokong kita ini, semangat pun macam itu juga. Kita kena cari jalan-jalan lebih banyak dan kena cari peruntukan lebih banyak untuk mengatasi masalah-masalah yang dibentang oleh rakan-rakan kita.

Dengan itu saya ucapkan terima kasih di atas memberi kesempatan kepada saya memberi sokongan kepada usul Anggaran Pembangunan bagi tahun 1988.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar):

Tuan Speaker, saya bangun untuk mengambil bahagian menyokong usul yang dibawa oleh Y.A.B. Ketua Menteri mengenai Anggaran Pembangunan Negeri Pulau Pinang bagi tahun 1988.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana tidak banyak soalan yang dibangkitkan mengenai dengan Jawatankuasa Tanah dan Pembangunan Luar Bandar. Ini mungkin setakat ini mereka berpuashati dengan masalah-masalah tanah dan pembangunan luar bandar. Walau bagaimanapun Tuan Speaker, saya ingin menjawab beberapa soalan ataupun masalah yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai perkara yang dibawa oleh ADUN Kawasan Telok Ayer Tawar bahawa tidak ada pertambahan peruntukan di bawah Butiran 6 P.101 iaitu Pembangunan Masyarakat, dan begitu juga di bawah Butiran 47, Projek-projek Khas dan Latihan Khas, bahawa peruntukan yang diberikan pada tahun 1987 dan 1988 adalah sama. Jadi Tuan Speaker, saya selalu membangkitkan kepada Yang Amat Berhormat bahawa perlu

diberi tambahan peruntukan kerana daripada peruntukan ini akan disalurkan kepada kawasan-kawasan luar bandar. Jadi masalah, apabila saya mengemukakan pandangan untuk menambah peruntukan, selalunya Yang Amat Berhormat menyatakan kepada saya "*you* cari duit banyak-banyak, sebagai Pengerusi Tanah dapatkan tunggakan, ambil tindakan." Pada mulanya, pada tuan-tuan punya tanah yang mempunyai tunggakan \$10,000.00 ke atas dan kita telah dapat mengutip tunggakan yang agak banyak, dan mulai tahun depan, kita akan mengambil tindakan kepada tuan-tuan punya tanah yang mempunyai tunggakan di antara \$5,000.00 sehingga \$9,999.00.

Jadi Tuan Speaker, saya rasa Ahli-ahli Yang Berhormat langsung tidak menyentuh tentang perkara-perkara, cara-cara untuk menambahkan hasil negeri. Kebanyakan daripada kita hanya cakap minta duit, buat projek mengenai jambatan, masalah banjir, masalah parit, masalah berbagai-bagai kemudahan prasarana di kawasan masing-masing tetapi tidak ada di antara kita yang bangun untuk menyatakan bahawa kita perlu mengambil tindakan supaya hasil Kerajaan Negeri dapat ditingkatkan, supaya tunggakan \$15 juta itu dapat dikurangkan, saya yakin dan percaya Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dr. Lim Chong Eu akan menambahkan peruntukan kepada kita. Sudah tentu, pada tahun 1989, kalau Ahli-ahli Yang Berhormat dapat membantu untuk mengutip tunggakan cukai ini, peruntukan untuk pembangunan masyarakat akan ditingkatkan lebih daripada \$1 juta. Jadi kena tolonglah, janganlah serah kepada pegawai-pegawai di Pejabat Tanah sahaja, Ahli-ahli Yang Berhormat patut mengambil kesempatan di majlis-majlis sivik, perjumpaan dengan orang ramai menyatakan bahawa kalau kita mahukan projek pembangunan, kita perlu membayar cukai supaya duit daripada bayaran cukai ini akan kita pulangkan balik kepada rakyat melalui projek-projek

pembangunan yang diluluskan oleh Kerajaan kepada rakyat kita.

Tuan Speaker, saya juga ingin hendak menjawab masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kawasan ADUN Sungai Bakap dan ADUN Sungai Acheh berhubung dengan masalah penempatan semula penduduk-penduduk di kawasan Makau Sua dan Kampong Baru, Simpang Empat. Untuk makluman Yang Berhormat, kedua-dua tempat ini penduduk di kawasan ini adalah penduduk yang ditempatkan oleh Kerajaan tetapi tanah yang ditempatkan mereka itu adalah statusnya masih lagi tanah persendirian. Jadi kita sedang mengkaji kalau mereka ini ditempatkan semula di kawasan-kawasan berikut atas arahan Kerajaan, saya berpendapat adalah wajar pihak Kerajaan menimbang untuk membayar pampasan ataupun mengambil tanah yang berkenaan ataupun mencari tapak yang sesuai supaya mereka ini dapat ditempatkan yang khusus dan mereka diberi hakmilik sepertimana juga perkembangan baru yang lain yang terdapat di dalam Negeri Pulau Pinang ini.

Mengenai dengan Projek-projek *Reimbursable* yang disarankan oleh Yang Berhormat ADUN Kawasan Telok Ayer Tawar supaya diadakan perbincangan dengan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, saya bersetuju bahawa telah dua tahun kita tidak dapat sebarang duit malah satu sen pun daripada projek-projek yang *direimbursable* oleh Kerajaan Pusat. Mungkin pada masa sekarang keadaan ekonomi yang meleset maka projek-projek itu tidak dapat dipertimbangkan. Walaupun begitu kita akan berjumpa dengan Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri yang juga menjadi Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar supaya projek ini yang tidak diberi dua tahun sudah patut ditimbang semula kepada Negeri Pulau Pinang, walaupun Pulau Pinang ini tidak ada Kawasan Luar Bandar, tetapi masih lagi ada kampung-kampung yang berada dalam kawasan perbandaran. Ini yang perlu diberi perhatian, perlu dipertingkatkan prasarana

yang ada bagi faedah rakyat.

Jadi Tuan Speaker, sekian saja. Saya sekali lagi ingin menyokong usul yang dibawa oleh Y.A.B. Ketua Menteri.

Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Datuk Khoo Kay Por):

Tuan Speaker, saya bangun menyokong penuh mengenai Anggaran Pembangunan tahun 1988 yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri dalam Dewan yang mulia ini.

Saya ingin menjawab beberapa masalah yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Kawasan Penanti telah membangkitkan mengenai masalah penjaja. Majlis Perbandaran Seberang Perai tidak menghalang penjaja dari menjaja di kebanyakan kawasannya, tetapi bagi beberapa jalan, ini tidak digalakkan kerana ianya akan menimbulkan kesesakan lalu lintas atau menghalang kelancaran aliran lalu lintas.

Berhubung dengan cadangan untuk menukar kawasan letak kereta ke tapak penjaja, ini tidak dapat dilaksanakan oleh kerana kawasan letak kereta lebih diperlukan. Pihak penjaja boleh menjaja tanpa mengadakan tempat yang tetap. Cara ini akan membolehkan lebih banyak lesen penjaja dikeluarkan daripada menyediakan tapak tertentu sahaja.

Yang Berhormat dari Kawasan Penanti juga telah memohon tandas curah bagi penduduk luar bandar. Soal menukar tandas tong ke tandas curah ini memang ada di dalam perhatian Majlis Perbandaran Seberang Perai. Penukaran ini akan dibuat berperingkat-peringkat mengikut peruntukan yang ada. Pada tahun hadapan Majlis Perbandaran Seberang Perai telahpun memperuntukan sejumlah \$360,000.00 untuk perkara ini.

Yang Berhormat dari Kawasan Sungai

Bakap telah membangkitkan tentang pasar awam di Nibong Tebal dan Simpang Empat. Pasar di Simpang Empat ialah pasar persendirian. Oleh yang demikian, Kerajaan tidak boleh memperbaiki bumbungnya atau bahagian-bahagian lain. Walau bagaimanapun, Kerajaan sedang merancang untuk menyediakan pasar yang baru.

Berhubung dengan pasar awam di Nibong Tebal, Kerajaan memang sedar tentang masalah yang timbul dan sedang berbincang dengan sebuah pihak pemaju kawasan perumahan untuk menyerahkan tapak di kawasan perumahannya dengan seberapa cepat yang boleh, bagi mendirikan sebuah pasar yang baru untuk Nibong Tebal.

Masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kawasan Paya Terubong mengenai kilang baru di kawasan Bayan Baru yang telah membina sebuah jalan konkrit dengan mengadakan dua saluran air di mana telah menyebabkan berlakunya banjir baru-baru ini, siasatan akan dijalankan dan tindakan segera akan diambil.

Mengenai *incinerator* di Jalan Brick Kiln pula, ianya telah dibina pada tahun 1926. Cadangan terbaru adalah untuk menggantikan *incinerator* tersebut dengan satu *incinerator* baru di tapak yang sama bertujuan untuk mengurangkan masalah pencemaran. Jabatan Alam Sekitar telahpun memberi kelulusan kepada jenis *incinerator* yang dicadangkan. Cadangan ini adalah di dalam proses pemberian tender.

Mengenai rumah pangsa yang dibangkitkan, pelan pembinaannya telah dikeselusi pada 18 Disember tahun 1974, sementara Akta Kualiti Alam Sekitar berkuatkuasa pada April tahun 1975. Dengan itu, semasa pelan tersebut diproses dan diluluskan, ianya tidak tertakluk kepada peruntukan Akta tersebut.

Menjawab perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Paya Terubong juga mengenai masalah banjir di kawasan perindustrian

Bayan Lepas di antara Eng Hardware Engineering Sdn. Bhd. dan Air Express International Sdn. Bhd. yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan kepada Dewan ini bahawa jalan yang disebutkan berserta dengan dua saluran *culvert* untuk sungai yang dinamakan sebagai Sungai Relau adalah dibina oleh pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang mengikut spesifikasi-spesifikasi yang ditentukan. Sungai Relau merupakan sebatang sungai yang sangat sempit.

Banjir yang berlaku pada minggu lepas bukanlah disebabkan oleh pembinaan jalan atau saluran *culvert* itu tetapi disebabkan oleh banjir kilat selepas hujan lebat dan air pasang. Sebenarnya, tanah yang berkenaan itu adalah rendah pada amnya. Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan akan sentiasa mengawasi keadaan tersebut.

Terima kasih.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Tuan Speaker, yang pertama sekali, saya juga menyokong usul yang dibawa oleh Y.A.B. Ketua Menteri, dan saya juga amat berterima kasih kepada semua kawankawan, Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat ucapan dan menyentuh sedikit sebanyak hal-hal yang telahpun dipertanggungjawabkan kepada saya.

Pertama sekali mengenai bil air yang telah diduabulankan oleh Pihak Berkuasa Air. Ini yang sebenarnya bertujuan untuk meringankan bebanan semua pihak, sama ada rakyat ataupun Pihak Berkuasa Air sendiri. Pihak Berkuasa Air telah dapat menjimatkan kira-kira hampir setengah juta iaitu \$400,000.00 untuk pos, belanja pekerja, alat tulis, setem dan berbagai-bagai lagi, dan saya yakin juga pembayar bil juga akan untung, sebab kalau dulu terpaksa sebulan sekali, ini dua bulan sekali. Kemudian timbul masalah bayaran yang dijangka sebulan \$5.00 misalnya, sepatutnya dua bulan jadi \$10.00, tiba-tiba jadi \$15.00. Ini telahpun kita terima aduan, bila kita

terima aduan, siasatan pun dibuat dan didapati bukanlah kerana kita kenakan lebih tetapi kerana ada kebocoran berlaku di antara paip ke rumah, ataupun kepala atau tap-tap yang rosak dan sebagainya, dan kerana itu untuk setakat ini kita tidak ada rancangan untuk menjadikan satu bulanan balik.

Mengenai bekalan api dan air luar bandar yang sebenarnya telahpun kita berikan satu arahan kepada kedua-dua agensi ini untuk menyediakan satu rancangan untuk membolehkan kira-kira 200 buah kampung yang belum lagi menerima kemudahan ini menyediakan rancangan mereka, dan kalau tidak cukup duit di peringkat negeri, Insyaallah kita juga akan mendapatkan bantuan daripada peringkat pusat. Saya rasa mungkin bulan Disember akan selesai perancangan yang dibuat oleh kedua-dua jabatan ini dan akan diserahkan kepada kita untuk dipraktikkan ataupun dicari wang dan dilaksanakan dengan secepat yang boleh.

Mengenai penswastaan perumahan kos rendah terutamanya, dan ini memanglah banyak masalah, masalah untuk mendapatkan *loan*, dan sebagainya, termasuk masalah kontraktor dan kita sentiasa memberi perhatian yang teliti dan bukan itu sahaja tetapi kita juga mengamalkan sikap Persyarikatan Malaysia iaitu kita anggap syarikat itu sebagai syarikat kita sendiri, dan kita bantu dan kita tolong di mana yang boleh. Bukan sahaja kita bantu dan kita tolong tetapi juga kita awasi, kita tidak mahu ada penyelewengan yang berlaku di dalam projek-projek yang telahpun diswastakan ini.

Mengenai tunggakan, saya rasa saya patut ucapkan syabas kepada Yang Berhormat Encik Chin dari Paya Terubong yang begitu berani supaya kita mengambil tindakan tegas kepada mereka yang berhutang dan yang sebenarnya memang Jabatan Perumahan mengambil tindakan tegas tetapi kita teliti sebab kita tahu ada juga yang benar-benar ada masalah, kita cuba

tolong dan tidaklah hanya berdasarkan buku ataupun peraturan semata-mata. Kadang-kadang kita bincang, kita fikir, kita nasihat dan kita berunding dengan Jawatankuasa Penduduk dan sebagainya supaya bila kita ambil tindakan, bermakna tindakan itu adil dan tidak boleh orang mengatakan bahawa tindakan itu zalim ataupun tidak dipertimbangkan dengan sehalus-halusnya.

Mengenai keadaan flat, lift, lampu, cat dan sebagainya. Inilah masalah yang selalu kita dengar dan memang pun ada. Salah satu daripada punca perkara-perkara ini berlaku ialah kerana adanya mentalisma, semangat yang tidak bertanggungjawab terhadap *lift*, *lift* lambat sedikit, dia tendang *lift*, bukan dia tunggu, dia tendang, dia ingat *lift* itu bila ditendang — dia turun, tidak — dia tidak turun maka rosaklah. Dia conteng pula di *lift* itu — macam-macam ... (gangguan).

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar):

Dia *draw* pun ada.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Bukan sahaja dia tulis, dia *draw* macam-macam, dan dia lukis pula. Ada satu diberi kepada saya di sini. Saya ingat pun tidak eloklah saya baca. Hendak dengar tidak? Saya rasa tidak payahlah saya baca.

Mengenai cat flat ini memanglah mahal dan kita pun tidak mengecat rumah-rumah pangsa di Rifle Range dan juga Nordin Street dan di tempat-tempat lain itu kita kenalah tunggu giliran sebab duit tidak ada, jadi cat pun tidak adalah. Cat itu tidak perlu sangat asalkan dalam elok sudahlah.

Jadi itulah sahaja Tuan Speaker, secara ringkas dan mudah dan saya lagi sekali mengambil peluang ini untuk merakamkan terima kasih banyak kepada semua kawan-kawan dan juga kepala Tuan Speaker yang begitu sabar sampai tidak minum teh.

Dengan ini saya menyokong penuh ucapan dan juga usul yang dibuat oleh Y.A.B. Ketua Menteri.

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah menyokong sepenuhnya usul saya untuk Anggaran Pembangunan tahun 1988. Ini apa yang telah kita terima sepenuhnya satu sifat baru yang mana Anggaran Pembangunan ditunjukkan ialah mengikut kebolehan kita menjalankan projek-projek mengikut wang yang kita kutip daripada negeri kita sendiri. Beberapa tahun yang telah lalu, dari satu tahun ke satu tahun, kita telah pinda sistem dulu yang mana menunjukkan satu Anggaran Pembangunan yang besar termasuklah sampai beratus-ratus juta ringgit mengikut apa yang kita harap mendapat pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan. Di dalam dua tahun yang lepas dan tahun ini, kita telah mendapat satu keputusan yang mana kita membuat satu anggaran mengikut wang yang kita ada. Saya ucap berbanyak terima kasih sebablah mengikut proses demokrasi, kita telah sampai lagi satu zaman baru dan saya harap kalau kita bekerjasama dengan semangat yang telah ditunjukkan dalam Dewan ini, peringkat demi peringkat tentulah kita boleh bawa lebih banyak faedah untuk kepentingan rakyat dan penduduk Negeri Pulau Pinang.

Tuan Speaker, yang kedua, saya hendak berucap syabas kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Undangan yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan usul saya. Apa yang saya dengar dalam perbahasan sepanjang sehari ialah sistem yang telah kita jalankan selepas pilihanraya tahun 1986 ini telah berjaya, yang mana ADUN kita bekerjasama dengan Pengerusi-pengerusi Jawatankuasa yang telah kita tubuhkan dalam majlis Mesyuarat Kerajaan, dan daripada kerjasama ini kita sekarang telah lebih rapat dari dahulu untuk mengkaji perkara-perkara dan masalah-masalah yang berbangkit oleh

Yang Berhormat Ahli-ahli di dalam kawasan-kawasan yang mereka wakili. Apa yang jadi ialah mengikut biasa kita semua telah terima anggaran yang kita ada di dalam Kertas Bil. 11 dan saya harapkan kalau kita kerja rapat di dalam jawatankuasa-jawatankuasa yang tersebut di tahun akan datang iaitu tahun 1988, kita boleh berhubung dengan pegawai-pegawai yang berkenaan untuk melaksanakan semua peruntukan yang telah disediakan mengikut jadual. Seperti biasa pun, semua pegawai-pegawai tentulah mengambil perhatian kepada perkara-perkara yang berbangkit di dalam Dewan ini. Ini setahun sekali, yang mana Wakil Rakyat dengan Kerajaan bertukar fikiran bukan sahaja apa yang berlaku di tahun 1988 tetapi untuk tahun 1989 dan pada masa-masa yang akan datang. Anggaran ini telah ditetapkan untuk tahun 1988 dan di dalam ucapan saya, saya telah tunjukkan dan Yang Berhormat Ahli Kawasan Paya Terubong pun cepat ambil perhatian. Kita telah menyediakan satu peruntukan atau anggaran yang berlebihan yang mana kita ada lebih daripada \$600,000.00 wang perbelanjaan, dan saya ingatkan semua Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian, kita harapkan \$600,000.00 ini boleh diserahkan kepada kawasan mereka. Ini saya katakan jika kita ada wang lebih, kita tentulah boleh menolong dengan semua Yang Berhormat Ahli-ahli Kawasan di mana ada *priority* untuk perkara-perkara yang berbangkit. Nampak saya pun kali ini Yang Berhormat-Yang Berhormat telah menunjuk satu semangat yang baik dan rakan-rakan saya di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan pun juga mendengar dengan mendalam sekali ucapan-ucapan untuklah lain kali apabila hendak pilih Yang Berhormat yang akan menjadi Ahli-ahli di dalam Jawatankuasa Kecil di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan. Dari Jawatankuasa-jawatankuasa Kecil ini saya harap kita boleh selesai beberapa banyak perkara yang berbangkit, khususnya perkara Makau Sua dan Simpang Empat dan saya ingat kalau kita bawa perkara semacam itu ke Jawatankuasa Kecil secepat mungkin kita boleh selesai perkara ini dengan puashati semua orang, tetapi apa

yang berlaku ialah Kerajaan sekarang telah sampai ke satu peringkat yang mana kita boleh lagi bekerja lebih rapat dengan rakyat berhubung dengan penubuhan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung, Rukun Tetangga dan lain-lain. Kita bolehlah berhubung dengan pegawai-pegawai di dalam Jawatankuasa Tindakan Daerah dan seterusnya kepada beberapa aturcara yang kita siap sedia untuk tahun depan yang mana kita bolehlah berunding seterusnya dengan rakyat yang berkenaan.

Tuan Speaker, apa yang selalu jadi ialah di dalam satu perbahasan yang serupa ini Kerajaan bukan sahaja mesti kaji apa yang kita telah capai di tahun dahulu, apa yang kita ingin hendak buat di tahun depan tetapi apa-apa perkara yang mesti kita siap sedia untuk tahun-tahun yang akan datang. Perkara-perkara yang telah berbangkit yang tidak masuk di dalam anggaran, Kerajaan Negeri tentulah akan mengambil perhatian dan di mana boleh kita akan cari jalan untuk menyelesaikan perkara-perkara ini di dalam tahun depan atau kalau tidak mengikutlah satu anggaran tambahan tahun depan atau untuk tahun 1989. Apa yang jadi ialah kita di dalam Barisan Nasional, kita ada satu pasukan yang sesungguhnya bekerjasama untuk kepentingan rakyat kita dan dengan semangat ini saya ingat kita tentulah pertahankan prinsip demokrasi beralimén. Ini yang saya selalu bawa perhatian Yang Berhormat yang tidak hadir. Kita bagi peluang satu hari, dia tidak hadir, dua hari pun tidak hadir, tetapi apa yang mereka telah ditunjukkan bahawa mereka tidak mempunyai tanggungjawab sebab mereka tidak ambil bahagian di dalam satu persidangan yang penting ini. Mereka telah letak kuasa mereka mewakili rakyat yang telah mengundi mereka bagi tahun depan dan untuk tahun yang akan datang. Ini satu peluang yang mereka tidak peduli, cuma menjaga dengan apa yang D.A.P. hendak buat dalam politik, tidak jaga dengan sesungguhnya permintaan atau kepentingan rakyat yang duduk dalam kawasan yang telah mengundi mereka menjadi wakil, tetapi macamanapun Kerajaan tentunya menjaga rakyat di seluruh Negeri Pulau

Pinang dan sebab itu saya menyeru kepada sahabat-sahabat saya di dalam Dewan ini sungguhpun kita jaga dengan kawasan kita tetapi disebabkan tindakan buruk yang ditunjukkan oleh parti pembangkang kita mesti ambil tanggungjawab lebih dan jaga dengan kepentingan rakyat di dalam kawasan yang sebelah kita yang mana telah diterangkan bahawa ahli-ahli parti pembangkang tidak lagi bertanggungjawab bekerja untuk faedah rakyat.

Dengan ini saya ucapkan sekali lagi terima kasih kepada semua yang telah menyokong usul saya.

Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah yang kita hadapi sekarang ialah usul bahawa Dewan ini meluluskan perbelanjaan sebanyak \$38,780,220.00 yang tertunjuk di dalam Anggaran Pembangunan Negeri Pulau Pinang 1988 yang dibentangkan sebagai risalah dan menetapkan bahawa jumlah wang tersebut hendaklah dipergunakan bagi tujuan-tujuan yang ditetapkan di dalam Anggaran Pembangunan 1988 itu dipersetujui.

Ahli-ahli yang bersetuju, katakan 'ya'.

'Ya'

Yang tidak bersetuju, katakan 'tidak'.

'Ya' sebulat suara, usul dipersetujui.

6. (B) Usul daripada Y.A.B. Ketua Menteri.

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan bahawa Dewan ini membuat ketetapan untuk memindahkan sejumlah \$13,600,000.00 daripada Kumpulanwang Pembangunan Negeri tahun 1987 kepada Akaun Hasil Negeri Yang Disatukan pada tahun yang sama seperti yang diluluskan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dan mengusulkan bahawa jumlah wang tersebut hendaklah digunapakai semata-mata bagi tujuan pembayaran balik pin-

jaman yang dikenakan dan dibayar kepada Kerajaan Pusat.

Tuan Speaker, semasa membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan, saya telah menyatakan bahawa sejumlah \$9,200,00.00 adalah dipindahkan dari Kumpulanwang Pembangunan ke Akaun Hasil Yang Disatukan. Baru-baru ini Perbendaharaan Persekutuan telah meluluskan cadangan Kerajaan Negeri untuk menjadualkan semua syarat-syarat pembayaran balik pinjaman-pinjaman tertentu, tambahan pula Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang akan membayar sejumlah \$8,135,724.00 kepada Kerajaan Negeri sebelum akhir tahun ini. Oleh yang demikian dengan mengambilkira pembayaran ini bersama-sama dengan \$14,225,020.00 yang sepatutnya diterima daripada Pihak Berkuasa Air. Kumpulanwang Pembangunan Negeri akan mempunyai lebih bagi tahun ini yang boleh dipindahkan ke Akaun Hasil Yang Disatukan bagi membolehkan Kerajaan Negeri membuat bayaran kepada Perbendaharaan Persekutuan.

Tuan Speaker, pemindahan yang dicadangkan akan membolehkan Kerajaan Negeri membayar balik pembayaran hutang dan faedahnya yang sepatutnya dibayar kepada Kerajaan Persekutuan. Sebenarnya pemindahan ini adalah perlu disebabkan oleh Seksyen II, Perenggan 3 Akta Kumpulanwang Pembangunan tahun 1966 yang memerlukan supaya semua pembayaran balik pinjaman Kerajaan Negeri dibuat melalui Anggaran Perbelanjaan Mengurus. Apabila pinjaman yang perlu dibayar dan dijelaskan semakin bertambah dari setahun ke setahun atau dalam tahun-tahun tertentu seperti tahun 1987, lebih-lebih lagi apabila sumber-sumber hasil kita terhad maka pemindahan seperti ini akan diperlukan.

Tuan Speaker, Perbendaharaan Persekutuan telah memberi kelulusan terhadap cadangan pemindahan ini tertakluk kepada resolusi untuk tujuan ini dibuat di dalam

Dewan Undangan ini. Ini telah jelas menunjukkan betapa eratnya hubungan di antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri khususnya dalam pengurusan kewangan kita. Ini juga menunjukkan bahawa kedua-dua agensi iaitu Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan Pihak Berkuasa Air yang telah dapat membantu dengan berkesannya program-program Pembangunan Kerajaan Negeri. Ini telah membolehkan Kerajaan Negeri mengurus dengan lebih baik pembayaran keseluruhannya pembangunan di negeri ini.

Tuan Speaker, oleh yang demikian, usul ini memohon kuasa berkanun untuk memindahkan wang sejumlah \$13,600,000.00 dari Kumpulanwang Pembangunan tahun 1987 ke Akaun Hasil Yang Disatukan bagi tahun yang sama seperti yang telah diluluskan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan bagi membolehkan Kerajaan Negeri membayar balik pinjamannya kepada Kerajaan Persekutuan.

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo):

Tuan Speaker, saya menyokong usul itu.

Tuan Speaker:

Usul ini dibuka untuk perbahasan, siapa yang ingin mengambil bahagian?

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah yang kita hadapi sekarang ialah usul bahawa Dewan ini membuat ketetapan untuk memindahkan sejumlah \$13,600,000.00 daripada Kumpulanwang Pembangunan Negeri 1987 ke Akaun Hasil Negeri Yang Disatukan pada tahun yang sama seperti yang diluluskan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dan mengusulkan bahawa jumlah wang tersebut hendaklah digunapakai semata-mata bagi tujuan pembayaran balik pinjaman yang dikenakan dan dibayar kepada Kerajaan Pusat dipersetujui.

Ahli-ahli yang bersetuju, katakan 'ya'.

'Ya'.

Yang tidak bersetuju, katakan 'tidak'.

'Ya' sebulat suara, usul dipersetujui.

6. (C) Usul daripada Yang Berhormat Dr. Ibrahim bin Saad:

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim bin Saad):

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa Yang Berhormat Dr. Sak Cheng Lum dilantik sebagai wakil Dewan ini ke Jumaah Universiti Malaya di bawah Seksyen 13(i) Akta Universiti dan Kolej Universiti, (Pindaan) 1975 dan bahawa perlantikan ini hendaklah berkuatkuasa mulai hari ini bagi tempoh selama tiga tahun.

Tuan Speaker, saya bangun untuk mencadangkan usul yang berbunyi seperti berikut:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa Yang Berhormat Dr. Sak Cheng Lum dilantik sebagai wakil Dewan ini ke Jumaah Universiti Malaya di bawah Seksyen 13(i) Akta Universiti dan Kolej Universiti, (Pindaan) 1975 dan perlantikan ini hendaklah berkuatkuasa mulai hari ini bagi tempoh tiga tahun."

Tuan Speaker, Yang Berhormat Dr. Sak Cheng Lum telah dilantik menggantikan bekas Ahli Dewan Encik Lim Heng Tee pada 16 Oktober, 1986 bagi tempoh asal Encik Lim iaitu sehingga 31 Julai, 1987. Oleh kerana tempoh perlantikan beliau telah tamat maka adalah disyurkan bahawa Yang Berhormat Dr. Sak dilantik semula sebagai wakil Dewan ini ke Jumaah Universiti Malaya mulai hari ini bagi tempoh tiga tahun.

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan.

Ahli Kawasan Machang Bubok (Encik Goik Hock Lai):

Tuan Speaker, saya menyokong usul itu.

Tuan Speaker:

Usul ini dibuka untuk perbahasan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah yang kita hadapi sekarang ini ialah usul bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa Yang Berhormat Dr. Sak Cheng Lum dilantik sebagai wakil Dewan ini ke Jumaah Universiti Malaya di bawah Seksyen 13(i) Akta Universiti dan Kolej Universiti, (Pindaan) 1975 dan bahawa perlantikan ini hendaklah berkuatkuasa mulai hari ini bagi tempoh tiga tahun, dipersejui.

Ahli-ahli yang bersetuju, katakan 'ya'.

'Ya'.

Yang tidak bersetuju, katakan 'tidak'.

'Ya' sebulat suara, usul dipersetujui.

7. Pemilihan Senator untuk menggantikan Allahyarham Ismail bin Nagore yang telah meninggal dunia pada 3 Jun, 1987.

Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat seperti yang telah dimaklumkan pada hari pembukaan mesyuarat ini pada 23 November, 1987 sepucuk surat yang bertarikh 10 Julai, 1987 telah diterima daripada Tuan Yang Terutama Yang DiPertua Negeri yang meminta Dewan menjalankan pemilihan Senator untuk menggantikan Allahyarham Ismail bin Nagore yang telah meninggal dunia pada 3 Jun, 1987.

Kita akan menjalankan pemilihan ini mengikut cara seperti ditetapkan di dalam Jadual 7, Bahagian 1, Perlembagaan Persekutuan. Seksyen 8, Bahagian 2 kepada Jadual Ketujuh itu menetapkan bahawa tempoh jawatan bagi seseorang yang dipilih untuk menggantikan seseorang yang telah mati sebelum habis tempoh jawatan-

nya ialah selama baki tempoh jawatan itu.

Calun-calun untuk pilihan mestilah dicadangkan dan disokong oleh Ahli-ahli Dewan dan disertai pula dengan kenyataan bertulis bahawa calun itu bersedia untuk berkhidmat jika dipilih. Mengikut Artikel 47(a) Perlembagaan Persekutuan, tiap-tiap warganegara yang bermastautin di dalam Persekutuan ini dan berumur tidak kurang daripada 30 tahun adalah layak untuk menjadi seorang Senator dengan syarat tidak terlucut kelayakannya mengikut Artikel 48.

Oleh kerana hanya seorang sahaja yang akan dipilih maka tiap-tiap Ahli Dewan mempunyai satu undi sahaja dan jika sekiranya mana-mana Ahli mengundi lebih daripada apa yang dipergunakan itu maka undi lebih itu adalah batal atau tidak sah.

Sekarang saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian mengemukakan cadangan masing-masing untuk menggantikan Allahyarham Ismail bin Nagore.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Datuk Khoo Kay Por):

Tuan Speaker, saya ingin mencadangkan Encik Hamid Araby bin Md. Salih sebagai Ahli Dewan Negara untuk menggantikan Allahyarham Ismail bin Nagore yang telah meninggal dunia pada 3 Jun tahun 1987.

Encik Hamid Araby yang berumur 51 tahun ialah seorang peniaga dan Ahli Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Beliau telah mula berkecimpung di dalam bidang politik pada tahun 1950 dan berjaya memegang jawatan sebagai Penolong Setiausaha, Cawangan UMNO Kota pada tahun 1959. Beliau kini ialah Ketua UMNO Cawangan Taman Brown/Taman Tun Sardon, Pemangku Ketua UMNO Bahagian Bayan Baru dan Setiausaha, Barisan Nasional Bayan Baru.

Selepas lulus peperiksaan Cambridge School Certificate pada tahun 1958, beliau telah mengajar di Sekolah Rendah Cina

Kong Meng Branch School di Paya Terubong dan selepas itu di Madrasah Al-Mashoor Al-Islamiah dan Sekolah Methodist Afternoon School. Dari tahun 1960 sehingga 1981, beliau telah bekerja sebagai Ketua Stesyen Keretapi di Bukit Bendera Pulau Pinang.

Dalam bidang sosial, Encik Hamid Araby telah banyak menyumbangkan tenaga dan masa untuk kebaikan masyarakat dan pernah menjadi Setiausaha Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Bukit Bendera, Jawatankuasa Mentadbir Masjid Bukit Bendera, Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Taman Brown dan Taman Tun Sardon, Presiden Persatuan Pesakit Jiwa Pulau Pinang, Pengerusi Lembaga Pelawat Hospital Besar Pulau Pinang dan lain-lain lagi.

Beliau juga telah berkhidmat sebagai Ahli Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Pulau Pinang dari tahun 1974 sehingga tahun 1977 dan sebagai Ahli Majlis Perbandaran Pulau Pinang dari tahun 1979 sehingga sekarang.

Memandangkan khidmat dan jasa Encik Hamid Araby seperti disebutkan itu, saya dengan sukacitanya ingin mengesyurkan supaya Encik Hamid Araby bin Md. Salih dipilih sebagai Ahli Dewan Negara untuk menggantikan Allahyarham Ismail

bin Nagore mulai hari ini sehingga 25 Disember tahun 1989 iaitu baki tempoh Allahyarham Ismail bin Nagore itu.

Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Mak Mandin (Dr. Sak Cheng Lum):

Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

Tuan Speaker:

Ada cadangan lain?

Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan sekalian, dengan ini saya mengisytiharkan Tuan Haji Hamid Araby bin Haji Md. Salih dipilih sebagai Senator mulai hari ini sehingga 26 Disember, tahun 1989.

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Tuan Speaker, saya menyokong.

Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan.

Dewan ditangguhkan jam 5.30 petang.